

Jilid III  
Bil. 33



Hari Rabu  
25hb Oktober, 1989

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

## **DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

## **PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

## **PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

### **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6237]

#### **RANGUNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 6378]**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2);**

**Jawatankuasa—**

**Jadual Pertama:**

**Maksud B. 30 [Ruangan 6309]**

**Jadual Kedua:**

**Maksud B. 30 [Ruangan 6309]**

**Maksud B. 42 [Ruangan 6318]**

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **USUL:**

#### **Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1989:**

##### **Jawatankuasa—**

**Maksud P. 31 [Ruangan 6309]**

**Maksud P. 51 [Ruangan 6320]**

**Maksud P. 53 [Ruangan 6321]**

**Maksud P. 54 [Ruangan 6330]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENOKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOOOIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

»» Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONO KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pillai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SM ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. AU, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANO BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).

- », TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG, (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KM SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.  
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- »» DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.  
(Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).



Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITIINGAN (Keningau).

„ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang  
Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN Srm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Janiah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 25hb Oktober, 1989

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua, (Dato  
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Yang Berhormat, Tuan S. S.  
Subramaniam.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan  
Yang di-Pertua, Soalan No. 1.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Peraturan  
Mesyuarat 35 (6) mengenai soalan ini.  
Saya difahamkan Yang Berhormat  
dari Hulu Selangor adalah seorang  
Pengerusi bagi Persatuan Pembuat-  
pembuat Condom dan juga terlibat  
dalam kilang membuat condom  
sebagai seorang pengarah. Bolehkah  
Tuan Yang di-Pertua beri satu ruling  
raengenai perlu pecuniary interest  
diisytiharkan?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Dato  
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);**  
Yang Berhormat, soalan ini adalah  
umum dan tidak ada menyentuh ke-  
pentingan seseorang dan terserah. . . .

**Tuan Teoh Teik Huat:** Pembuat  
Condom.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Dato  
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);**  
Yang Berhormat, duduk! Menteri

boleh menjawab sekiranya dike-  
hendaki. Sekarang jemput.

**INDUSTRI SARUNG TANGAN  
DAN CONDOM**

**1. Tuan S. S. Subramaniam** minta  
Menteri Perdagangan dan Perin-  
dustrian menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Men-  
teri sedar industri sarung tangan  
getah dan "condom" boleh jadi  
industri yang penting untuk  
menggagalkan "downstream  
activities" bagi latex. Apakah  
sebabnya industri ini telah  
terjejas sejak satu tahun yang  
lampau. Apakah langkah-  
langkah yang sedang diambil  
oleh Kementeriannya untuk  
menggagalkan pasaran dunia  
bagi barangan tersebut; dan
- (b) adakah Yang Berhormat sedar  
dengan pemberian pegangan  
100% ekuiti kepada orang-  
orang asing dalam industri  
tersebut mereka telah me-  
wujudkan kilang-kilang yang  
memegang pasaran dunia  
dengan cara tertutup dan pe-  
megangan ini sedang menjejas-  
kan pembangunan industri-  
industri tersebut dalam negara  
kita. Jika sedar, apakah  
tindakan yang akan diambil  
oleh Kementeriannya untuk  
menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan  
Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat);**  
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

saya sedar sebagai industri sarungtangan getah dan "condom" boleh menjadi satu industri yang penting untuk menggalakkan "downstream activities" bagi latex. Oleh sebab itu, pengeluaran sarungtangan dan "condom" telah disenaraikan sebagai keluaran-keluaran digalakkan yang layak mendapat galakan cukai di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986.

(ii) Industri sarungtangan getah dan "condom" telah terjejas sejak tahun yang lampau disebabkan penguatkuasaan peraturan baru mengenai kualiti import, "medical devices" termasuk "examination gloves" dan "surgical gloves" oleh Amerika Syarikat yang merupakan pasaran terbesar bagi keluaran sarungtangan getah dan "condom". Para pekilang dan pengeksport barangan-barangan ini terpaksa memenuhi peraturan baru yang lebih ketat dan ini secara tidak langsung telah menjejaskan eksport barangan itu. Permintaan untuk "examination gloves" juga telah berkurangan disebabkan oleh stock berlebihan atau over stocking yang disimpan oleh pengimport-pengimport Amerika Syarikat. Keadaan ini diramalkan akan berlanjutan untuk sekurang-kurangnya dua tahun lagi.

(iii) Bagi menentukan sarungtangan getah dan "condom" Malaysia akan dapat pasaran di luar negeri, usaha-usaha telah dibuat supaya pengilang-pengilang barangan yang mengeluarkan barangan yang memenuhi piawaian kehendak-kehendak negara pengimport. Kementehaan Perdagangan dan Perindustrian telah menganjurkan dua seminar kerjasama Food and Drug Administration Amerika Syarikat (USFDA) pada tahun ini. Di kedua-dua seminar tersebut, pegawai-pegawai USFDA telah memberikan ceramah dan tunjukajar kepada para pekilang dan pengeksport sarungtangan dan condom mengenai

peraturan baru pengimport barangan-barangan itu kepada Amerika Syarikat dan cara-cara untuk melaksanakan Amalan Pengilangan Yang Baik atau Good Manufacturing Practices. Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM juga giat membantu para pengilang dan pengeksport untuk meningkatkan mutu keluaran barangan getah supaya keluaran negara kita ini dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

(b) Pemberian pemegangan 100% ekuiti kepada orang-orang asing untuk menubuhkan kilang-kilang sarungtangan getah di Malaysia tidak menjejaskan pembangunan industri ini di negara ini, malahan mempergiatkan lagi pertumbuhannya.

Sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan telah menyediakan garis panduan yang jelas mengenai pegangan 100% ekuiti oleh rakyat asing dan penjelasan mengenainya telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, para pelabur asing yang ingin melabur di negara ini dibenarkan memegang 100% ekuiti sesebuah syarikat, sekiranya syarikat berkenaan berorientasikan eksport. Oleh itu pelabur asing sebenarnya membantu Malaysia mengeksport keluaran sarungtangan ke negara-negara maju di serata dunia. Pelaburan asing bukan sahaja membawa masuk modal pelaburan, malahan juga mewujudkan pasaran baru untuk barangan getah negara, Syarikat-syarikat asing juga membantu negara kita meningkatkan lagi penggunaan bahan mentah tempatan di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga pelabur-pelabur tempatan bersedia untuk pelabur asing sebenarnya membantu Malaysia mengeksport keluaran sarungtangan ke negara-negara maju di serta dunia. Pelaburan asing bukan sahaja masuk modal pelaburan, malahan juga mewujudkan pasaran

baru untuk barangan getah negara. Syarikat-syarikat asing juga membantu negara kita meningkatkan lagi penggunaan bahan mentah tempatan di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga pelabur-pelabur tempatan bersedia untuk berkecimpung dengan giat dalam aktiviti perindustrian. Sekiranya pelabur asing tidak diberikan kemudahan ini, berkemungkinan besar mereka akan melabur di negara-negara jiran kita dan seterusnya mengeksport keluaran dari negara jiran pasaran eksport. Jika keadaan ini berlaku sudah tentu akan membantu pertumbuhan dan merugikan industri negara sendiri.

**Dato' Dr Affludin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa buah kilangkah, kalau boleh iaitu kilang pengeluar sarung-tangan ataupun condom getah yang tidak mencapai taraf kualiti FDA ini yang terjejas apabila standard piawaian FDA ini dikenakan kepada kilang-kilang di negara kita.

Soalan kedua, apakah piawaian FDA ini juga dipakai oleh negara-negara pengimport yang lain seperti Eropah dan Jepun?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mungkinkah dengan pegangan ekuiti 100% misalannya oleh syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat (USA) membawa anasir-anasir monopoli di dalam pengimportan barang-barang ini dari negara kita yang mana kemungkinan barang-barang pengeluaran kilang yang dipegang 100% oleh investor daripada Amerika semuanya diimport tinggal barang-barang dari kilang-kilang tempatan tidak dieksport berdasarkan prejudice ataupun monopoli.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan di sini.

Yang pertama berkaitan kilang mengeluarkan keluaran-keluaran kurang kualiti ini. Saya minta maaf oleh kerana Kementerian saya tidak ambil angka-angka ini kerana angka-angka ini susah didapati. Pengeluar atau pengeksport dari Malaysia ke Amerika kalau barang-barang itu sudah reject mereka tidak bagi tahu Kementerian kita, for obvious reason, dengan izin.

Yang kedua, tentang negara Jepun, saya minta maaf saya tidak faham apa soalan itu.

**Dato' Dr Affludin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, adakah negara Jepun dan juga negara-negara Eropah menggunakan standard FDA Amerika Syarikat untuk menentukan barang-barang pengeluaran kita yang disebut ini di dalam pengimportan mereka?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, sejauhmana saya tahu negara masing-masing itu ada piawaian sendiri tetapi di sini saya tidak ada butir-butir terperinci.

Yang ketiga, kalau saya tidak salah faham Yang Berhormat, saya berpendapat walaupun Amerika Syarikat pada masa sekarang ada monopoli tentang keluaran-keluaran susu getah khasnya examination gloves atau condom. Tetapi saya berpendapat keadaan ini tidak menjejaskan pekilang-pekilang di Malaysia. Oleh kerana itu adalah satu pasaran yang tetap kalau pekilang-pekilang tempatan tidak boleh eksport ke pasaran yang lain mereka pun tidak boleh masuk pasaran Amerika Syarikat yang tetap itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa dengan penyer-taan pelabur-pelabur asing kita boleh menggalakkan pertumbuhan dalam industri tersebut. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa

pelabur-pelabur asing ini terutama Taiwan merekalah yang menjadi pemasar utama bagi bahan-bahan sarungtangan dan condom tadi yang dibuat di Malaysia. Merekalah merupakan pemasar yang telah menyebabkan kualiti kita jatuh dengan menghantar barang-barang tiruan dan juga bukan sarungtangan. Setengahnya dihantar apabila dibuka di Amerika kita dapati hanya kertas-kertas kosong dan tidak ada sarungtangan. Dengan itu kepercayaan pihak Amerika kepada kita berkurangan oleh kerana perbuatan orang yang memasarkan barang-barang tadi. Jadi sekarang mereka sendiri datang ke Malaysia untuk melabur dan sudah tentu dengan pasaran tetap yang ada mereka akan dapat menandingi pelabur-pelabur tempatan. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menggalakkan usahasama dengan membenarkan pelabur asing tadi ber-usahasama dengan pelabur tempatan dan pelabur tempatan menjadikan kilang-kilang mereka sebagai ekuiti dengan pelabur-pelabur asing tadi. Dengan cara begitu pelabur-pelabur tempatan tidak akan gulung tikar.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham Yang Berhormat dari Arau maksud soalnya adalah tentang kenapa atau bagaimana pelabur-pelabur asing yang ada pasaran di peringkat antarabangsa boleh menjejaskan pelabur-pelabur tempatan di sini.

Seperti saya maklumkan di dalam jawapan saya tadi saya sudah menerangkan keadaan ini tidak berbangkit oleh kerana pasaran-pasaran itu tidak sama. Pasaran untuk pelabur dari Taiwan, mereka sudah ada pasaran tetap dan apa sepatutnya yang pekilang-pekilang tempatan mesti buat adalah mesti ceburi pasaran yang baru.

## JABATAN BOMBA SABAH

**2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan ahli-ahli dan alat-alat kelengkapan Jabatan Bomba di negeri Sabah, sebagai langkah untuk mengatasi dan membantu di dalam kebakaran.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mempunyai rancangan untuk menambah bilangan anggota-anggota bomba dan alat kelengkapan kebomba-an bukan sahaja bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba negeri Sabah tetapi juga bagi semua Jabatan Bomba negeri di seluruh Malaysia. Baru-baru ini dua buah kereta bomba yang baru dan enam buah pump trailer serta beberapa alat kelengkapan bomba sukarela telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Bomba negeri Sabah. Satu kereta command car dan satu lagi kereta bomba telah dirancang untuk Jabatan Bomba negen Sabah.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan merancang beberapa buah balai bomba baru dengan anggota-anggota dan kelengkapan-kelengkapan kebomba-an selaras dengan objektif Kementerian untuk memberi perkhidmatan kebomba-an yang lebih efisien dan berkesan.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kerap kali kebakaran berlaku di negeri Sabah, saya ingin tahu di mana di negeri Sabah sebuah Jabatan Bomba mengawal sampai tiga atau empat daerah kecil, seperti contoh, Jabatan Bomba yang ada di Daerah Beaufort

mengawal, Daerah Sipitang, Daerah Pulau Penyu termasuk Daerah Kecil Memakut dan Daerah Kecil Menumbok. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan berhasrat untuk membina stesyen mini Jabatan Bomba di daerah-daerah khususnya di mana jarak jauh daripada perkhidmatan Jabatan Bomba yang ada sekarang di antara 30 ke 40 batu? Terima kasih.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya mengatakan tadi, memang kita ada membuat rancangan untuk menambahkan Balai-balai Bomba di seluruh negara. Saya akui di Sabah seperti Yang Berhormat kata di kawasan Daerah Beaufort, satu Balai Bomba yang memberi khidmat untuk tiga buah daerah. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa keperluan bagi menjaga tiga daerah ini memadailah dijaga oleh Balai Bomba di Daerah Beaufort. Walau bagaimanapun, ada diperuntukkan di mana daerah-daerah digalakkan mengadakan bomba sukarela dan Kerajaan juga ada mengadakan kereta-kereta bomba untuk memberi kesedaran dan memberi ingatan kepada murid-murid sekolah dan penduduk-penduduk di kawasan yang tidak mempunyai Balai Bomba, akan pentingnya kefahaman untuk menghadapi jika sekiranya ada kebakaran berlaku di daerah-daerah kecil yang disebutkan tadi.

**Datuk Haji Sakaran bin Dandai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah beliau sedar kebakaran yang telah berlaku baru-baru ini di Kampung Titinggan di Daerah Tawau, yang mengorbankan enam jiwa dan telah merugikan harta benda kepada rumah dan harta benda kepada 6,000 lebih penduduk di kampung tersebut dan saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, alat-alat bomba di Daerah Tawau ini adalah tidak mencukupi. Bolehkah Yang Berhormat menyiasat

adakah perkara ini betul kerana daerah ini adalah satu daerah yang besar dan ramai penduduknya, dan sekiranya betul, menempatkan alat-alat kelengkapan bomba untuk daerah ini?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku di Daerah Tawau adalah satu tragedi yang sangat dikesali. Tetapi sukaulah saya mengatakan di sini bahawa tempat kebakaran itu adalah suatu punca kebakaran berlaku di mana rumah-rumah haram yang telah didirikan yang telah tidak mematuhi syarat-syarat atau kehendak-kehendak yang harus diikuti oleh pembina-pembina rumah di kawasan-kawasan rumah-rumah haram. Walau bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan dalam jawapan asal saya bahawa Kementerian sedar akan kekurangan bukan sahaja dari segi kelengkapan mahupun kekurangan daripada kakitangan pegawai-pegawai bomba itu sendiri. Jadi, Kementerian telah pun menghubungi Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Perbendaharaan untuk menambahkan lagi kelengkapan dan kakitangan Jabatan Bomba bagi menampung keperluan-keperluan di dalam pelaksanaan tugas-tugas Jabatan Bomba.

#### **INDUSTRI PELANCONGAN— BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah bentuk pertolongan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan Negeri memajukan industri pelancongan mereka. Jika ya, senaraikan jenis dan jumlah sumbangan yang telah diberikan kepada tiap-tiap negeri di Malaysia. Apakah peranan sebenar Tourist Development Corporation (TDC).



**Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha memajukan industri pelancongan, Kerajaan Persekutuan telah dan sedang memberi beberapa bentuk bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan di antaranya ialah:

(i) *Peruntukan Pinjaman bagi Projek-projek Pembangunan*

Kebanyakan projek-projek pembangunan industri pelancongan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu, pembiayaan bagi kebanyakan projek-projek tersebut merupakan peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan. Misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$12.3 juta telah pun diperuntukkan kepada seluruh negara. Peruntukan ini merupakan pemberian pinjaman kepada Perbadanan Awam untuk melaksanakan projek-projek itu.

(ii) *Bantuan Kewangan Sempena Tahun Melawat Malaysia*

Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia, Kerajaan-kerajaan Negeri juga mengendatikan berbagai program pengindahan dan peningkatan taraf beberapa tempat tarikan pelancongan di samping merancang berbagai program perayaan. Kerajaan Persekutuan juga mengeluarkan bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membiayai perkara-perkara yang tersebut di atas berjumlah \$16.0 juta.

(iii) *Bantuan Promosi Bersama Negeri-negeri*

Bagi maksud pemasaran dan penggalakan pelancongan di

peringkat negeri-negeri, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$300,000 bagi tiap-tiap negeri pada tahun 1988. Bantuan ini dikeluarkan bagi tujuan menyediakan bahan-bahan promosi seperti video, risalah-risalah dan poster-poster. Selain daripada itu, Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan kempen pemasaran yang meluas di peringkat antarabangsa bagi semua negeri.

(iv) *Bantuan Nasihat Teknikal*

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa terlibat dalam berbagai mesyuarat di peringkat negeri bagi membincangkan rancangan pembangunan projek-projek pelancongan. Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, Kementerian sentiasa memberi perhatian dan khidmat nasihat tentang pelaksanaan dan kejayaan sesuatu projek pelancongan.

(v) *Penyediaan Infrastruktur Asas*

Secara tidak langsung Kerajaan Persekutuan juga terlibat dalam merancangan dan membina infrastruktur-infrastruktur asas seperti jeti-jeti, lapanganterbang, jalan-jalan raya dan kemudahan pelancongan yang memberi faedah kepada Kerajaan Negeri dari segi memajukan industri pelancongan.

(vi) *Latihan Tenaga Kerja*

Kerajaan juga memberi perhatian untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam bidang industri pelancongan. Di antara kursus-kursus yang telah dijalankan

ialah seperti Kursus Pandu Pelancong, Bengkel Kesopanan, Kempen Kebersihan, Kursus Penyambut Tetamu dan sebagainya. Dengan hal yang demikian, Kerajaan-kerajaan Negeri mendapat faedahnya secara tidak langsung melalui kegiatan-kegiatan yang telah dirancang di peringkat Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan Perbadahan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM), suka saya menjelaskan bahawa PKPM telah diberi tanggungjawab khususnya dalam bidang pemasaran dan penggalakan pelancongan di dalam dan di luar negeri. Selain daripada itu, PKPM juga terlibat dalam melatih tenaga kerja bagi industri pelancongan.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang panjang lebar oleh Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan tadi beliau ada berkata kemudahan-kemudahan yang diberi untuk menggalakkan pelancongan-pelancongan datang ke Malaysia. Apakah kemudahan-kemudahan dan galakan yang diberi kepada pelancong-pelancong umpamanya dari Russia, China dan lain-lain?

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan tadi, apabila saya menyebutkan kemudahan-kemudahan iaitu yang berbentuk infrastruktur, barangkali maksud Ahli Yang Berhormat dari Larut tadi ialah kempen-kempen pengiklanan melalui media massa di dalam akhbar-akhbar Russia atau negeri China atau negeri-negeri lain.

Jadi, buat masa ini pihak Kementerian saya menumpukan perhatian kepada kategori pertama iaitu negara-negara yang dekat dengan

Malaysia yang mana pelancong-pelancong dapat datang ke Malaysia kerana ada accessibility iaitu ada penerbangan-penerbangan yang banyak datang ke kawasan ini, yang kedua, berasaskan kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara yang berkenaan iaitu rakyat yang datang dari negara-negara yang berkenaan ada disposable income; dan yang ketiga, polisi Kerajaan-kerajaan berkenaan yang membenarkan rakyatnya melancong ke luar negeri.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah peruntukan yang diberikan kepada negeri Kedah semasa Ketua-ketua Negara Komanwel yang bercuti di Langkawi dan apakah hasilnya yang akan negara kita dapati dari peruntukan itu?

Yang kedua, mengapakah pihak Kerajaan memilih Pulau Langkawi sebagai tempat beristirehat bagi Ketua-ketua Negara Komanwel dan adakah pulau itu adalah negeri asal Perdana Menteri? Soalan yang ketiga. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, soalan yang kedua itu terkeluar dari soalan asal.

**Tuan Ngoh Thiam Woh:** Yang kedua. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang kedua terkeluar dari soalan asal.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Okay, yang ketiga. Yang ketiga itu mengambil tempat yang kedua, gantikan yang ketiga. Soalan yang kedua, adakah doktor-doktor dari Russia yang dibenarkan mempraktik ataupun mengamalkan kepakaran mereka untuk mengubati myopia di Langkawi

juga adalah sebahagian dari program Kementerian Yang Berhormat untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita?

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang terakhir dahulu iaitu mengenai pakar-pakar yang datang dari Russia. Sebenarnya kedatangan pakar-pakar tersebut tidaklah dirancang oleh Kementerian saya dan saya rasa tidaklah perlu bagi saya menjawab soalan itu.

Yang kedua, mengenai hasil yang dapat diwujudkan melalui mesyuarat CHOGM dengan adanya Ketua-ketua Kerajaan yang mengunjungi Pulau Langkawi, dari segi penggalakan atau promosi pelancongan, memang ada banyak hasil yang akan menguntungkan industri pelancongan bukan sahaja Pulau Langkawi, tetapi juga Malaysia keseluruhannya, sebab dengan adanya kehadiran Ketua-ketua Kerajaan tersebut, maka di kaca-kaca TV di seluruh dunia hampir tiap-tiap malam nama Malaysia ada wujud, dan tempat-tempat yang cantik dan indah pun wujud, dalam kaca-kaca TV di seluruh dunia. Dengan penggalakan akan exposure seperti itu, memang akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari seluruh pelusuk dunia datang ke Malaysia.

Mengenai soalan pertama tadi iaitu peruntukan wang yang dibelanjakan untuk mesyuarat CHOGM di Pulau Langkawi, perbelanjaan berkenaan tidak diluluskan atau diuruskan oleh Kementerian saya tetapi diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri.

#### **DEMONSTRASI PELAJAR UNIVERSITI/KOLEJ**

**4. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah demonstrasi yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar

universiti/kolej sejak Oktober, 1988 hingga September 1989;

- (b) bilangan pelajar-pelajar yang terlibat dalam setiap demonstrasi; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap pelajar-pelajar berkenaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah demonstrasi yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar universiti/kolej sejak Oktober, 1988 hingga September, 1989 ialah sebanyak 5 kali.

Jumlah pelajar yang terlibat bagi 5 demonstrasi ini adalah dalam anggaran 1,800 orang. Pihak universiti mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang telah dan akan dikenakan terhadap pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dan merancang demonstrasi di universiti-universiti/kolej kita.

Setakat ini, peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap pelajar-pelajar yang terlibat ialah mengadili mereka menurut Kaedah Tata tertib Pelajar di bawah Akta Universiti 1972, sekiranya merancang demonstrasi tanpa izin terlebih dahulu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam 5 demonstrasi yang telah diadakan tadi, saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya dan punca-puncanya demonstrasi itu diadakan. Itu sahaja saya ingin bertanya dalam soalan tambahan ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 5 demonstrasi yang terlibat ialah termasuk Universiti Malaya yang mana pelajar-pelajar telah berdemonstrasi terhadap reaksi tentang terhadap buku "Satanic

Verses" dan juga, keduanya, golongan yang memberi bantahan terhadap konsert Shiela Majid; di Universiti Kebangsaan terhadap Rakaman Pesta Varia RTM dan di Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1989 semasa Konsert Francesca Peters.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan sangat termasyhur mengadakan demonstrasi apabila beliau menjadi mahasiswa semasa universiti beliau dan ini sebenarnya modal politiknya, adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan mahasiswa-mahasiswa untuk berdemonstrasi dalam kampus-kampus yang tidak melanggar undang-undang, kalau tidak menjadi masalah keselamatan dan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya mahasiswa-mahasiswa bolehlah memberikan perhatian dan minat atas isu-isu hal ehwal semasa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah bahawa saluran-saluran untuk mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswi-mahasiswi kita untuk memberi pandangan dan berbincang atas isu-isu semasa banyak diberi peluang dalam sesi woksyop, seminar dan lain-lainnya. Dan juga di mana kalau Yang Berhormat ingat masa demonstrasi Universiti Malaya pada bulan September 1989 mengikut kebenaran yang telah diberi dan syarat-syarat tertentu. Yang penting sekali mana-mana kegiatan tersebut tidak melanggar undang-undang yang ada, dan ini memang kita tidak ada bantahan.

#### LATIHAN ATLIT KE LUAR NEGERI

**5. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian bercadang mempertingkatkan lagi kemudahan

latihan di luar negeri bagi olahragawan-olahragawan kita yang berjaya dalam sukan SEA yang ke 15 sebagai persediaan untuk Sukan Asia yang akan datang di Beijing.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia bercadang menghantar beberapa atlit dan pasukan untuk menjalani latihan di luar negeri sebagai persiapan untuk Sukan Asia di Beijing pada tahun 1990 dan Sukan SEA 1991. Atlit-atlit yang telah dan akan menjalani latihan di luar negeri ialah:

- (i) Nurul Huda Abdullah di Australia;
- (ii) Jeffrey Ong di England;
- (iii) Faiznur Miskin yang akan mengikuti latihan di Canada;
- (iv) M. Kumaran yang akan mengikuti latihan di Jerman Barat.

Pihak Majlis Sukan Negara masih menunggu laporan dari Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan mengenai "Program Latihan Dua Tahun Ke arah Sukan SEA Ke-16 di Manila". Laporan-laporan ini akan mengemukakan dengan lebih terperinci latihan-latihan luar negeri yang dikehendaki oleh beberapa jenis sukan sebagai persiapan menghadapi Sukan Asia dan Sukan SEA. Pihak Majlis Sukan Negara akan mengkaji dan menilai setiap laporan yang dikemukakan dan sekiranya latihan luar negeri akan memberi faedah kepada sukan-sukan yang terlibat, Majlis Sukan Negara akan membiayai perbelanjaan bagi menjalani latihan tersebut.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan prestasi yang cemerlang dalam sukan SEA yang ke-15, apakah harapan kontijen Malaysia di Sukan Asia yang akan datang dan

bolehkah dia mencapai kedudukan yang baik di Beijing,

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan akan membuat persiapan seperti mana tadi saya sebut untuk melatih atlit-atlit kita untuk Asia Game. Tetapi kita tidak boleh jangka berapa pingat emas kita dapat pungut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati apabila kita menghantar atlit ke luar negeri, mereka yang dihantar itu peringkat umur sudah tinggi, umur 20 tahun—tua macam kita ini. Jadi, apabila mereka balik, dari segi peribadi tidak dapat menyumbang lagi kerana kebanyakan yang balik itu sudah tua, jadi gerafnya sudah turun. Jadi, perbuatan kita menghantar atlit yang umur sudah lanjut sia-sia.

Soalan saya, tidakkah Kerajaan bercadang untuk memilih mereka yang masih di bangku sekolah, dihantar ke luar negeri supaya apabila mereka itu sudah terlatih semasa umur masih muda, balik dari luar negeri bukan hanya mereka dapat menyumbang kepada negara dari segi medal oleh kerana umur masih muda tetapi dari segi latihan yang disampaikan akan difusikan kepada orang-orang yang belum terlatih. . .

**Seorang Ahli:** Diserapkan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** . . . atau diserapkan kepada orang-orang yang belum terlatih. Kawan-kawan macam-macam perkataan yang baru diperkenalkan kepada saya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya untuk menentukan sebab kita banyak dapat pingat emas, kita adakan acara sukan di negara kita sendiri. Jadi bagaimana saya cadang supaya Kerajaan memohon betul-betul dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa supaya

diadakan sukan Asia itu di Malaysia supaya banyak pingat emas dan pingat perak yang kita perolehi. Kerana semenjak kita menyertai acara sukan di luar negeri, tidak banyak pingat emas dan pingat perak. Jadi, apabila diadakan di negeri kita sendiri banyak pingat emas dan kalau dapat kita adakan sukan Asia dan sukan Olimpik di Malaysia, macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa soalnya, Yang Berhormat? Apa soalnya?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sukan macam itu?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang atlit-atlit yang sudah tua hendak hantar ke luar negeri, itu tidak benar. Kalau Yang Berhormat ada mendengar apa yang telah saya jawab, Nurul Huda Abdullah berapa umurnya, kita semua tahu. Jeffrey Ong 17 tahun kita semua tahu. Dan Faiznur Miskin, 15 tahun. Itulah jawapan saya.

Jawapan yang kedua tentang SEAP Game di Malaysia. . .

**Seorang Ahli:** SEA Game sudah habislah!

**Cik Teng Gaik Kwan:** SEA Game di Malaysia kita boleh dapat pencapaian cemerlang. Apa Yang Berhormat kata itu tolong ulangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Semuta, semula.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya kata nampaknya apabila kita adakan sukan itu di negara kita, kita dapat banyak pingat. Jadi bagaimana, adakah Kerajaan bercadang untuk memohon kepada pertubuhan antarabangsa supaya mengadakan

lebih kerap lagi acara sukan itu baik Asia atau Olimpik di Malaysia supaya banyak pingat yang kita boleh dapat.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Itu soalan telah keluar daripada soalan asal. Tidak apa, saya cuba jawab. Perkara itu kita akan hadapi barangkali satu hari kita pun boleh mengadakan Olympic Game di Malaysia.

#### PELANGGAN TELEFON— MENUBUHKAN JAWATANKUASA ADUAN

**6. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebuah jawatankuasa pengaduan untuk mendengar dan menyiasat ke dalam pelanggan-pelanggan telefon yang mengadu tentang bayaran berlebihan serta kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam bil, tuntutan bayaran oleh penghuni-penghuni dahulu dan pemotongan perkhidmatan telefon yang dibuat secara sewenang-wenang untuk memaksa para pelanggan membayar bil-bil mereka.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini memang telah wujud satu badan bagi menerima, menyiasat dan meneliti aduan tidak puas hati pelanggan-pelanggan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh STM.

Badan yang dimaksudkan ialah Jabatan Telekom Malaysia yang bertindak sebagai badan kawalselia yang diwujudkan semasa pengswastaan JTM pada tahun 1987. Jabatan Telekom Malaysia sebagai kawalselia akan menyiasat dan menyelesaikan masalah. Pemegang lesen iaitu STM dikehendaki di bawah Syarat 22 Lesen di dalam Lesen STM hendaklah menyatakan terma dan juga syarat mengenai perkhidmatannya.

STM juga dikehendaki memberi kesempatan dan mengwujudkan satu tatacara penimbangtara dengan izin "arbitration procedure" yang mudah dan rendah kos pengendaliannya untuk menyelesaikan masalah dan aduan pelanggan. Ini memberi peluang kepada pelanggan untuk mendapatkan pertimbangan dari satu badan yang bebas tanpa merujuk kepada mahkamah undang-undang. Tatacara ini adalah berdasarkan kepada rundingan di antara STM dan Ketua Pengarah Telekom dan dikaji dari semasa ke semasa.

Untuk faedah dan pengetahuan pengguna-pengguna, pihak STM akan mengeluarkan satu buku panduan yang dikenali sebagai "Kod Amalan Perkhidmatan Pengguna". Kandungan Kod Amalan ini juga akan dicetak dalam buku panduan telefon. Tatacara pengaduan adalah seperti berikut:

- (i) Semua aduan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada pihak STM melaliri Kedai Telekom atau Pejabat Tempatannya.
- (ii) Jika jawapan dan keputusan dibuat oleh STM tidak memuaskan pihak pelanggan, pelanggan bolehlah merujuk masalah berkenaan kepada Ketua Pengarah Telekom di Jabatan Telekom Malaysia atau di Jabatan Telekom Kawasan untuk diselidik semula dan dipertimbangkan oleh pihak JTM sebagai Penimbangtara, dengan izin, Arbitrator.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Menteri berkenaan, kawalselia atau tatacara, bila boleh diadakan oleh sebab baru-baru ini di Seremban banyak pelanggan-pelanggan ada membuat komplek bahawa mereka tidak dapat mengenali jawatankuasa ini.

Kedua, Pejabat Telekom adalah satu badan yang mempunyai teknologi yang tinggi. Apa sebab sampai sekarang tidak boleh mengatasi masalah penyelewengan. Banyak ada orang komplek mengenai terlebih caj, Ini satu perkara yang penting dan diharap dibetulkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jikalau ada juga aduan-aduan terlebih dahulu aduan itu disampaikan kepada STM. Jikalau jawapan dan juga penjelasan yang didapati daripada STM itu tidak munasabah, selepas itu pelanggan boleh juga membuat aduan kepada JTM dan barulah JTM boleh mengambil tindakan. Yang Berhormat dari Seremban tadi mengatakan ada banyak aduan-aduan daripada Seremban. Jika ada aduan-aduan seperti itu, minta dihantar kepada JTM dan saya berjanji kita boleh menyasiat dengan seberapa cepat yang kita boleh.

Kedua, daripada soalan Ahli Yang Berhormat, iaitu mengapakah kita mempunyai banyak aduan berkenaan dengan bayaran bil. Pada masa dahulu bayaran bil kita tidak memberi detail bil kepada pelanggan-pelanggan. Pada masa sekarang kita boleh memberi detail bil kepada panggilan luar dari Kuala Lumpur. Kita ada juga panggilan-panggilan di dalam Kuala Lumpur, saya percaya kita boleh juga membuat detail kepada panggilan-panggilan itu. Tetapi ini saya percaya, daripada nasihat saya sendiri selepas saya menjadi Menteri dalam Kementerian itu, saya minta Jabatan Telekom dan STM, mengapa kita tidak boleh beri bil detail kepada panggilan-panggilan tempatan, tetapi itu saya percaya harga akan dikenakan seratus kali ganda daripada bil yang kita kenakan kepada pelanggan itu sekarang. Jikalau kita mahu juga bil-bil detail seperti panggilan tempatan, kita kena memakai lebih apparatus, dengan izin. Ini akan dikenakan tebih

harga supaya boleh menjalankan sistem telekom yang kita ada sekarang. Oleh kerana itu siapa yang suka mendapat bil detail untuk panggilan luar dari Kuala Lumpur kita beri, iaitu dengan mengenakan bayaran \$1 atau \$2 lebih sahaja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal detail bil atau boleh buat pengaduan apabila menerima bil itu bayaran lebih, tidak timbul masalah. Yang kita hendak tahu ialah apakah perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang kerana apabila berlaku perkara-perkara tersebut, telefon dipotong, banyak timbul masalah, manakala kita tahu bahawa telefon ini untuk kemudahan awam, untuk kemudahan orang ramai. Itulah dikatakan dahulu STM diswastakan untuk kemudahan yang demikian. Tetapi hari ini STM sudah menjadi badan perniagaan. Bukan prioritinya untuk kemudahan awam yang diharapkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan untuk menswastakan STM ialah untuk memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan-pelanggan. Saya sendiri sudah menyasiat apakah di masa lima atau enam tahun dahulu STM atau JTM dan juga perkhidmatan mereka dan apakah perkhidmatan mereka sekarang? Tetapi satu masalah, seperti apa Yang Berhormat menyoal tadi, iaitu bolehkah kita memberi satu akaun kesilapan itu tidak boleh berlaku lagi? Saya percaya tidak ada manusia boleh memberi satu akaun kesilapan itu tidak akan berlaku lagi. (*Tepuk*) Oleh kerana semua kerja-kerja ini manusia dengan mesin, manusia boleh memberi akaun tetapi mesin tidak boleh beri akaun. Walau bagaimanapun, seperti apa yang saya katakan tadi, kita boleh memberi lebih. . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum selesai jawapan saya lagi. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh beri pinjam kerusi Yang Berhormat satu bulan, mungkin saya boleh atasi itu (*Ketawa*).

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya percaya Ahli Yang Berhormat, saya boleh pindah kerusi satu bulan, jikalau tidak boleh selesai, saya minta Yang Berhormat boleh kosongkan kerusi itu (*Ketawa*).

Walau bagaimanapun, saya telah meminta Jabatan Telekom untuk mengadakan satu penyiasatan mendalam, bagaimana kita boleh menyelesaikan bil ini dan ini ada di dalam pertimbangan sekarang. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Seremban ada menerima aduan-aduan seperti yang dikatakan tadi, minta hantar kepada saya dan saya berjanji kita akan membuat satu siasatan yang mendalam untuk mendapatkan jawapan yang lebih sesuai kepada Yang Berhormat.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bercakap mengenai pemotongan secara sewenang-sewenang, pada 14hb Oktober yang lalu saya dapati telefon atur saya telah dipotong, (*Ketawa*) padahal segala bil tuntutan telefon tersebut baru sahaja dibuat. Bila saya membuat penyiasatan dengan pegawai yang berkenaan dengan mengemukakan resit pembayaran, maka secara diam-diam disambung semula. Bukankah itu satu bukti bahawa terdapatnya pemotongan secara sewenang-sewenang. Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan supaya kejadian sedemikian rupa tidak akan menjadi amalan kerana ianya amat mengganggu walaupun pemotongan itu

dapat disambung semula tetapi ia mengganggukan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, pemotongan itu bukan sewenang-sewenang. Saya percaya pemotongan kepada telefon atur Ahli Yang Berhormat lebih munasabah oleh kerana saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat lebih bertanggungjawab kepada rakyat jelata dan juga Kerajaan dan juga negara kita. Tiap-tiap Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada telefon, ada juga satu masa untuk membayar, bulan pertama tidak bayar, bulan kedua tidak bayar, bulan ketiga baru bayar. Pada masa itu, bulan kedua kita sudah ambil keputusan untuk memotong telefon. Kalau dia bayar atau tidak bayar, kita potong. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, bila STM mengambil tindakan untuk memotong telefon itu, baru kita mengumumkan tindakan itu sewenang-sewenangnya tetapi saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, ada lebih \$15 juta dan \$20 juta pada akhir bulan ini belum dapat dibayar. Mahukah kita teruskan perkhidmatan itu kepada mereka? STM tidak boleh menjalankan satu badan derma, kalau derma macam mana hendak bayar bonus? Macam mana hendak bayar gaji kepada pekerja-pekerja?

**Tuan Maidom P. Pansai:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak ada penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, bil tuntutan telefon saya sentiasa dibuat setiap bulan oleh P.A. saya, jadi tidak ada soal selepas dua bulan atau tiga bulan belum terbayar.



**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat telah membayar tiap-tiap bulan mengikut tarikh itu, jikalau Jabatan Telekom memotong telefon, saya minta bukan sahaja, saya arahkan kepada Sistem Telekom Malaysia bukan untuk membayar balik atau kita boleh juga membayar gantirugi. Jikalau ada juga salah bagi pihak Ahli Yang Berhormat, saya mahu juga satu akuan daripada Ahli Yang Berhormat. Saya boleh janji, kalau Sistem Telekom Malaysia memotong telefon itu tidak munasabah, saya akan mengambil tanggungjawab untuk itu. Kita boleh juga menyiasat bil itu. Jikalau Yang Berhormat mahu, saya akan menyiasat bil itu, okay?

#### SISTEM BARU DI RANCANGAN FELDA

**7. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan sistem baru di dalam bidang pembukaan tanah di Rancangan FELDA. Apakah bentuk sistem baru tersebut; dan
- (b) bilakah pemberian hakmilik akan diserahkan kepada peneroka-peneroka di Rancangan-rancangan FELDA yang ada sekarang yang telah menyelesaikan hutang-hutang mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedang mempertimbangkan satu sistem baru bagi dikendalikan oleh FELDA. Bentuk dan konsep sistem baru ini tidak dapat kita berikan secara detail tetapi pada secara kasarnya ialah ia akan bertindak berdasarkan sebuah badan yang akan didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Jadi, di bawah Akta

Syarikat ini tentulah unsur-unsur seperti keuntungan dan daripada keuntungan itu datang insentif seperti bonus, dividen dan sebagainya lagi dan semuanya ini akan mengarah kepada satu galakan supaya peserta-peserta skim FELDA pada masa akan datang akan diberi peluang memiliki saham-saham di dalam syarikat yang berkenaan. Untuk makluman bersama, Kerajaan sedang berfikir untuk melaksanakan skim baru ini pada 1hb Januari 1990.

Untuk soalan (b), memang apabila peneroka-peneroka telah menjelaskan segala hutang, FELDA sepertimana yang telah dijanjikan pada masa lepas akan memberikan hakmilik individu kepada mereka iaitu setelah nama-nama mereka diberikan kepada pihak berkuasa tanah di sesebuah daerah di dalam sesebuah negeri. Jadi, semuanya mestilah peneroka-peneroka itu menyelesaikan dahulu segala hutang ataupun pinjaman kepada FELDA,

Mengenai pecahan bilangan rancangan yang terlibat dan juga daripada segi taburan sawit ataupun getah inilah angka-angkanya:

Bilangan rancangan yang terlibat bagi sawit ialah ..	5
Bagi getah ialah .. ..	41
	—
Jumlah ..	46
	—

Bilangan peneroka bagi	
Sawit .. .. .	1,053
Bagi getah .. ..	7,982
	—
Jumlah ..	-9,035
	—

Keluasan iaitu dari segi ukuran hektar:

Sawit ..	4,368 hektar
Getah ..	27,365 hektar

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ini jawapan yang mana?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tidak ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jawapan yang mana ini?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Soalan No. 7. Ya, tetapi Tuan Muhammad bin Abdullah yang bertanya tadi. Saya ingat betul jawapan saya. Apa dia?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang (b).

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Meng (b) yang saya jawab sekarang. Apa salahnya? Apa yang sibuk ini?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tolong sedikit. Soalannya bilakah pemberian hak milik akan diserahkan kepada peneroka. Tidak ada masalah hendak tanya berapa jumlah rancangan, berapa pokok getah ditanam, tidak ada. Saya ingat Yang Berhormat silap itu.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya menjawab ini berdasarkan soalan itu. Yang kedua, saya juga ambil contoh dari pihak di sini memberi jawapan. Tanya seinci, jawab sampai 3, 4 depa yang diberikan oleh Tuan Pengerusi juga. Jadi saya hendak jawab, hendak jelaskan juga seperti mana yang dijawabkan oleh umpamanya Menteri Pos tadi. Panjang-panjang lebar. Ini fasal banyak sangat awak hendak bertanya ini. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk (b) itu Yang Berhormat, saya ingin bertanya sampai ke tahap manakah FELDA akan mengeluarkan hakmilik kepada peneroka-peneroka? Yang keduanya, apakah yang terjadi kepada tanah yang telah dikeluarkan hakmilik kepada peneroka. Apakah FELDA masih lagi mempunyai hubungan dalam apa bentuk . . .

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Speaker, on a point of order. Masa sudah cukup. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Satu minit sudah cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada satu minit lagi. Habiskan soalan. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah habis masa. (*Ketawa*)

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

#### KESEDAR—RANCANGAN PEMULIHAN TANAH

**8. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, didapati keperluan benih getah untuk Rancangan Pemulihan Tanah KESEDAR, di Kelantan bagi tahun 1989 tidak mencukupi. Keperluan sebanyak 310,307 TCP, sedangkan bekalan hanya dianggar 67,500 TCP. Selain dari itu, pihak RRIM juga telah mengesyorkan supaya pihak KESEDAR mendirikan Kilang SMR di semua Wilayah, Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah dengan kapasiti 20-30 tan/hari;

(a) dimanakah dapat kekurangan benih TCP sebanyak 242,807 itu dapat diganti untuk peneroka-peneroka KESEDAR menjayakan kebun mereka bagi tahun 1989;

- (b) adakah pihak Kementerian sedar perkara ini, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh KESEDAR bagi mengatasi kekurangan benih ini; dan
- (c) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menerima pengesyoran RRIM untuk mendirikan Kilang SMR di Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:**

- (a) Bekalan benih getah yang disediakan untuk Rancangan-Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) KESEDAR, di Kelantan bagi tahun 1989 adalah melebihi daripada yang diperlukan. Jumlah bekalan anak benih getah yang telah disediakan untuk tahun 1989 adalah sebanyak 307,008 pokok, berbanding dengan keperluannya sebanyak 271,939 pokok sahaja.
- (b) Dengan penyediaan benih sebanyak 307,008 pokok yang telah dibuat oleh KESEDAR seperti yang telah dijelaskan di atas. Kementerian berpendapat masalah kekurangan benih itu tidak timbul lagi.
- (c) Mengenai pembinaan kilang SMR di Gua Musang, Tanah Merah dan Kuala Krai seperti yang dicadangkan oleh RRIM, Kementerian ini sedang mengkaji kesesuaian cadangan tersebut.

#### TAMBANG KAPALTERBANG JEMAAH HAJI

**9. Tuan Hashim bin Safin** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah tambang menunaikan fardu haji bagi tahun hadapan dan bagaimana perundingan dengan pihak MAS di

dalam soal tambang. Apakah tidak ada cadangan pihak Tabung Haji membenarkan syarikat swasta lain mengangkut penumpang-penumpang haji dari Malaysia.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tambang kapal terbang bagi jemaah haji yang akan menunaikan fardhu haji tahun hadapan belum lagi ditetapkan. Pada masa ini pihak Sistem Penerbangan Malaysia sedang mengkaji kadar kenaikan tambang yang akan dikenakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari penerbangan Malaysia (MAS), penerbangan SAUDIA juga digunakan bagi mengangkut jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci. Sekiranya ada syarikat-syarikat swasta lain yang hendak mengangkut jemaah haji, pertimbangan boleh dibuat di bawah Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1969.

#### SKANDAL BMF—PROSIDING SIYIL DAN JENAYAH

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan (a) prosiding sivil dan (b) jenayah yang telah dimulakan oleh Kerajaan atau Bank Bumiputra atau Bumiputra Malaysia Finance Ltd. berkaitan dengan skandal \$2.5 billion BMF yang menggoncangkan seluruh negara dan dunia, bilangan prosiding sivil yang gagal atau digugurkan dan nyatakan amaun wang yang didapati balik oleh Bank Bumiputra sama ada secara langsung atau menerusi BMFL akibat prosiding-prosiding sivil tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Sebagaimana Ahli yang Berhormat sedia maklum pihak Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) telah pun mengambil beberapa tindakan sivil ke atas mereka-mereka yang tertibat dalam kes BMF baik di Malaysia maupun di Hong Kong. Bilangan kes sivil yang telah

dikemukakan di Mahkamah di Malaysia ialah 3 kes dan di Mahkamah Hong Kong ialah 13 kes.

Mengenai prosiding jenayah, sehingga sekarang tindakan tersebut belum dapat diambil di Mahkamah tempatan atas sebab-sebab tertentu seperti dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Y.B. dari Tanjung pada 30-6-89 di Dewan ini.

Setakat ini semua kes sivil di Mahkamah Malaysia masih lagi, dengan izin, "pending".

Setakat ini Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah memperolehi semula wang sebanyak HK\$56,197,517. Pihak Bank Bumiputra Malaysia telah pun mendapat, dengan izin, "Consent Judgement" di atas tuntutan terhadap Dato Hashim Shamsuddin di Malaysia dan di Hong Kong.

## HARGA BARANG MAKANAN

**11. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab bagi kenaikan harga-harga barangan makanan semasa dalam tahun ini dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membantu mengawal kenaikan harga-harga barangan makanan ini supaya memastikan bahawa orang-orang miskin yang mana sekarang ini adalah yang paling ramai terlibat akan tidak payah lagi menderita sebegitu teruk.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Madatang Morejal yang dijadualkan pada 7-11-1989 dan Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy yang dijadualkan pada 30-11-1989 kerana soalan-soalannya adalah mengenai

perkara yang bersamaan. Kerajaan sedar bahawa harga beberapa jenis barang makanan dan barang perlu lain telah naik dalam tahun 1989. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini adalah berpatutan dan atas sebab-sebab yang munasabah yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjelaskan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan, adalah perlu saya jelaskan sedikit faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga sesuatu barangan di pasaran. Biasanya harga sesuatu barang di pasaran ditentukan oleh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Kenaikan kos-kos bahan mentah, kos pengangkutan, bahan-bahan pembungkus dan kenaikan mata wang asing adalah juga merupakan faktor-faktor yang menentukan harga sesuatu barangan di pasaran. Kenaikan harga beberapa jenis barang makanan dan barang-barang perlu lain dalam tahun 1989 adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti yang disebutkan di atas. Ini tidak ada hubung kait dengan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Madatang Morejal di dalam soalnya. Misalnya:

- (a) kenaikan harga runcit susu pekat manis, susu pekat isian manis, susu tepung dan barangan makanan dan minuman lain yang berasaskan susu adalah disebabkan oleh kenaikan kos pengeluarannya berikutan daripada kenaikan harga bahan-bahan mentahnya iaitu "skimmed milk powder" dan "butter fat" serta bahan pembungkusnya iaitu "tin plates" dan "kraftliners". Harga "skimmed milk powder" dan "butter fat" telah meningkat kepada US\$2,082.00 dan US\$2,181.00 setonne masing-masingnya pada pertengahan

tahun 1989 berbanding dengan US\$1,950.00 dan US\$1,800.00 setonne masing-masingnya pada akhir tahun 1988 iaitu meningkat sebanyak 6.77% dan 21.16% masing-masingnya. Harga bahan pembungkus iaitu "tin plates" dan "kraftliners" telah meningkat daripada M\$2,200.00 dan US\$523.00 di dalam tahun 1988 kepada M\$2,530.00 dan US\$550.00 di dalam tahun 1989 iaitu meningkat 15% dan 5.18% masing-masingnya.

- (b) harga runcit tepung gandum telah meningkat kepada 85 sen sekilogram di dalam tahun 1989 berbanding dengan 75 sen sekilogram dalam tahun 1988 iaitu meningkat sebanyak 10 sen atau 13.3%. Kenaikan harga runcit tepung gandum ini adalah berpunca daripada kenaikan kos bahan mentahnya iaitu biji gandum kepada M\$461.00 setonne dalam tahun 1989 berbanding dengan M\$454.00 setonne dalam tahun 1988 iaitu meningkat sebanyak 2%.

Berkenaan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan, sukacitalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah dan tindakan bagi mencegah berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan harian. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga, mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Biar pun demikian, Kerajaan telah mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengawasan yang berkesan untuk menentukan harga barangan ini di pasaran sentiasa berada di satu tahap yang tidak

membebaskan. Dalam sistem pengawasan ini, satu cara untuk mengawal kenaikan harga barang-barang ialah melalui menentukan bekalan barang-barang perlu mencukupi pada setiap masa.

Bagi menentukan bekalan barang-barang perlu mencukupi untuk kegunaan pengguna dan mudah diperolehi dalam setiap keadaan, sebanyak 20 jenis barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Kerajaan berpendapat bahawa dengan sentiasa wujudnya bekalan di pasaran maka dengan secara automatik harga barang-barang ini akan menjadi stabil dan kalau adapun berlaku kenaikan harga, ianya adalah pada tahap yang berpatutan dan tidak memberikan bebanan yang berat kepada pengguna. Pihak pengeluar dan pengilang seberapa yang boleh akan menyerapkan kenaikan kos-kos pengeluaran yang berlaku dan hanya akan menaikkan harga barangan keluaran mereka sekiranya kenaikan kos pengeluaran ini adalah terlampau tinggi dan tidak mampu diserapkan oleh mereka.

Kerajaan juga telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual-runcit) 1977 iaitu satu perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Di bawah Perintah ini, penjualruncit diwajibkan meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dipamerkan untuk jualan. Buat masa ini, sebanyak 111 jenis barangan yang meliputi 45 jenis barang makanan, 44 jenis barang bukan makanan dan 22 jenis barang-barang alat ganti kenderaan bermotor diwajibkan diletakkan tanda harga. Dengan cara ini, pengguna dapat membuat perbandingan harga dan memilih harga yang termurah ditawarkan oleh peniaga dan secara

tidak langsung Kerajaan telah memainkan peranan mengawal harga barang-barang keperluan.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy di dalam soalnya, tidaklah dapat dinafikan berkemungkinan ada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan meraut keuntungan berlebihan terutamanya apabila keadaan ekonomi bertambah pulih seperti pada masa ini. Sukacita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa menjalankan pengawasan melalui pemeriksaan-pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan termasuk pasar-pasar malam untuk menentukan aktiviti-aktiviti yang menyeleweng dapat dibentaras. Bagi tahun 1989, sehingga 23-10-1989 sebanyak 105,936 premis-premis perniagaan yang meliputi pasaraya-pasaraya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan telah menghasilkan 4,725 kes. Daripada pemeriksaan dan tindakan-tindakan yang dijalankan ini, didapati peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barang-barang keperluan sewenang-wenangnya. Di dalam lain-lain perkataan, harga barang-barang berkemungkinan akan mengalami kenaikan apabila kuasa permintaan melebihi dari kuasa bekalan.

#### MENAMBAK LAUT—KAJIAN

**12. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan rasionalnya Kerajaan ingin menambak laut di sebahagian Pantai Barat. Apakah kajian terperinci telah dibuat dan apakah jangkaan hasil dari cadangan tersebut kerana ianya melibatkan kos yang besar dan apakah sesuai dengan masanya dan keperluannya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Rasionalnya Kerajaan ingin menambak laut di sebahagian Pantai Barat ialah untuk mengatasi masalah kekurangan tanah khususnya di negeri-negeri seperti Melaka, Pulau Pinang dan Perlis. Kajian secara terperinci sedang dijalankan. Mengenai jangkaan hasil daripada cadangan tersebut di mana Kerajaan akan memperotehi pertambahan keluasan tanah hasil daripada penambakan yang boleh digunakan untuk menempatkan kawasan-kawasan perindustrian, lapangan terbang, sekolah dan lain-lain. Urusan menambak laut adalah sesuai dengan masa dan keperluan berdasarkan keadaan bahawa tanah-tanah yang sesuai untuk pembangunan telah menjadi semakin berkurangan; sedangkan keperluan tanah untuk pembangunan semakin meningkat. Sehubungan dengan penambakan kawasan laut di Pantai Barat Semenanjung ini, Kerajaan akan tetap memelihara kawasan-kawasan pantai yang indah untuk menarik pelancong dan mengekalkan keindahan alam semulajadi.

#### BEKALAN ELEKTRIK DI TAWAU—KEROSAKAN

**13. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terjadi kerosakan yang berterusan bekalan tenaga elektrik kepada para pengguna di Tawau dalam beberapa bulan yang lalu walaupun banyak komplek dibuat oleh para pengguna dan daripada Dewan Perniagaan Cina, Tawau. Mengapakah tawaran (tender) bagi tujuan pemasangan 2 unit generator 8.16 MW belum lagi dikeluarkan sehingga sekarang.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Tawau mempunyai keupayaan penjanaan kuasa elektrik sebanyak 27

megawatt (MW) dan ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan maksima bandar Tawau sebanyak 21 megawatt (MW) pada kebiasaannya.

Akan tetapi apa yang berlaku ialah apabila set penjana yang besar (8 MW) terpaksa menjalani kerja pembaikan pulih; dan ini telah mengakibatkan gangguan bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk Tawau. Mengenai pemasangan 2 unit janakuasa 8.16 megawatt (MW) kontrak telah pun diberikan bulan September, 1989 lalu dan dijadualkan siap pada akhir tahun 1990. Dengan terpasangnya tambahan 2 set janakuasa ini, bekalan elektrik di Tawau akan lebih kukuh.

#### **JURUOPTIK—KAWALAN PENDAFTARAN**

**14. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah juruoptik di negara ini yang menjalankan perniagaan. Daripada jumlah tersebut berapakah yang benar-benar bertauliah. Bilakah Kerajaan akan melaksanakan AKTA OPTOMETRY bagi menjaga mutu perkhidmatan dan profesional itu, supaya tidak membahayakan pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng);** Pada masa ini, belum ada undang-undang yang mengawal pendaftaran atau amalan juruoptik. Dengan ini, Kementerian pada masa ini tidak mengumpul maklumat mengenai bilangan juruoptik yang menjalankan perniagaan ataupun yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, mengikut anggaran terdapat lebih kurang 500 orang juruoptik menjalankan perniagaan dalam negara ini.

Untuk menjaga mutu perkhidmatan juruoptik, Kementerian ini sedang merangka satu Rang Undang-Undang Optometry. Deraf ini akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk ulasan mereka.

#### **PELABURAN ASING**

**15. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah permohonan untuk melabur di Malaysia oleh pelabur-pelabur asing diterima dan berapakah yang telah diluluskan. Negara manakah yang terbanyak sekali memohon dan apakah kemudahan atau bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelabur-pelabur itu.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab oleh Y.B. Menteri Perdagangan bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Pagoh pada 24-10-1989. Oleh itu saya tidak akan mengulanginya lagi.

#### **KEKURANGAN ALAT SUKAN**

**16. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa lagi banyak kekurangan alat-alat sukan untuk belia dan beliawanis di negara kita ini, kalau ia, apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengadakan alat-alat sukan yang cukup, dan meningkatkan mutu sukan negara.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Negara Malaysia tidak kekurangan alat-alat sukan. Walau bagaimanapun, adalah didapati harga alat-alat sukan dalam pasaran agak tinggi sedikit justeru itu terkeluar daripada kemampuan kebanyakan para belia kita. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan

sedang berusaha untuk mengurangkan ataupun memansuhkan sama sekali cukai yang dikenakan kepada alat-alat sukan supaya kosnya boleh dikurangkan dengan harapan akan membolehkan para belia kita mampu membeli alat-alat ini untuk keperluan mereka. Lebih ramai para belia terlibat secara langsung di dalam kegiatan sukan dan rekreasi fizikal akan membantu usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan mutu sukan negara.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bagi mempertingkatkan mutu sukan negara merangkumi program-program yang bertujuan untuk memperbaiki mutu pentadbiran Persatuan Sukan Kebangsaan, memberi galakan dan rangsangan kepada atlet kebangsaan, memperbaiki keupayaan jurulatih dan menyediakan kemudahan-kemudahan sukan berdasarkan kepada kemampuan kewangan negara.

## PERDAMAIAN DI KAMPUCHEA

**17. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan terhadap usaha mencapai perdamaian di Kampuchea apabila menteri-menteri luar di Paris yang diadakan pada hujung bulan Ogos 1989 yang lalu itu gagal membawa persetujuan yang penting.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah diadakan di Paris dari 30hb Julai dan 30hb Ogos itu adalah bertujuan untuk mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kemboja. Walaupun persidangan ini tidak berjaya untuk mencapai penyelesaian yang menyeluruh, persidangan

telah berjaya mengariskan butir-butir perinci mengenai perkara-perkara yang terkandung dalam penyelesaian yang menyeluruh. Kedua-dua Pengerusi Bersama, Perancis dan Indonesia akan mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam masa enam bulan untuk menentukan sama ada persidangan akan diadakan semula.

Sejak akhirnya Persidangan Antara-bangsa itu, terdapat beberapa perkembangan mengenai soal Kemboja ini. Vietnam telah mengistiharkan bahawa ia telah mengundurkan kesemua tenteranya dari Kemboja tetapi perkara ini tidak diterima oleh masyarakat antarabangsa memandangkan pengunduran ini tidak disahkan oleh badan pengawasan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Selepas pengunduran itu, puak-puak Khmer telah mempertingkatkan aktiviti ketenteraan supaya dapat memperkukuhkan kedudukan masing-masing.

Di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 44 yang berlangsung sekarang ini, ASEAN berusaha untuk terus memperolehi sokongan masyarakat antarabangsa terhadap pencapaian penyelesaian politik yang komprehensif untuk Kemboja, melalui Resolusi mengenai keadaan di Kemboja.

Beberapa inisiatif telah pun diutarakan supaya proses konsultasi dan perundingan disambung semula dan untuk mengelak pertumpahan darah berterusan. Adalah menjadi harapan Malaysia yang konsultasi ini akan membuka jalan untuk mencapai penyelesaian politik yang menyeluruh untuk Kemboja. Malaysia bersama-sama dengan rakan-rakan ASEAN akan terus berusaha untuk mencapai matlamat ini.



## DADAH—KAWALAN MEMBANTERAS

**18. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di antara kaedah-kaedah tindakan undang-undang, teguran (counselling), pengiklanan (advertising) dan pendidikan yang diguna untuk mengawal dan membendung ketagihan dadah di kalangan masyarakat, kaedah manakah paling berkesan dan yang paling tidak berkesan di Malaysia;
- (b) adakah keberkesanan setiap kaedah itu sama bagi semua jenis ketagihan dadah atau berbeza-beza darjatnya. Jika berbeza-beza, maka, sila huraikan perbezaan dalam keberkesanan sesuatu kaedah mengawal atau membendung penggunaan jenis dadah yang berkesan; dan
- (c) apakah kaedah lain, daripada yang disebutkan di atas yang diguna oleh Kerajaan untuk mencegah ketagihan dadah di kalangan penagih. Betapa berkesanlah keadaan ini bila dibanding dengan yang lain.

**Perdana Menteri:** Seperti yang diamalkan di semua negara, pendekatan yang digunakan untuk mencegah dadah di Malaysia ialah melalui pengurangan bekalan dan pengurangan permintaan. Pengurangan bekalan bertujuan untuk menyekat dan membanteras kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penjualan dadah dalam negara. Manakala pengurangan permintaan pula bertujuan mencegah dan mengurangkan kegiatan penagihan dadah. Strategi-strategi pencegahan dadah yang telah dirumus berdasarkan kepada pendekatan di atas meliputi pendidikan pencegahan dan penerangan, penguatkuasaan undang-undang dan rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Pada masa sekarang strategi yang diberikan penekanan sebagai langkah jangka panjang bagi mencegah dadah di Malaysia ialah melalui pendidikan pencegahan. Strategi ini bertujuan untuk membina ketahanan diri jenerasi muda supaya tidak terpengaruh oleh dadah dan menanam sikap membenci dan menjelik dadah.

Strategi-strategi ini digunakan secara bergandingan dalam merancang program dan aktiviti pencegahan dan pengawalan dadah di Malaysia.

Kaedah-kaedah atau strategi-strategi yang dipakai pada masa ini adalah digunakan bagi menghadapi masalah pengedaran dan penagihan semua jenis dadah yang kini digunakan oleh penagih-penagih di negara ini, iaitu heroin, morfin, candu, ganja dan pil psikotropik.

Buat masa ini kaedah-kaedah atau strategi-strategi di atas sahaja yang digunakan di Malaysia dan tidak ada kaedah-kaedah baru untuk diperkenalkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa meniti kaedah yang sedia ada untuk memperbaikinya lagi.

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

**19. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapa sehingga Julai 1989, sebanyak 2.8 billion ringgit wang peruntukan ataupun 30 peratus peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima masih belum dibelanjakan.
- (b) adakah wang ini sengaja disimpan untuk kegunaan Menteri-menteri Barisan Nasional untuk memancing undi dalam pilihanraya umum akan datang. Jika tidak, mengapa wang peruntukan itu masih belum digunakan.

(c) bilakah Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang (Jabatan ini adalah Jabatan Persekutuan) akan memberitahu Ahli Parlimen Bukit Mertajam tentang maklumat-maklumat berkenaan dengan projek-projek kecil yang akan dilaksanakan di kawasannya pada tahun ini sepertimana diminta dalam suratnya bertarikh 23-8-1989.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Memang benar 30 peratus peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) masih belum dibelanjakan sehingga Julai 1989. Ini bukanlah satu perkara yang baru, malah ianya adalah perkara yang biasa sepertimana juga dialami di tahun-tahun yang lepas di mana di antara 20 hingga 30 peratus peruntukan yang disediakan tidak dapat dibelanjakan disebabkan oleh masalah-masalah pelaksanaan yang dihadapi.

Kerajaan adalah mengambil berat mengenai perkara ini dan telah mengarahkan supaya tindakan yang segera diambil bagi mengatasi masalah-masalah pelaksanaan yang dihadapi. Di antara masalah-masalah yang telah dikenalpasti adalah masalah pengurusan, masalah tanah dan masalah keupayaan kontraktor-kontraktor. Tindakan-tindakan yang berkesan-sungguh-sungguh telah diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Dengan itu adalah dijangkakan perbelanjaan akan meningkat menjelang akhir tahun ini.

Adalah tidak benar sama sekali wang ini sengaja disimpan untuk kegunaan Menteri-menteri Barisan Nasional untuk memancing undi dalam pilihanraya umum akan datang. Peruntukan ini telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini khas untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan

Malaysia Kelima sepertimana disenaraikan di dalam Anggaran Belanjawan Tahunan Kerajaan dan bukan untuk tujuan lain.

Mengenai mengapa peruntukan ini masih belum digunakan adalah kerana sepertimana juga tahun-tahun yang lalu, pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor kerja masih lagi belum mengemukakan tuntutan bayaran pada setengah tahun pertama oleh kerana barang-barang yang dipesan masih belum dibekalkan dan kerja-kerja yang ditawarkan masih lagi belum disiapkan. Perbelanjaan akan mula meningkat pada setengah tahun kedua, biasanya menjelang akhir tahun apabila pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran kelak.

Pejabat Kemajuan Negeri hanya akan memberitahu Ahli Yang Berhormat apabila semua projek yang dilulus dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah atau Jabatan-jabatan Pelaksana Maklumat projek dengan kosnya tidak dapat diberikan sekarang kerana dibimbang perkara-perkara ini akan menjejaskan urusan sebut-harga ataupun penadbiran Pejabat Daerah. Oleh itu, maklumat lengkap mengenai projek-projek ini akan dimaklumkan pada bulan Januari 1990.

#### **PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI SEKOLAH**

**20. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam, Perhatian yang serius hendaklah dimulakan mulai daripada kelas-kelas Tadika dan diusahakan secara serius. Untuk melengkapkan dan mempercepatkan kerja-kerja ini tindakan serta merta hendaklah diambil. Oleh yang demikian bolehkah

Institut Latihan Guru-Guru Tadika diwujudkan dengan segera sebelum "Nasi menjadi bubur". Kelulusan daripada Institut ini' kelak bolehlah diiktiraf dengan skim gaji, kelulusan dan syarat perkhidmatan sepertimana yang dinikmati oleh perkhidmatan pendidikan yang lain.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerapan nilai-nilai Islam dalam pendidikan di peringkat prasekolah memang merupakan salah satu aspek penting yang ditekankan dalam Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah (GPKPP) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Semua pusat pendidikan prasekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan adalah dikehendaki menggunakan Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah ini. Buat masa ini Kementerian Pendidikan belum ada apa-apa rancangan untuk menubuhkan satu Institut Pendidikan Guru-Guru Tadika.

### KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—SUSUNAN SEMULA

**21. Dr V. David** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa sebarang penyimpangan dari dasar-dasar yang telah dirumuskan di Laporan Khas Parlimen (Kertas Putih) mengenai bank-bank Kerjasama kemuncak ini, seperti meletakkan salah satu daripadanya di bawah penerimaan, akan menyebabkan penutupan beberapa koperasi, dan beribu-ribu rakyat Malaysia akan menghadapi masalah terutamanya yang berpendapat pertengahan dan rendah; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa ini akan mengakibatkan rakyat

Malaysia hilang kepercayaannya kepada pergerakan koperasi ini. Sepertimana dilihat di beberapa negeri pergerakan koperasi adalah sebahagian penting dalam bentuk ekonomi negara. Koperasi-koperasi ialah institusi-institusi yang selalu digunakan oleh golongan rakyat yang berpendapatan pertengahan dan rendah. Adakah beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan yang tergo-poh-gapah dan tidak bijak ini akan mempushingkan balik jam perkembangan selama 50-60 tahun iaitu ke masa permulaan pergerakan koperasi di negara kita dalam tahun 1922.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Dalam Kertas Putih mengenai Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit yang telah dibentangkan di Dewan ini dalam bulan November 1986, Kerajaan, antara lain, telah memaklumkan bahawa beberapa koperasi akan disusun semula untuk berfungsi secara efektif sebagai koperasi apeks yang sebenar.

Walaupun bagaimanapun Kerajaan tidak dapat meneruskan rancangan penyusunan semula itu kerana salah sebuah daripada koperasi apeks yang berkenaan, iaitu Bank Kerjasama Pusat Berhad (CCB) didapati menghadapi malalah kewangan yang meruncing akibat dari kerugian teruk yang telah dialami dalam tahun-tahun 1986 dan 1987 yang telah melenyapkan dana ahlinya. Sebaliknya Kerajaan terpaksa mengambil satu langkah untuk melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit dan juga untuk merangka satu skim penyelamat. Kerajaan telah mengambil keputusan supaya Bank Negara Malaysia (BNM) mengambilalih kawalan ke atas perniagaan CCB dan seterusnya memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik Penerima-penerima.

Kerajaan bersimpati ke atas masalah-masalah yang di hadapi oleh pemegang-pemegang saham CCB. Walau bagaimanapun, mereka harus faham bahawa dalam mana-mana pelaburan pun elemen risiko terpaksa dihadapi oleh mana-mana pemegang-pemegang saham. Kerugian yang teruk yang dialami oleh CCB pada tahun-tahun 1986 dan 1987 yang telah melenyapkan dana ahlinya semua sekali perlulah diterima oleh pemegang-pemegang saham CCB sebagai satu risiko dalam pelaburan. Gejala seperti ini boleh berlaku dalam mana-mana perniagaan sama ada koperasi ataupun syarikat-syarikat lain.

Berhubung dengan persoalan sama ada koperasi yang kehilangan pelaburan dalam CCB itu akan ditutup atau tidak terserahlah kepada ahli-ahlinya. Setakat ini koperasi-koperasi tersebut ini masih beroperasi seperti biasa walaupun tidak menerima apa-apa pulangan dari pelaburannya dalam koperasi apeks berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat Malaysia hilang kepercayaan kepada pergerakan koperasi akibat daripada perletakan CCB di bawah penerimaan adalah tidak benar. Ini adalah berasaskan kepada bilangan koperasi, bilangan ahli dan juga jumlah modal saham bagi keseluruhan koperasi-koperasi yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

	1987	1988	1989 ( <i>Sehingga Sept</i> )
1. Bilangan koperasi yang didaftarkan	2,088	2,141	2,183
2. Bilangan Ahli-ahli Koperasi (juta)	2.59	2.66	NA
3. Modal saham koperasi (\$juta)	1.324	1 358	NA

Angka-angka tersebut dengan jelasnya menunjukkan kepercayaan rakyat Malaysia kepada pergerakan koperasi tidak hilang tetapi semakin bertambah.

Kerajaan sedar bahawa peranan koperasi adalah tidak kurang pentingnya dalam pembangunan negara. Tindakan Kerajaan meletakkan CCB di bawah penerimaan bukanlah untuk menyekat perkembangan koperasi tetapi merupakan satu langkah untuk menyelamatkan koperasi berkenaan, khususnya untuk melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit. Tindakan tersebut hanya dilaksanakan setelah kajian yang teliti dijalankan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tindakan sedemikian rupa bukanlah satu langkah yang baru kerana ianya pernah diambil sebelum ini, ke atas 23 buah koperasi-koperasi yang menghadapi masalah ketidak-upayaan memenuhi tanggungan deposit masing-masing.

Berdasarkan jawapan saya ini, adalah jelas tindakan Kerajaan ke atas koperasi apeks berkenaan tidaklah tergopoh gapah atau tidak bijak sehingga boleh memusingkan balik perkembangan koperasi beberapa tahun kebelakangan ini.

#### PERUNTUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK

**22. Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi setiap pihak berkuasa tempatan dalam setiap tahun sejak 1973 di negeri Perak bagi maksud pembangunan, dan sama ada kesemua peruntukan ini telah digunakan oleh setiap pihakberkuasa tempatan itu.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan kepada

Pihak Berkuasa Tempatan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi maksud pembangunan sejak merdeka. akan tetapi oleh kerana peruntukan di masa itu dibuat secara keseluruhan, maka peruntukan bagi tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Perak bagi tempoh 1973-1975 seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah dapat diperoihei.

Peruntukan yang telah dibuat bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Perak dari tahun 1976 hingga 1989 adalah seperti Berikut:

Tahun	Peruntukan Perbelanjaan	
	\$	\$
1976 .. ..	12,500	12,475
1977 . . . .	—	—
1978 .. ..	9,000	5,800
1979 .. ..	1,956,600	265,494
1980 .. ..	1,923,600	462,506
1981 .. ..	681,903	665,330
1982 .. ..	2,822,730	2,006,810
1983 .. ..	1,138,511	861,412
1984 .. ..	616,838	569,256
1985 .. ..	582,857	577,497
1986 .. ..	1,180,950	1,049,516
1987 .. ..	968,750	950,927
1988 .. ..	1,030,000	1,024,553
1989 .. ..	1,710,000	—

Kementerian Kewangan telah dimaklumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa semua peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 1989 akan dapat dibelanjakan.

#### PEMULIHAN PENAGIH DADAH

**23. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah yang dikenali di dalam negeri. Sila beritahu langkah-langkah yang telah diambil untuk memulih penagih dadah ini dan keluasan langkah-langkah yang telah diambil dan kecapaian langkah-langkah ini.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Jumlah penagih dadah yang telah dikesan buat pertama kalinya di dalam negeri bagi tempoh 1970 hingga Jun 1989 ialah seramai 141,359 orang.

Daripada jumlah ini seramai 54,993 orang telah dan sedang mengikuti program rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri sama ada secara kemasukan ke Pusat-pusat Serenti atau diletakkan di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah.

Kadar kejayaan bagi mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam institusi bagi tiga tahun yang lalu pukul rata ialah 36.5%.

#### DASAR EKONOMI BARU— MENILAI PENCAPAIAN

**24. Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memberi satu jaminan bahawa dasar yang baru bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru yang akan berakhir pada tahun 1990 akan dibentangkan kepada orang ramai sebelum pilihanraya umum diadakan supaya membolehkan orang ramai membuat keputusan sama ada menerima atau menolak dasar baru ini.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya tidak tahu mengapa Y.B. Encik Teoh Teik Huat cuba mengaitkan perkara mengenai dasar ekonomi negara selepas tahun 1990 dengan pilihanraya umum. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu mempunyai sesuatu tujuan tertentu di sebalik soalnya itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa kerja pembentukan dasar ekonomi selepas tahun 1990, sebagaimana Tuan Yang

di-Pertua sedia maklum, telah pun dimulakan dengan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN). MPEN telah diberi tanggungjawab untuk menilai pencapaian Dasar Ekonomi Baru serta mengemukakan kepada Kerajaan perakuan-perakuan bagi dasar ekonomi selepas 1990. Sebagaimana yang diketahui MPEN dianggotai oleh ahli-ahli yang mewakili segenap lapisan masyarakat meliputi semua pertubuhan politik, golongan peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan persatuan-persatuan guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti. Dasar ekonomi selepas 1990 akan digubal dengan mengambil kira perakuan-perakuan MPEN dan lain-lain pihak berkenaan dan seterusnya ianya akan dibentang di Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan.

#### **BANDUAN MELARIKAN DIRI DARI PENJARA**

**25. Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abd. Latiff** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan:

- (a) apakah punca sebenar menyebabkan banduan-banduan dengan mudah dapat melarikan diri mereka dari penjara-penjara di Malaysia. Begitu juga mereka yang ditahan di Pusat Serenti seperti yang berlaku di Sungai Petani baru-baru ini;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang dirancangan oleh Kementerian supaya peristiwa seperti ini tidak berulang di masa-masa akan datang.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) Kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas.

- (ii) Peluang yang wujud semasa menyertai "projek khidmat bakti" diluar penjara.
- (iii) Keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan dan
- (iv) Keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

(b) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) Mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
- (ii) Mempergiatkan rondaan sekeliling penjara-penjara.
- (iii) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di Mahkamah.
- (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.
- (v) Menambahkan pemasangan "sport light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara.
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.

- (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.
- (viii) Menghantar pegawai/kakitangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa kesemasa dan
- (ix) Mempertingkatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

### INDUSTRI EMAS

**26. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) harapan industri emas dalam ekonomi negara dan kedudukannya di kalangan pengeluar emas dunia;
- (b) sudahkah Kementerian menyediakan peta pelan induk kawasan lombong emas yang berpotensi dan dapatkah peta induk itu dibentangkan di dewan ini;
- (c) dapatkah dinyatakan anggaran bila Malaysia akan menjadi negara pengeluar emas dan banyak manakah anggaran pengeluaran tahunannya bagi lima tahun pertama.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):**

- (a) Semenjak sektor timah mengalami kemerosotan kebela-kakangan ini, tumpuan perlombongan telah mula beralih kepada lain-lain mineral bukan-timah, antaranya ialah emas. Aktiviti perlombongan emas ini telah meningkat jika dibandingkan dengan keadaannya beberapa tahun yang lalu.

Kedudukan perlombongan emas masa kini adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan lombong emas telah meningkat dari hanya 4 buah pada tahun 1970 kepada 31 buah pada bulan Julai 1989.
- (ii) Jumlah pengeluaran emas telah meningkat daripada 161,023 gm pada tahun 1970 kepada 2,928,222 gm pada tahun 1988, manakala pengeluaran bagi tahun 1989 dari Januari hingga Julai ialah sebanyak 1,613,016 gm.
- (iii) Bilangan pekerja lombong emas juga telah meningkat dari 73 orang dalam tahun 1970 kepada 717 orang setakat bulan Julai 1989.

Selain daripada emas yang dihasilkan oleh lombong emas sendiri, emas juga adalah dihasilkan daripada perlombongan timah dan tembaga sebagai hasil sampingan.

Di samping beberapa kawasan berpotensi yang telah dikenalpasti oleh pihak Kerajaan, aktiviti mencarigali untuk siasatan mendalam (detailed prospecting) juga dilakukan oleh pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, serta di Sarawak dan Sabah. Mencarigali secara besar-besaran sedang dilakukan oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang mana lesen-lesen mencarigali telah dikeluarkan kepada mereka oleh negeri-negeri berkenaan. Berdasarkan perkembangan ini, aktiviti perlombongan emas dijangka akan terus meningkat di dalam beberapa tahun akan datang ini dan ianya juga

dijangka akan terus berkembang dari operasi secara kecil-kecilan kepada yang lebih besar dan berteknologi tinggi kelak. Bagi tahun 1989, jumlah pengeluaran emas dari lombong emas dan juga sebagai hasil sampingan dijangka akan mencapai paras 3,000,000 gm. dengan nilai emas mentah dianggar lebih kurang \$72 juta. Kutipan royalti dari pengeluaran emas tersebut dijangkakan akan mencapai kadar \$980,000.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perangkaan 1988, pengeluaran emas mentah oleh negara kita hanyalah merupakan 0.19% daripada jumlah pengeluaran emas dunia.

- (b) Pada masa ini tidak terdapat peta pelan induk kawasan lombong emas yang berpotensi bagi seluruh negara oleh kerana peta tersebut memerlukan kerja-kerja mencarigali yang terperinci. Ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi (Beberapa ratus juta ringgit), masa yang panjang serta bilangan tenaga manusia yang ramai. Kerja-kerja sedemikian sepatutnya dan lazimnya dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta yang berkeupayaan. Walaupun demikian, Jabatan Penyiasatan Kajibumi di bawah Kementerian ini telah menjalankan kajian-kajian bagi mencari kewujudan emas dan lain-lain mineral di beberapa negeri di negara ini. Hasil dari kajian tersebut, beberapa kawasan emas telah dikenalpasti di negeri-negeri Kelantan, Pahang dan Johor dan laporan mengenainya telah pun diterbitkan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi untuk jualan. Di dalam laporan tersebut dimuatkan peta-peta taburan emas secara terperinci dan

kawasan-kawasan berpotensi emas juga disempadankan. Di samping itu kajian-kajian juga sedang dijalankan di negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak di mana laporan mengenainya akan dikeluarkan untuk kegunaan umum.

- (c) Daripada jawapan yang diberikan kepada soalan pertama itu tadi, adalah jelas bahawa Malaysia adalah sebuah negara pengeluar emas. Walau bagaimanapun, kedudukannya adalah kecil jika dibandingkan dengan pengeluaran emas dunia. Namun demikian, berasaskan kajian dan potensi yang sedia ada, pengeluaran emas negara bagi beberapa tahun akan datang adalah dijangkakan seperti berikut:

	1990	1991	1992	1993	1994	1995
Pengeluaran emas mentah (juta gram)	32	334	35	33	37	45

#### **PENAGIH DADAH— PERANGKAAAN**

**27. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kedudukan masalah dadah di negara sehingga hari ini;
- (b) perkembangan ke arah kerjasama bagi penyelarasan undang-undang menghapuskan pengedaran dadah di peringkat antarabangsa.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perangkaan yang diperolehi setakat ini, seramai 141,359 orang telah



dikenalpasti sebagai penagih dari tahun 1970 hingga Jun 1989. Dari jumlah ini 97.7% adalah lelaki dan 2.3% perempuan. Tahun ini sahaja perangkaan menunjukkan bahawa seramai 3,162 orang adalah penagih baru. Kes-kes penagihan adalah amat ketara di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), Selangor, Perak dan Johor.

Perangkaan menunjukkan bahawa 42% daripada penagih yang baru dikesan adalah terdiri daripada penganggur dan buruh kasar. Dadah utama yang digunakan ialah Heroin iaitu 68.8% manakala 19.6% menggunakan ganja dan 7.2% morfin. Dari segi umur pula, data menunjukkan 13.2% penagih terdiri daripada mereka yang berumur 19 tahun ke bawah. 62.8% adalah belia yang berumur antara 20 hingga 29 tahun, 19.9% berumur antara 30 hingga 39 tahun dan 4.1% adalah penagih yang berumur 40 tahun ke atas.

- (b) Perkembangan penting dalam bidang kerjasama antarabangsa mengenai dadah ialah penerimaan Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu 1988 untuk Membanteras Kegiatan Pengedaran Dadah Narkotik dan Bahan-bahan Psikotropik oleh Masyarakat antarabangsa pada 19 Disember 1988. Konvensyen ini merupakan satu dokumen yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang bertujuan menentang kegiatan-kegiatan jenayah yang biasanya bersangkutan-paut dengan pengedaran dadah. Ia juga menambah dan melengkapi dua konvensyen antarabangsa

mengenai dadah yang sedang berkuatkuasa iaitu "Single Convention on Narcotic Drugs, 1961" dan "Convention on Psychotropic Substances, 1971".

Persidangan Plenipotensiori yang berlangsung di Vienna, Austria pada 25 November hingga 20 Disember 1988 telah bersetuju menerima Konvensyen baru ini. Sebanyak 44 buah negara termasuk Malaysia, telah menandatangani Konvensyen ini. Sehingga kini bilangan negara yang telah menandatangani Konvensyen ini bertambah kepada 70 buah negara.

#### BANDUAN MELEPASKAN DIRI DARI PENJARA

**28. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh kerana masih terdapat banduan-banduan yang lepas lari dari penjara, bagi perseorangan ataupun berkumpulan;

- (a) apakah sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepas diri dari penjara;
- (b) sejak tahun 1980 sehingga hari ini, berapakah kes pelarian banduan-banduan telah berlaku;
- (c) adakah perkara ini berlaku kerana kesesakan atau kecuaian. Berapakah bilangan banduan dibanding dengan warden hingga hari ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak berkenaan bagi mengatasi perkara ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Antara sebab-sebab utama

yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) Kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas.
- (ii) Peluang yang wujud semasa menyertai Projek Khidmat Bakti di luar penjara,
- (iii) Keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan.
- (iv) Keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

(b) Kes-kes kelarian banduan daripada penjara adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah kes kelarian banduan di Penjara</i>
1980.. . . . .	17
1 9 8 1 . . . . .	20
1982.. ..	20
1983.. ..	21
1984.. . . . .	8
1985.. . . . .	35
1986.. . . . .	30
1987.. . . . .	44
1988.. . . . .	34
1989 (sehingga September 1989)	27
Jumlah ..	<hr/> 256 <hr/>

(c) Seperti yang saya sebutkan tadi faktor kesesakan dan kecuaiannya pegawai memang merupakan sebab banduan-banduan dapat melarikan diri daripada penjara. Bilangan banduan sehingga 30-9-1989 ialah seramai 21,797 orang berbanding dengan 5,938 orang warden sehingga tarikh yang sama.

(d) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) Mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
- (ii) Mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara.
- (iii) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.
- (v) Menambahkan pemasangan "sport light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara.
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.
- (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.
- (viii) Menghantar pegawai penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa ke semasa; dan
- (ix) Mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

**PEMEGANG KAD  
PENGENALAN MERAH**

**29. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai bilangan pemegang-pemegang kad pengenalan merah dalam negara dan adakah rancangan Kementerian untuk mengadakan kad pengenalan baru;
- (b) berapa banyak kad pengenalan yang masih belum dituntut di Pejabat Pendaftaran dan apakah tindakan diambil pada mereka.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Sehingga 30 Mei 89 seramai 368,519 orang masih memegang Kad Pengenalan Merah. Sekarang Kerajaan sedang dalam proses untuk memperkenalkan kad pengenalan baru (Kad Keselamatan Mutu Tinggi) yang dijadualkan pelaksanaannya mulai pertengahan tahun 1990.
- (b) Setakat ini sebanyak 6,747 keping kad pengenalan yang masih belum dituntut oleh pemiliknya. Sehubungan dengan perkara ini langkah-langkah berikut telah diambil:
  - (i) menghantar surat pemberitahu kepada pemohon;
  - (ii) menyediakan dan mempamerkan senarai kad yang siap di Pejabat Pendaftaran berkenaan;
  - (iii) memberitahu melalui media masa secara umum;
  - (iv) mendapatkan kerjasama penghulu, ketua kampung untuk menghebahkan kepada orang ramai di kawasan masing-masing.

**PENDATANG HARAM—  
MENGHUKUM**

**30. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada undang-undang yang lebih ketat dan diperkenalkan untuk menghukum pendatang haram dalam negara ini;
- (b) bilangan pendatang asing yang diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia dan pemastautin tetap sejak 10 tahun kebelakangan ini. Nyatakan pecahan angka bagi negara-negara asal mereka untuk setiap tahun.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Y.B. setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda lagi undang-undang imigresen yang telah ada. Ini kerana undang-undang yang ada telah pun mencukupi bagi Kerajaan bertindak terhadap pendatang haram di negara ini.
- (b) Bilangan orang yang datang dari negara asing yang telah diberi taraf penduduk tetap sejak 10 tahun lalu adalah seramai 25,298 orang, manakala mereka yang telah diberi taraf warganegara Malaysia ialah seramai 26,873 orang. Mereka yang telah diberi kelulusan warganegara dan penduduk tetap adalah berasal dari berbagai negara.

**ESSENTIAL REGULATIONS  
1975—MEMANSUHKAN**

**31. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan "Essential (Security Cases) Regulation 1975" oleh kerana ia

bersifat (draconian) dan adalah bertentangan dengan undang-undang. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Sebagai sebuah negara yang mempunyai latarbelakang berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Malaysia adalah mudah terdedah kepada perkara-perkara sensitif yang boleh menimbulkan ancaman keselamatan kepada kestabilan dan keamanan negara. Menyedari hakikat ini maka kaedah-kaedah dan aturcara perundangan yang khas didapati perlu diadakan untuk menghadapi bentuk-bentuk kesalahan yang mempunyai hubungkait dengan perkara-perkara keselamatan negara sepertimana yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Oleh kerana Kerajaan sentiasa memberi perhatian utama terhadap perkara-perkara keselamatan negara yang mana adalah sesuatu yang tidak boleh kita berkompromi, soal untuk memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 itu tidaklah timbul.

#### PELAJAR TERLIBAT DENGAN DADAH

**32. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah murid-murid Sekolah Menengah yang telah didapati terlibat dalam penggunaan dadah tahun lepas. Sila beritahu langkah-langkah yang telah diambil untuk memulih murid-murid ini dan keluasan penca-paiannya.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar-pelajar sekolah menengah yang telah didapati terlibat

dalam penggunaan dadah pada tahun 1988 ialah seramai 200 orang.

- (ii) Memandangkan penglibatan pelajar-pelajar dengan dadah adalah ditahap mencuba-cuba (experimenting), ini bermakna mereka tidak perlu diberikan rawatan pemulihan dadah seperti yang dilakukan ke atas penagih-penagih di pusat-pusat serenti. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar berkenaan telah diletakkan di bawah pengawasan sekolah dengan diberikan khidmat nasihat kaunseling oleh guru-guru bimbingan dan kaunseling yang terlatih. Pelajar-pelajar ini juga dihantar untuk mengikuti program khas Kem Jayadiri dan Kem Kaunseling dengan tujuan untuk membina ketahanan diri dan sahsiah yang sempurna. Sejauh ini, sebilangan besar mereka telah dapat dipulihkan dan masih lagi mengikuti pelajaran mereka di sekolah masing-masing.

#### BANTUAN RAKYAT TERMISKIN

**33. Tuan Haji Mohamad Haji Isa** minta Perdana Menteri menyatakan Kerajaan sedang memberi bantuan "Rancangan Membasmi Kemiskinan" kepada rakyat Malaysia yang menelan berjuta-juta ringgit. Negeri manakah yang paling tinggi taraf kemiskinan mengikut:

- (a) bantuan perumahan;  
(b) bantuan kanak-kanak sekolah (Djh. 1 - 6);  
(c) bantuan kanak-kanak kurang zat (berumur setahun - 6);  
(d) bantuan kesihatan (Kelambu dan sebagainya).

Adakah rancangan ini akan memberi kesan yang sihat kepada Kerajaan.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:**

- (a) Maklumat mengenai bilangan rakyat termiskin diperolehi dari Kajian Pendapatan Isirumah 1987 (Household Income Survey, 1987). Berasaskan maklumat ini Negeri Kedah adalah merupakan negeri yang paling banyak menerima peruntukan pembinaan/pemulihan rumah iaitu sebanyak \$2.7 juta.
- (b) Negeri Kedah dan Kelantan adalah merupakan negeri-negeri yang paling ramai kanak-kanak sekolah rendahnya (Darjah 1 hingga 6) menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan, di mana seramai 70,000 orang murid di tiap-tiap negeri ini menerima bantuan. (Maklumat tambahan adalah seperti di Lampiran "B")-
- (c) Jika ditinjau dari aspek kes kanak-kanak (1-6 tahun) yang mengalami masalah kekurangan zat makanan, maka didapati bilangannya adalah paling tinggi di Negeri Sabah. Jumlah kes yang dikenalpasti setakat ini ialah 2,433 bagi negeri tersebut. (Maklumat tambahan adalah seperti di Lampiran "C").
- (d) Kerajaan menyediakan program-program perkhidmatan kesihatan untuk semua penduduk yang memerlukannya di seluruh negara. Di antara bantuannya termasuklah rawatan cacing, kudis buta, program susu tambahan, pendidikan kesihatan, kawalan penyakit bawaan vektor dan kebersihan alam sekitar. Khidmat kesihatan ini disediakan tanpa mengira taraf kemiskinan negeri-negeri tetapi mengutamakan keperluan dan-taraf kesihatan penduduk.

Sementara bantuan kelambu pula, bukan merupakan salah satu program bantuan semasa Kerajaan Persekutuan. Bantuan seperti ini hanya terdapat di negeri-negeri seperti Kelantan, Selangor dan Pahang sebagai percubaan dengan jumlah yang amat kecil.

Program-program yang telah dinyatakan tadi telah memberi kesan yang positif (sihat) kepada Kerajaan.

**LAMPIRAN "A"**

**AGIHAN PERUNTUKAN KEWANGAN PROGRAM PEMULIHAN RUMAH (PPR) BAGI GOLONGAN TERMISKIN TAHUN 1989**

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Keluarga Termiskin</i>	<i>%</i>	<i>Peruntukan 1989</i>
			\$
1. Kedah	25,806	15.0	2,700,000
2. Perak	22,947	13.4	2,414,000
3. Sabah	22,840	13.3	2,394,000
4. Terengganu	20,706	12.1	2,180,000
5. Kelantan	16,968	10.0	1,800,000
6. Sarawak	15,190	8.9	1,600,000
7. Johor	10,376	6.0	1,080,000
8. Pulau Pinang	8,793	5.1	920,000
9. Selangor	8,133	4.8	864,000
10. Negeri Sembilan	7,518	4.3	780,000
11. Pahang	4,484	2.7	470,000
12. Melaka	3,869	2.3	420,000
13. Perlis	3,165	1.9	342,000
14. Labuan	215	0.2	36,000
<b>JUMLAH</b>	<b>171,007</b>	<b>100</b>	<b>18,000,000</b>

*Nota:*

Agihan adalah berdasarkan Household Income Survey, 1987.

## LAMPIRAN "B"

RANCANGAN MAKANAN  
TAMBAHAN 1989

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Penerima</i>	<i>Peruntukan</i>
\$		
1. Johor ..	40,000	2,232,000
2. Kedah ..	70,000	3,906,000
3. Kelantan..	70,000	3,906,000
4. Melaka ..	17,000	948,000
5. Negen Sembilan	15,000	837,000
6. Pahang ..	25,000	1,379,400
7. Perak ..	68,000	3,794,400
8. Perlis .	9,000	502,200
9. Pulau Pinang	22,000	1,227,600
10. Selangor . -	37,000	2,064,600
11. Terengganu	40,000	2,232,000
12. Wilayah Persekutuan	7,000	390,600
JUMLAH SEMENANJUNG	420,000	23,436,000
13. Sabah ..	34,000	2,108,000
14. Sarawak ..	40,000	2,700,000
JUMLAH BESAR	494,000	28,244,000

## LAMPIRAN "C"

BILANGAN KANAK-KANAK  
(1 - 6 TAHUN) YANG  
MENGALAMI MASALAH KE-  
KURANGAN ZAT MAKANAN

<i>Negeri'</i>	<i>Bil. Kes</i>
Sabah .. .. .	2,433
Sarawak .. .. .	1,500
Kelantan. . . . .	1,000
Kedah .. .. .	1,000
Terengganu . . . . .	800
Perak . . . . .	800
Pahang . . . . .	700
Selangor . . . . .	500

*Negen**Bil. Kes*

Johor . . . . .	400
Wilayah Persekutuan ..	200
Negeri Sembilan .	200
Pulau Pinang . . . . .	170
Melaka . . . . .	100
Perlis . . . . .	30
JUMLAH ..	9,833

HARGA GETAH DAN MINYAK  
KELAPA SAWIT

**34. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah untuk menetapkan harga getah dan minyak kelapa sawit tidak jatuh ke paras yang paling rendah, memandangkan kehidupan beribu-ribu pekebun-pekebun kecil bergantung kepada hasil dan harga kedua-dua komoditi ini.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Kerajaan sentiasa sedar tentang betapa pentingnya untuk menstabilkan harga getah dan minyak kelapa sawit supaya tidak jatuh ke tahap yang rendah oleh kerana ramai pekebun-pekebun kecil bergantung kehidupan kepada hasil dan harga kedua-dua komoditi tersebut. Walau bagaimanapun kita harus sedar bahawa harga getah dan minyak kelapa sawit adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor bekalan dan permintaan di pasaran antarabangsa serta keadaan cuaca yang sebahagian besarnya adalah diluar kawalan kita. Di samping itu kita harus mengakui hakikat bahawa minyak kelapa sawit bersaing dengan 16 jenis lemak dan minyak lain di pasaran dunia.

Namun demikian, Kerajaan sentiasa menjalankan usaha-usaha bagi mengukuhkan pasaran barangan utama supaya komoditi Malaysia dapat menikmati harga yang berpatutan dan lumayan.

Bagi getah asli, Malaysia menyertai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA). Menerusi operasi stok penimbalnya, INRA telah berjaya untuk menahan kejatuhan harga getah ke paras yang lebih rendah pada tahun 1985-1986. Pada masa harga getah telah menjadi kukuh, Pengurus Stok Penimbal INRO telah dapat mengekalkan harga pasaran getah untuk bersaing dengan getah tiruan.

Di samping itu, Kerajaan senantiasanya berusaha untuk mengukuh harga komoditi tersebut dengan:

- (a) menghantar misi dan galakan pasaran ke negara pengguna yang berpotensi untuk mencari pasaran baru serta memperkukuhkan pasaran yang sedia ada.
- (b) memberi khidmat nasihat teknikal ke negara pengguna barangan utama Malaysia;
- (c) berusaha menghapuskan sekat tarif dan bukan tarif bagi memperluaskan penggunaan komoditi tersebut.

Kerajaan juga meneruskan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan bagi memperluaskan penggunaan akhir minyak kelapa sawit dan meningkatkan pembuatan barangan daripada getah asli.

Kerajaan juga telah meluaskan kemudahan kredit eksport dengan memberi kredit kepada pengimport getah dan minyak kelapa sawit dengan faedah yang lebih rendah.

Selain daripada usaha-usaha tersebut di atas Malaysia telah dicadangkan supaya kerjasama diwujudkan dengan pihak Indonesia dari segi pemasaran minyak kelapa sawit supaya persaingan harga yang tidak sihat di antara kedua-dua negara tersebut dapat dielakkan.

## BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU—TAMBAHAN

**35. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah tambahan bangunan sekolah dan rumah guru di SK. Padas dapat dibina;
- (b) bilakah pembinaan tambahan bangunan sekolah dan rumah guru di SK. Luboh akan dibuat memandangkan rumah yang ada sekarang ini tidak dapat menampung bilangan guru di sekolah berkenaan seramai 13 orang; dan
- (c) berapa buah kampung akan dibina bangunan Sekolah Kerajaan dalam anggaran Kementerian menjelang tahun 1990 di kawasan Jambongan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengkaji kedudukan peruntukan program pendidikan rendah setakat bulan November 1989 dan baki peruntukan yang sedia ada adalah untuk membiayai projek-projek yang telah komited dan sedang dalam pelaksanaan. Adalah dijangkakan peruntukan tersebut akan habis dibelanjakan pada bulan Disember tahun ini. Kementerian Pendidikan akan menimbang semula permohonan bagi pembinaan bangunan tambahan dan rumah guru di SK. Padas dan SK. Luboh, Sabah melalui projek segera untuk dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan untuk tahun 1990.

Berhubung dengan pembinaan sekolah baru di kawasan Jambongan, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sedang membuat kajian bagi projek-projek pembinaan sekolah baru di seluruh negeri Sabah untuk dikemukakan bagi pertimbangan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pihak Jabatan Pendidikan Sabah akan

diminta membuat kajian berkaitan dengan keperluan sekolah baru di kawasan Jambangan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989) (No. 2)

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 2) 1989

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2)" dan "Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1989" dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis. (*Hari Kedua*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.30 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B.30 (Jaduai Kedua)—*

*Maksud P.31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.30 sebanyak \$600,000,000 bagi Tambahan Ketiga 1968 dan B.30 sebanyak \$20,000,000 dan Kepala P.31 sebanyak \$25,434,000 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

355 *ptg.*

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Ini masih Kepala Parlimen peruntukan Jabatan Perdana Menteri? Tidak ada lagi?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak, Yang Berhormat, Kementerian Kewangan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yalah, tetapi Jabatan Perdana Menteri masih ada lagi. Saya kehilangan. . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kementerian Kewangan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** B.7?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** B.30.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** B.30—Peruntukan kepada peruntukan wang berkanun. Kalau begitu, tidak ada hallah. Tidak perlu saya hercakup. Saya fikir masih Jabatan Perdana Menteri tadi. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Silap ya. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, B.30—100000, Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam), Pemberian dan Kenaan Bayaran tetap \$20 juta mengikut penjelasan pada mukasurat 5, Kertas Perintah 32 (A) tahun 1989. Tambahan ini bagi menampung peruntukan Kumpulan Wang berikutan permohonan Kementerian Pertahanan untuk menjelaskan bil-bil bayaran dan tanggungan berlebihan dalam tahun 1988 mengikut arahan Perbendaharaan 1959. Apakah ertinya arahan Perbendaharaan 1959 ini, di bawah keadaan-keadaan yang



manakah arahan ini boleh dikeluarkan serta Kementerian manakah yang boleh membuat permohonan wang tambahan di bawah arahan ini selain daripada Kementerian Pertahanan: Difahamkan bahawa wang daripada Kumpulan Wang ini boleh juga digunakan oleh pegawai awam berkaitan dengan kehilangan wang awam atau barang-barang awam sementara menanti penyiasatan dan penyelesaian muktamad. Adakah tambahan ini mempunyai apa-apa kaitan dengan kerosakan bekalan serta ration, dengan izin, Tuan Pengerusi, jentera yang bernilai \$4.36 juta di antara tahun 1985 dengan 1986. Yang kini disoalsiasat oleh satu Jawatankuasa Khas. Jika tidak, maka apakah alasan di belakang pengeluaran permohonan ini untuk wang peruntukan tambahan oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, disebutkan bahawa Kumpulan Wang kini hanya mempunyai kira-kira \$4.184 juta. Mengikut arahan akaun mengikut akaun awam pada akhir tahun 1989, Pendahuluan Diri belum diselesaikan berjumlah \$27 juta. Bagaimanakah pihak Kerajaan menjelaskan perbezaan dalam nilai Kumpulan Wang ini. Nampaknya urusan mengenai Kumpulan Wang seperti ini tidak begitu teratur sehingga Kertas Perintah ini tidak dapat memuatkan butir-butir yang lebih lanjut untuk menyelesaikan kekeliruan yang timbul sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kod 040000 Kumpulanwang Pembangunan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak \$600,000,000. Pada keseluruhannya tanggungan Kumpulanwang Terkanun kian bertambah rumit. Semasa Belanjawan tahun 1985 Kumpulanwang Terkanun ini hanya mengandungi 4 Kumpulanwang berlainan dan menjelang tibanya tahun 1988 bilangan Kumpulanwang yang diuruskan bertambah menjadi 6 dan

dalam tahun 1989, 9 buah Kumpulanwang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu Kumpulanwang Terkanun yang besar, tambahan peruntukan pada hari ini ialah kali yang kedua iaitu kali pertamanya dalam bulan Mac 1989 kepada Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah sebanyak \$10,000,000. Kali terakhir pula Kumpulanwang Pembangunan menerima peruntukan iaitu semasa Belanjawan tahun 1985 di mana \$1 billion diperuntukkan. Menurut laporan Akaun Awam, 1987 defisit terkumpul Kumpulanwang Pembangunan dikurangkan daripada \$4,937.8 juta kepada \$3,738.7 juta menjelang 31hb Disember, 1987.

Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini:

- Jumlah peruntukan yang pernah dibuat kepada Kumpulanwang ini bermula semenjak ia ditubuhkan dalam tahun 1958?
- Bilakah Kumpulanwang ini mula mencatat defisit dalam tabungannya? Apakah pula defisit terkumpul terbaru Kumpulanwang ini?
- Dari manakah datangnya sumber peruntukan yang membolehkan Kerajaan menambah Kumpulanwang Pembangunan?
- Berapakah projek pembangunan yang dapat dibiayai dengan tambahan \$600,000,000 ini?
- Berapa besarkah bahagian pinjaman dalam dan luar negeri?
- Apakah nilai terimaan serta perbelanjaan pembangunan yang dilakukan pada akhir tahun 1988 dan menjelang bulan September 1989?
- Apakah agensi atau lain-lain bentuk organisasi yang telah menyumbang kepada terimaan

hasil Kumpulanwang Pembangunan sebagai terimaan balik pinjaman atau pelaburan secara berasingan?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan bahawa walaupun ada sedikit penjelasan mengenai Kumpulanwang Terkanun ini, apa yang tercatat di dalam Kertas Perintah ini adalah belum mencukupi untuk menerangkan keadaan yang sebenar. Dengan wang yang diminta begitu banyak, lebih \$600,000,000, saya percaya pihak Kementerian adalah mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan dengan lebih teliti mengenai wang peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

*3.44ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.30 mengenai dengan peruntukan tambahan \$20,000,000 yang diperlukan sebagaimana dipohon oleh Kementerian Pertahanan bagi menjelaskan bil-bil bayaran dan tanggungan yang berlebihan dalam tahun 1988 sebagaimana yang ada dalam Kertas Perintah ini.

Tuan Pengerusi, amalan menggunakan belanja yang berlebihan dan tidak mengikut peraturan sudah barang tentu sukar dari segi prinsip untuk kita menyokong. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertahanan, apakah detail secara terperinci mengenai dengan bil-bil bayaran yang berlebihan ini kerana Kementerian Pertahanan memang terkenal dengan masalah berlebih bil bayaran ini dengan berbagai-bagai perbelanjaan, yang kita tahu, yang

kita dengar cerita-cerita di luar, tinggal lagi kita ingin mengetahui secara detail, secara terperinci, berkewajipan sebab kita bimbang kalau ini berterusan, ianya menjadi precedent apabila belanja lebih boleh minta peruntukan tambahan dan diluluskan manakala kita tidak mengetahui apakah sebenarnya perbelanjaan itu, wajar atau tidak wajar.

Maka berkewajipan saya menegaskan sekali lagi pihak Kementerian yang terbabit menjelaskan dengan secara terperinci. Kalau projek untuk mendapat \$50,000; \$100,000 untuk luar bandar punya susah, punya siksa, tetapi untuk perkara-perkara daripada Kementerian Pertahanan seperti ini kalau berlebihan, boleh dijelaskan, boleh ditambah. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, bersabit dengan B.30.

Mengenai dengan P.31—ini mengenai dengan tambahan sebanyak \$25,434,000 untuk dibayar kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor kerana meluaskan Kompleks Kastam. Ini tanahnya di Tanjung Puteri yang seluas 565,191 kaki persegi. Saya tidak bawa calculator, Tuan Pengerusi, cuma saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri ataupun daripada Kementerian Kewangan berapa satu kaki persegi yang menyebabkan harga \$25,434,000 ini?

Ini penting, dan pula apakah detail dan cadangan mengenai dengan pembesaran Kompleks Kastam ini sebab sebelum ini kita pernah mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan untuk membuat satu tambak baru berharga \$300 juta. Kemudian timbul pula cerita kononnya Kerajaan hanya sekadar hendak melebarkan, hendak membesarkan Kompleks Kastam ini.

Saya juga ingin mengetahui daripada Kementerian yang bertanggungjawab, adakah sedar ada rungutan di kalangan penduduk-penduduk di sekitar Kompleks tersebut di mana apabila usaha pembersihan dibuat di kawasan Kompleks Kastam tersebut diberi kepada pihak kontraktor untuk membersihkan tetapi sampah-sarap itu tidak dibuang sebagaimana tempat yang ditentukan tetapi tidak jauh daripada situ, maka menimbulkan bau yang tidak baik ataupun bau busuk di kalangan penduduk-penduduk di kawasan yang menduduki di tempat itu.

Jadi, perkara ini perlulah diberi perhatian oleh pihak Kompleks Kastam yang sememangnya di bawah Kementerian Kewangan untuk mengatasinya dan juga untuk memastikan bahawa peruntukan yang banyak ini biarlah mendatangkan faedah dan manfaat kepada rakyat dan negara. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

3.48 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan di bawah Kementerian ini.

Yang pertama sekali saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang baru sebentar tadi berucap iaitu berkenaan dengan P.31. Saya suka menjelaskan, P.31 ini adalah untuk membayar kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor sejumlah wang \$25,433,595 untuk membeli tanah seluas 12 ekar 3 rod 36 pole iaitu milik

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor untuk kegunaan masa depan Jabatan Kastam. Ini adalah berikutan dengan keputusan Majlis Tanah Negara yang bersidang pada 21 Oktober, 1986 untuk memutuskan supaya Jabatan Kastam mengambil tanah yang seluas yang tersebut.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat berapa ringgitkah sekaki persegi, harganya ialah \$45.00 sekaki persegi iaitu berdasarkan kepada penilaian yang telah dilakukan oleh Jabatan Penilaian. Untuk makluman Yang Berhormat juga dan Ahli-ahli Dewan, bayaran ini akan di "offset"kan dengan hutang Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan. Sebab itu peruntukan ini harus dibuat supaya Jabatan Akauntan Negara dapat mengambil tindakan yang selanjutnya dari segi prinsip kewangan. Berkenaan dengan Kementerian Pertahanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas juga, perbelanjaan detail adalah seperti berikut iaitu pembaikan kapal terbang—\$6,952,810; alat-alat ganti berjumlah—\$13,775,837.74.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kedudukan Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988 ialah: penerimaan—4.5 bilion; bayaran—5.2 bilion; jadi kurangan ialah \$684 juta. Dengan caruman \$600 juta, kurangan dapat diturunkan kepada \$84 juta seperti yang dijelaskan dalam kertas ini. Sumber pembiayaan Kumpulanwang ini ialah, pertama, pindahan dari hasil secara peruntukan di bawah B.30 sebanyak \$600 juta; kedua, pindahan dari Kumpulanwang Pinjaman (Akaun Pinjaman) yang disatukan—\$3.2 ribu juta; ketiga, terimaan dari lain-lain punca seperti bayaran balik pinjaman daripada

agensi-agensi Kerajaan dan jualan aset modal—\$1.3 ribu juta. Projek-projek yang telah dibiayai oleh terimaan dalam Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988 adalah projek-projek yang telah diluluskan bagi tahun 1988 oleh Dewan Rakyat di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1988 dahulu.

Ahli dari Kepong juga bertanya berkenaan dengan AP. 59. AP. 59 menyatakan antara lain apa-apa bil yang dikemukakan oleh pembekal secara suhiti hendaklah dijelaskan oleh Jabatan ataupun Kementerian yang berkenaan. Memandangkan bil-bil yang dikemukakan oleh pembekal-pembekal bagi Kementerian Pertahanan dalam tahun 1988 dahulu terpaksa dibayar, tetapi peruntukan tidak mencukupi. Oleh kerana bayaran perlu dibuat juga, maka Pegawai yang berkenaan di Kementerian Pertahanan terpaksa menanggung secara mendapatkan pendahuluan daripada Kumpulanwang Pendahuluan Diri.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tentang pembesaran tambak Johor, perkara ini tidak termasuk dalam perkara yang kita bawa, iaitu untuk membayar harga tanah yang dimaksudkan itu.

Tuan Pengerusi, sekian sahajalah penjelasan oleh Kementerian Kewangan berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga dari Kepong.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$600,000,000 untuk Maksud B.30 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$20,000,000 untuk Maksud B.30 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$600,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$20,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,434,000 yang disebutkan dalam Maksud P.31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,434,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

*Maksud B.42 (Jadual Kedua)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala Bekalan B.42 sebanyak \$7,837,300 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.57 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi mengenai B.42, oleh kerana tidak ada Ahli-ahli lain yang bercakap dan saya pun tidak bercadang untuk memberi Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pergi begitu sahaja mengenai dengan perbelanjaan ini, kerana perbelanjaan ini juga menyentuh tambahan peruntukan yang banyak iaitu \$7,837,300 untuk menampung Cawangan Percetakan Keselamatan (CPK), dan saya ingin mengetahui daripada Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan

keselamatan di Jabatan Percetakan Negara, kerana keselamatan di Jabatan Percetakan ini penting dari segi maklumat Kerajaan dan sebagainya. Sebab sebelum ini kita ada kedengaran, malah apabila dicetak kertas-kertas undi pilihanraya, kedengaran ataupun ada timbul pertanyaan-pertanyaan di kalangan orang ramai sehingga ada pihak kononnya mengetahui jumlah kertas undi, kononnya dicetak lebih ataupun tidak sepatutnya, sebagaimana yang diperlukan. Dalam perkara seperti ini sejauh manakah dari segi keselamatan yang ada di Jabatan Percetakan Negara bagi menjamin dokumen-dokumen penting itu dapat dicetak mengikut sebagaimana yang dikehendaki dan tidak timbul masalah pembocoran dan sebagainya dari segi keselamatan dan juga apakah detailnya dari segi \$7,837,300 yang sudah dibelanjakan ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil dari Pasir Mas yang bercakap tentang keselamatan di Jabatan Percetakan Negara. Keselamatan adalah selamat dan terkawal dan oleh kerana tiada aduan rasmi yang dibuat secara hitam putih kepada Kementerian, maka saya tidak dapatlah menjawab tentang desas-desus orang ramai tentang masalah keselamatan.

Bercakap tentang mengapa tambahan di bawah B.42 ini diperlukan, seperti kita sedia maklum, pada mulanya Cawangan Percetakan Keselamatan dijangka akan diswastakan pada tahun 1989. Oleh yang demikian, belanjawan bagi tahun 1989 telah tidak diperuntukkan oleh kerana terdapat beberapa perkara yang belum dapat diselesaikan. Tarikh penswastakan mungkin dilanjutkan pada tahun 1990, maka Jabatan

Percetakan Negara terpaksa menjalankan kerja-kerja percetakan keselamatan supaya keperluan agensi-agensi yang terlibat tidak terjejas.

Oleh yang demikian tambahan peruntukan iaitu sebanyak \$7,837,300 adalah diperlukan untuk membiayai bayaran emolumen, tuntutan perjalanan, sewaan bangunan dan mesin-mesin, pengangkutan barang-barang, pembelian kertas-kertas keselamatan seperti kertas pemeriksaan, cukai jalan, setem, barang kastam dan lain-lain bayaran emolumen kakitangan sambilan dan lain-lain perbelanjaan. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,837,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$7,837,300 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

*Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) (1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.53 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebanyak \$74,095,000 terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

*4.03 ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada P.53 Butiran 001 sehingga 0018 di bawah Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah mengenai dengan tajuk 08, 012, 015 dan 011 iaitu Program Membantu Golongan Termiskin.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya beberapa soalan di sini. Pertama, bagaimanakah wang ini hendak dibelanjakan. Saya meminta Kementerian memberi senarai bentuk bantuan yang hendak diberi itu. Dan saya minta juga quantum bantuan kepada tiap-tiap keluarga yang hendak diberi dan apakah bantuan ini hanya diberi sekali ataupun akan diteruskan sehingga golongan yang ditakrifkan sebagai golongan termiskin itu dapat mengatasi masalah-masalah kemiskinan mereka.

Tuan Pengerusi, soalan kedua, apakah andaian-andaian yang dibuat apabila Kerajaan memilih angka pendapatan \$175 sekeluarga sebulan sebagai angka pemisah di antara yang termiskin dan yang tidak miskin. Bagaimanakah pula kalau ada keluarga yang dapat hanya \$180 sebulan. Adakah keluarga ini boleh ditakrifkan sebagai yang tidak miskin atau tidak termiskin?

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya satu garis pemisah yang lebih realistik seperti angka \$300 sekeluarga sebulan, digunakan memandangkan bahawa kos sara hidup telah pun meningkat tinggi. Angka \$300 sebagai pemisah di antara miskin dan yang tidak miskin telah dihisabkan di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak ia itu di antara tahun 1969 hingga tahun 1976 dahulu lagi. Pada masa ini saya pasti iaitu hampir 20 tahun selepas angka ini dihisabkan tentu sekali validitynya tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi, soalan saya yang akhir untuk menentukan sesuatu keluarga itu termiskin yakni keluarga yang berpendapatan kurang dari \$175 sebulan, adakah suatu methodology yang seragam yang dipakai untuk seluruh negara. Saya mendapat tahu bahawa survey yang dibuat oleh Pejabat-pejabat Daerah di Negeri Kedah sendiri adalah berlainan. Setengah Pejabat Daerah hanya menyuruh Penghulu-penghulu pergi melawat ke kampung-kampung dan satu daripada methodologynya (yang tidak saintifik) ialah Penghulu-penghulu ini memisahkan keluarga yang miskin dan termiskin hanya dengan melihat adakah rumah keluarga itu mempunyai antena televisyen, kerana ini mengikut andaian Penghulu itu bahawa kalau sesiapa yang ada televisyen maka dia tidak miskin. Tetapi apakah pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan sedar bahawa pada masa sekarang orang miskin pun boleh ataupun berupaya membeli televisyen khususnya televisyen dari Korea yang harganya lebih kurang \$200 satu set yang baru dan di kampung-kampung yang miskin, kita dapati bahawa pondok-pondok buruk pun ada televisyen yang dibelinya dengan harga \$30 iaitu second hand television yang tidak berwarna iaitu hitam putih yang dibuat dari Korea.

Jadi, saya ingin menegaskan lagi, apakah methodology yang digunakan itu satu methodology yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan Pusat ataupun hanya membiarkan Penghulu-penghulu ataupun Pegawai-pegawai Daerah sahaja yang menentukan secara arbitrary siapa yang termiskin, siapa yang miskin dan siapa yang tidak miskin. Sekian, tehma kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud);** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.07ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.53 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah memohon tambahan yang sudah dibelanjakan sebanyak \$74,095,000. Satu peruntukan yang juga agak besar dan daripada jumlah tersebut \$50 juta adalah dikehendaki bagi projek khas pembinaan jalan, iaitu upgrade di kawasan FELDA sebagaimana diluluskan oleh Kabinet.

Tuan Pengerusi, yang ingin saya mengetahui ialah berapakah jarak panjang jalan keseluruhan yang hendak diupgradakan di kawasan FELDA ini dan di kawasan FELDA mana, dan apakah kriteria-kriteria yang digunakan dalam memilih jalan-jalan di kawasan FELDA yang dimaksudkan ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, bagaimanakah dalam pelaksanaan projek jalan FELDA ini kerana saya ingin mengetahui dan juga ingin mencadang kepada pihak Kerajaan supaya jalan-jalan ini apabila dibuat supaya ianya tidak cepat kerosakan ertinya kita lihat ada jalan-jalan kampung yang diupgrade sebagai contoh, bukan di kawasan FELDA, apabila dibuat jalan-jalan tersebut, tidak sampai beberapa bulan jalan-jalan yang dibuat itu menjadi lopak

ataupun pecah sehingga jalan tersebut menjadi lebih teruk daripada jalan yang sebelum ada tar.

Apakah sebab keadaan ini berlaku dan adakah perkara ini berlaku di kalangan kawasan-kawasan yang dikenal pasti di kalangan kawasan FELDA sebab perkara ini berlaku ialah kerana walaupun kadang-kadang peruntukan itu diberi sekian banyak untuk satu-satu jarak jalan dan ada spesifikasi supaya jalan tersebut tingginya 6 inci ataupun sekian inci, kenapakah bahan campuran untuk membuat jalan itu, tar dan sebagainya, tetapi yang terjadinya ialah pihak kontraktor, ada tempat-tempat kalau di luar bandar ceritanya ialah pakatan di antara pihak-pihak berkenaan dari segi projek tersebut, sehingga jalan tersebut kalau patut dibuat dengan batu, dicampur dengan tanah, tar itu akhirnya tidak sampai beberapa bulan jalan tersebut pun menjadi pecah sehingga ada orang kampung mengatakan, janganlah berlaku di kawasan FELDA, naik jalan FELDA seolah-olah kalau tidak kena gayanya kena "buasir". Sebab sudah lopak, sudah pecah, itu pernah berlaku di kawasan di luar bandar. Jadi saya ingin mengetahui, Tuan Pengerusi, mengenai dengan sistem yang digunakan oleh pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam melaksanakan projek jalan yang berjumlah \$50 juta ini.

Begitu juga perkara yang kedua mengenai Butiran di bawah P.53—keseluruhan, Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Parlimen dari Padang Terap mengenai dengan kaedah kemiskinan ini sebab selain daripada itu, lain-lain peruntukan yang sebanyak \$6,750,000 ini ialah untuk membantu golongan miskin yang dikira tahap kemiskinannya di bawah \$175 sebulan dan bantuan ini ialah untuk umumnya ternakan, bantuan alat kelengkapan dan sebagainya, boleh dikatakan

umum apa yang telah dijelaskan dalam Kertas Perintah ini. Tetapi tinggal lagi, apa yang ingin saya tahu berapakah jumlah golongan yang terlibat yang dimaksudkan \$175 ini keseluruhan, sebagaimana yang dijelaskan dalam Kertas Perintah ini \$6,750,000 ini bagi beberapa kawasan yang dimaksudkan, berapa jumlah golongan ataupun peneroka-peneroka yang terlibat dan apakah program ataupun adakah cadangan lain daripada apa yang sudahpun dijalankan ini, sebab kalaulah \$175 sebulan yang diterima oleh peneroka, sebagaimana contoh 08 Program Membantu Golongan Termiskin sebanyak \$300,000, mukasurat 18 ini adalah dikehendaki untuk membiayai program khas, sebagai contoh. Saya tidak percaya bahawa ianya jangka panjang boleh membaiki taraf hidup masyarakat yang menerima pendapatan \$175 ini.

Saya menyokong penuh dalam soal hendak memberi seberapa banyak peruntukan kepada golongan peneroka bagi membaiki taraf hidup mereka sebab tahap kemiskinan bukan sahaja di peringkat \$175 tetapi sepatutnya diterima lebih tinggi daripada itu " kerana Bangsa-bangsa Bersatu menetapkan taraf kemiskinan ialah \$350, malah itupun boleh dipersoalkan lagi. Kalau satu keluarga itu jumlah keluarganya sampai anak 7-8 orang, maka saya percaya tidak adil kalau kita mengatakan dengan mendapat \$350 sebagaimana takrif Bangsa-bangsa Bersatu, ianya sudah mengatasi masalah kemiskinan, ianya begitu relatif sekali.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengetahui \$4 juta adalah dikehendaki untuk menjelaskan bayaran kepada pihak Lembaga Letrik Negara, ini Butiran Projek 012000, ini apakah yang dikatakan bayaran untuk Lembaga Letrik Negara, apakah bayaran bil api ataupun memasuki electricity keseluruhannya kepada kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah.

Begitu juga mengenai dengan Butiran Projek 01300, iaitu di KESEDAR, sebanyak \$1,850,000 untuk jalan-jalan C, 1D dan 1E di Bandar Gua Musang. Apakah projek ini sudah pun siap oleh kerana peruntukan ini sudah pun dibelanjakan dan apakah pihak Kementerian puas hati dengan projek yang telah dilaksanakan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Jemput Timbalan Menteri menjawab.

*4.14 ptg.*

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan peruntukan tambahan ini dan saya mohon izin untuk memberikan sedikit penerangan dan penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak mula dengan menerangkan soal kedudukan mengetar jalan-jalan kampung dalam FELDA yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sebentar tadi. Peruntukan yang diminta ini bertujuan untuk melaksanakan program ini di dalam 152 rancangan yang telah dikenalpasti dan saya boleh beri kepada Ahli Yang Berhormat kalau hendakkan detail di manakah tempat-tempatnya, manakah rancangan-rancangannya dan berapakah kilometernya bagi tiap-tiap rancangan dalam 152 rancangan yang telah kita kenalpasti itu.

"Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, suka saya jelaskan oleh kerana



sekarang ini kita sudah ada 315 rancangan yang dimasukkan dengan para peneroka, jadi apa yang kita buat, kita mengambil asas perkiraan daripada semua rancangan-rancangan yang telah dimasukkan peneroka mulai tahun 1976 kerana rancangan-rancangan yang awal daripada itu ada di antara jalan-jalan dalam kampung itu telah pun ditar. Perkara ini timbul dahulu kerana ada perubahan dasar di mana jalan-jalan kampung dalam FELDA yang dahulu boleh ditar, kemudian Kerajaan telah menukar dasar itu tidak ditar dan sekarang ini telah kita pinda semula kerana keadaan ekonomi kita boleh dikatakan sudah pulih. Jadi sekarang ini pun, sebenarnya usaha-usaha untuk mengetar jalan-jalan ini telah dimulakan, dan sedang berada di dalam berbagai peringkat, di rancangan-rancangan yang telah pun dikenalpasti. Mengikut jadual yang telah pun kita susun, insya Allah, kerja-kerja ini akan selesai selewat-lewatnya dalam pertengahan tahun hadapan (1990).

Soal mengapa dan kenapa kita mengambil tahun 1976 itu sebagai asas perkiraan ialah disebabkan semua rancangan-rancangan yang dimasukkan selepas tahun 1976 ini memang banyakkah jalan-jalan kampung ini yang belum mendapat sedikit pun ditar di kawasan masing-masing. Kita berharap dengan adanya peruntukan ini nanti kerja-kerja ini akan diteruskan sehinggalah rancangan-rancangan yang lain pun dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang sama.

Salah satu perkara yang ditimbulkan lagi ialah tentang jalan-jalan ini kadangkala mudah rosak. Sebenarnya jalan-jalan yang dibuat dalam rancangan-rancangan FELDA inipun sama tarafnya dengan jalan-jalan di luar bandar, jalan-jalan D.O. yang kita kenal di kawasan-kawasan luar bandar itulah bentuk dan jenis jalan yang kita

buat juga di dalam kawasan-kawasan perkampungan di dalam FELDA ini dan tarafnya itu memanglah tidak sebaik jalan-jalan yang lain. Jalan-jalan ini memang dihadkan keberatan kenderaan-kenderaan yang keluar-masuk. Jadi yang selalu berbangkit timbul masalah kerosakan disebabkan oleh kenderaan-kenderaan yang melampaui asas keberatan yang dibenarkan itulah yang selalu menyebabkan jalan-jalan ini rosak dan kadangkala ada kedapatan berlaku jalan-jalan yang baru dibuat pun dalam tempoh yang agak singkat rosak kerana kenderaan-kenderaan yang muatannya lebih daripada yang dibenarkan juga turut menggunakan jalan-jalan tersebut.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Kadangkala kita pun ada dilemma ataupun masalah sebab hasil-hasil daripada tiap-tiap rancangan itu hendak kita keluarkan dan apabila hasil-hasil ini dikeluarkan, ianya menggunakan kenderaan dan inilah salah satu faktor yang menyebabkan jalan-jalan itu kadangkala kelihatan setengah-setengahnya memang kita akui baru selesai kita buat, kita perbaiki, tetapi rosak semula. Namun demikian kita akan terus-menerus cuba membaiki mana-mana yang didapati rosak mengikut keutamaan-keutamaan yang telah kita tentukan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang suka saya jelaskan ialah tentang peruntukan untuk membantu rakyat yang termiskin. Kalau ditanya tentang apakah kriteria-kriteria ataupun asas-asas untuk kita mengukur tentang soal kemiskinan yang menyelubungi masyarakat terutama sekali di kawasan-kawasan yang terlibat ini, saya sedar iaitu langkah-langkah dibuat melalui Pejabat-pejabat Daerah untuk memastikan orang yang hendak kita bantu itu betul-betul miskin berdasarkan kepada faktor-faktor yang disampaikan melalui

borang-borang yang diedarkan sebagai salah satu daripada kayu pengukur untuk kita hendak membuat keputusan. Memang benarlah keadaan 20 tahun dahulu sudah jauh berbeza dengan keadaan sekarang, dan ada unsur-unsur baru yang mesti kita ambil sebagai asas perkiraan di dalam memastikan sejauh mana kemiskinan itu menyelubungi setiap rakyat kita. Saya suka memberikan jaminan iaitu penelitian akan kita buat bagi memastikan mereka yang betul-betul daif dan perlukan bantuan sahaja yang akan diberikan kemudahan-kemudahan ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, cuma satu perkara sahaja lagi tentang peruntukan ini juga. Sebenarnya kita telah pun mengenalpasti tempat-tempat dan bentuk-bentuk bantuan sepertimana yang diterangkan dalam Kertas Perintah itu untuk dilaksanakan. Saya suka menegaskan di sini iaitu apa yang disalurkan oleh Kerajaan ini ialah sebagai salah satu asas untuk dijadikan pendorong, untuk dijadikan perangsang kepada rakyat kita, terutama yang daif bagi cuba mengubah keadaan dan kehidupan mereka melalui bantuan-bantuan ini. Kita harap dengan adanya ransangan-ransangan daripada Kerajaan ini masyarakat yang betul-betul perlu kepada bantuan ini akan dapat kita lihat perubahannya dari masa ke semasa.

Selain daripada itu rasa saya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi tentang Butiran (Projek) 01200 tentang peruntukan \$4 juta, ini telah pun diterangkan dalam Kertas Perintah itu, rasa saya cukup jelas dan itulah maksud kita menggunakan peruntukan yang diminta itu.

Selain daripada itu, kita berasa puas hati di atas pelaksanaan projek yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas itu. Walaupun begitu, saya maklum mungkin ada perkara-perkara

yang perlu diambil tindakan dari masa ke semasa. Kita memang senantiasa meneliti akan pelaksanaan program-program yang kita laksanakan dan ada juga tindakan yang perlu untuk memperbaiki apa yang kurang baik sentiasa dibuat dari masa ke semasa.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya memberi jaminan pada Dewan yang mulia ini iaitu peruntukan-peruntukan yang diberi ini akan digunakan dengan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah pun ditentukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$74,095,000 yang disebutkan dalam Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$74,095,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

*Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala P. 54 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.25 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.54 yang mana untuk Butiran (Projek) Majlis Amanah Rakyat iaitu tambahan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki

untuk membiayai pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar membina chalet atau rumah penginapan untuk disewakan kepada pelancong-pelancong. Saya difahamkan bahawa wang ini telah pun dihebahkan, telah pun diberikan kepada pengusaha-pengusaha ini. Hanya yang saya hendak tanya adakah usaha-usaha ini bercanggah dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang dibuat oleh beliau di Pulau Langkawi supaya pengusaha-pengusaha di dalam bidang pelancongan ini jangan lagi membina chalet dan Yang Amat Berhormat telah menggesa supaya pengusaha-pengusaha yang mempunyai tanah agar berusaha membina hotel-hotel yang besar kerana kata beliau melalui pembinaan hotel besar ini, advantage daripada the Economy of Scale, dengan izin, Tuan Pengerusi, dapat diambil iaitu pulangan kepada pelaburan di dalam pembinaan hotel yang besar ini adalah lebih daripada pulangan daripada pembinaan chalet. Jadi, pertanyaan saya, adakah ini bercanggah dengan apa yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat itu? Apakah pihak Kementerian telah membuat kajian mengenai usaha Kementerian menggalakkan pembinaan chalet ini berkenaan dengan pulangan ataupun return kepada pengusaha-pengusaha yang membuat chalet di kawasan-kawasan pelancongan di seluruh negara. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.28 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, Maksud P.54, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Butiran (Projek) 01100, Majlis Amanah Rakyat yang memerlukan tambahan sebanyak \$5 juta untuk membina chalet ataupun

rumah penginapan melalui pembiayaan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar.

Pertama, saya ingin mengetahui, Tuan Pengerusi, berapakah jumlah chalet atau rumah penginapan yang telah dibina melalui peruntukan tambahan \$5 juta ini dan di manakah tempat-tempatnya. Saya berbeza sedikit juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Saya sendiri tidak berpendapat bahawa program seperti ini bercanggah dengan pandangan daripada Perdana Menteri yang dikeluarkan di Pulau Langkawi baru-baru ini kerana kalau kita hendak menggalakkan pelancong-pelancong terutamanya ke negara kita, kalau setakat di Kuala Lumpur itu lain cerita, Tuan Pengerusi, sebab di Kuala Lumpur ini segala-galanya sudah ada, walaupun cantik, dipercantikkan lagi; walaupun tidak berapa cantik juga pun, selepas sidang CHOGM ini, hujan pun, banjir juga. Tetapi di luar bandar, kita lihat di luar bandar seperti kalau hendak dicontohkan adakah chalet dan rumah penginapan ini dibina di luar bandar di mana? Katakanlah kalau di luar bandar di Pantai Timur, itu cantik, Tuan Pengerusi.

Sebab yang kita kurang dari segi tarikan pelancong ialah chalet ataupun rumah-rumah penginapan yang murah tetapi indah yang berada di persisiran pantai kita di Pantai Timur seperti di Terengganu ataupun di Kelantan ataupun di Pahang kerana yang banyak adanya hotel-hotel besar-besar seperti Primula di Terengganu ataupun Hyaat di Kuantan yang memang untuk pelancong-pelancong luar negeri hegeri memang boleh pergi, tetapi untuk pelancong-pelancong dari dalam negeri daripada rakyat negeri Johor atau selatan untuk ke Pantai Timur tak mungkin boleh tinggal di tempat-tempat yang begitu mahal. Kalau hendak mengharap pada agensi-agensinya membina chalet-chalet seperti ini, sudah tentu mereka tidak berminat

sebab sekarang ini di dunia orang berminat projek yang besar-besar, kerana projek besar-besar ini boleh mendapat untung cepat sedikit pada pandangan mereka, peruntukan banyak daripada Kerajaan, mungkin dapat komisyen lebih atau apa-apa wallahu alam, tetapi tinggal lagi projek-projek besar banyak diminati, tidak projek-projek kecil-kecil.

Jadi, memang tepat usaha yang dibuat oleh MARA ini memberi tumpuan kepada pembinaan chalet ataupun rumah penginapan ini untuk tujuan membantu sekaligus pengusaha-pengusaha kecil dan juga secara tak langsung membantu hendak menarik para pelancong. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Muar.

4.32ptg.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar):** Tuan Pengerusi, saya suka juga merujuk kepada Maksud P. 54 iaitu atas butiran 01100 Majlis Amanah Rakyat dan satu peruntukan \$5 juta dikehendaki untuk membiayai pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar membina chalet rumah penginapan untuk disewakan kepada pelancong-pelancong.

Saya juga hendak tahu bahawa di manakah chalet-chalet yang telah diluluskan dan apakah kriteria untuk memberikan kelulusan-kelulusan pinjaman ini kerana mengikut pengalaman-pengalaman banyak pinjaman yang diberikan oleh pihak MARA kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputera selalu menghadapi masalah pembayaran balik kepada hutang-hutang tersebut sehingga melibatkan beberapa tindakan-tindakan mahkamah. Soal projek ini juga kalau tersalah kira dari

segi viabilitynya, dengan izin, akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman balik dan seterusnya akan melibatkan kepada beberapa tindakan-tindakan mahkamah kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ini. Oleh yang demikian, saya juga hendak tahu kerana peruntukan ini telah pun diluluskan sama ada peruntukan ini mencapai objektif melahirkan pengusaha-pengusaha bumiputera. Kalau ya, sama ada projek yang telah diluluskan itu mencapai kejayaan atau tidak. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Larut.

4.34ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian kepada mukasurat yang sama, Butiran 03000 iaitu berhubung dengan Industri-industri Kecil. Buat masa ini di kawasan saya belum pun ada industri kecil yang efektif dan benar-benar memberi hasil kepada rakyat kampung yang miskin. Saya menyeru dan memohon supaya pusat-pusat industri kecil diadakan di kampung-kampung di mana pengusaha-pengusaha kecil boleh menghantar barang-barang mereka untuk dipasarkan.

Bagi Kementerian pula, saya berharap supaya melantik pegawai-pegawai dan guru-guru tambahan bagi perusahaan buluh, rotan, tempurung dan bermacam-macam lagi yang boleh diusahakan dari barang-barang mentah, raw material yang begitu banyak di seluruh tanahair.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu rancangan industri kecil ini hanya panas-panas tahi ayam sahaja dan hendaklah diberi insentif dan harga-harga pasaran yang sesuai.

Berhubung dengan pinjaman-pinjaman, kemudahan-kemudahan seperti mendapatkan wang pendahuluan untuk modal pusingan atau membeli alat-alat mesin yang sesuai bagi perusahaan tersebut, Kementerian hendaklah juga memberi pinjaman tanpa apa-apa sandaran sebagaimana yang dijanjikan terlebih dahulu. Perusahaan-perusahaan barang-barang yang dibuat dari buluh, rotan mendapat pasaran dari luar dan dalam negeri. Buat masa ini, rakyat bumiputera hanya pandai mencari rotan, tidak ada peluang ataupun untuk membuat kerusi meja dan bakul dengan menggunakan teknik-teknik moden. Hanya mereka mendapat sedikit upahan mencari rotan dan keuntungan besar adalah dicapai oleh kapitalis-kapitalis ataupun orang-orang tengah sahaja. Pusat-pusat kraftangan pula, latihan-latihan kemahiran hendaklah dibina di kampung-kampung, bukan di bandar-bandar besar, kerana orang-orang CHOGM pun sudah balik, supaya ianya dapat memberi tarikan kepada orang-orang kampung dan mereka akan berusaha lebih giat apabila mereka melihat kemajuan dan mesin-mesin moden ada di kampung-kampung. Kalau tak salah saya, Kementerian ada berjanji supaya mereka yang ingin memulakan industri-industri kecil ini, diberi pinjaman, kalau syarikat \$50,000 dan kalau orang perseorangan atau individu \$10,000. Borang-borang telah pun dikeluarkan dan tidak pula tahu siapa yang dapat atau tidak, hanya komplek-komplek sahaja yang didengari sekarang oleh Wakil-wakil Rakyat yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, begitu juga perusahaan-perusahaan menternak burung puyuh, setahu saya pemohon-pemohon dari kawasan saya belum berjaya dalam permohonan mereka untuk mendapatkan pinjaman berkenaan. Dan belum ada ternakan burung puyuh di kampung-kampung dalam kawasan Larut walaupun. . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan. Saya begitu tertarik dengan perusahaan burung puyuh yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dan belum pernah di Dewan ini sebagaimana saya ketahui seorang Ahli Dewan Rakyat menyentuh, bercakap mengenai projek burung puyuh. Jadi, saya hendak penjelasan Ahli Yang Berhormat, sejauh manakah projek burung puyuh ini memang viable, baik dan dapat menguntungkan secara terperinci dan detail. Saya minta penjelasan.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, projek burung puyuh ini katanya sangat menjadi-jadi di Kelantan dan Terengganu dan banyak orang suka makan daging burung puyuh dan telur burung puyuh untuk khasiat-khasiat yang saya pun tak tahu. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti dulu, Yang Berhormat, minta penjelasan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan. Adakah khasiatnya sama dengan akar kayu Tongkat Ali atau Minyak Dhab dan sebagainya?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu telah menjawabnya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, baru-baru ini Menteri Besar Negeri Sembilan telah mempopularkan daging arnab dan arnab juga patut diberi galakan oleh Kementerian ini kepada orang-orang kampung untuk memeliharanya, walaupun saya sendiri tidak makan daging arnab. Perusahaan ternakan arnab juga patut dijadikan satu industri kecil kerana arnab suka beranak banyak dan tidak pula perlu kepada banyak medical attention, dengan izin, dan kita tak payah berjumpa dengan Ahli dari Kepong, minta maaf, beliau bukan Doktor Haiwan. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang.

4.37ptg.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi Maksud P.54, pertamanya Butiran 02900 mengenai dengan Kemajuan Perkampungan.

Saya tahu dan juga ramai orang tahu bahawa kampung-kampung sekarang ini cuba disusun dengan cara kehidupan baru, halacara baru. Saya ingin tahu berapa banyakkah kampung yang disusun, kerana kadangkala saya dengar gema lebih tetapi kampung tak banyak mana, macam di Kelantan itu saya dengar satu kampung sahaja, Mulur Lanting, tetapi apa hal kepada kampung-kampung yang lain. Apakah konsep sebenar, berapakah target kampung yang sebenar dan bagaimanakah pendekatan yang diberikan kerana ada kampung-kampung yang ditarget ini didapati tak sampai ke mana, walaupun apa juga cara. Bukanlah ertinya saya hendak beri satu gambaran yang kurang sihat ataupun yang buruk tetapi saya juga khawatir matlamat-matlamat ini tidak tercapai kerana saya juga sedar bahawa bukan satu-dua kampung yang minta dibaru ataupun di halacara baru, kampung-kampung tradisional yang ada di Malaysia ini sendiri.

Kemudian kalaulah mungkin semua kampung tidak dapat diadakan dalam bentuk halacara baru mungkin satu-satu daerah atau satu-satu kawasan Parlimen itu biarlah ada sekurang-kurangnya empat buah kampung mengikut Dewan-dewan Undangan Negeri. Tetapi ada setengah-setengah kawasan Parlimen itu ada tiga atau dua kawasan Dewan Undangan Negeri. Tetapi sekurang-kurangnya

ada satu kampung halacara baru di setiap buah tempat yang ada. Jangan satu Dewan Undangan Negeri ataupun satu Parlimen sampai dua tiga kampung halacara baru sedangkan di kampung atau kawasan Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri yang lain langsung tidak ada.

Butiran yang lain yang saya hendak sentuh iaitu Butiran 03000, Industri-industri Kecil. Industri kecil ini saya kira satu perkara yang agak menarik yang baru tetapi saya juga ingin tahu iaitu berapa banyakkah industri-industri kecil yang ada pada nama tetapi mati. Macam di kawasan saya itu ada tiga empat tetapi semuanya mati. Kenapa mati dan bila hendak dipulihkan benda-benda yang telah mati ini.

Saya melihat industri kecil ini sangat menekankan tentang kemahiran, keupayaan kraftangan seperti buatan daripada anyaman mengkuang, rotan, buluh dan sebagainya. Bukan semua orang pandai buat kraftangan ini, bukan semua rakyat boleh buat macam ini, dia berkehendakkan satu kemahiran seni yang agak tinggi, satu kemahiran yang lazimnya dipusakai oleh orang-orang yang tertentu. Jadi, bolehkah pihak Kementerian fokus serta adakan post-mortem kembali supaya bentuk industri kecil ini tidak berkisar kepada benda-benda kraftangan sahaja. Mungkin kita boleh buat permainan budak-budak, mungkin buat plastik kerana di Taiwan dan Korea, industri-industri kecil ini dia buat di bawah-bawah rumah, di bengkel-bengkel, di woksyop-woksyop yang kecil-kecil. Dan ternyata di Taiwan dan juga di Hong Kong kebanyakan pendapatan negara itu iaitu 80% adalah berpunca daripada industri-industri kecil, industri-industri sokongan bukan dalam bentuk industri-industri komoditi yang utama seperti getah, kelapa sawit kerana sana tidak ada getah, tidak ada kelapa sawit. Bukan

juga bijih kerana di sana tidak ada bijih, bukan juga koko kerana di sana tidak ada koko. Jadi, menyedari akan hakikat ini saya kira sudah sampai masanya ragam bentuk industri itu dialih ataupun dikisarkan kepada bentuk kemahiran yang lain. Ada dakwaan dan kompelen yang jelas daripada rakyat tempat atau penduduk negara ini kenapa difokuskan ini sahaja. Yang ini memang eloklah bukan saya kata tidak elok, dipertingkatkan lagi. Kerana saya lihat permintaan begitu membanggakan daripada luar negeri. Penawaran kita agak berkurangan.

Saya juga menyedari bahawa mesin-mesin yang dihantar di industri-industri kecil ini tidak sesuai. Dia beli kemudian menjadi model-model sahaja, menjadi bahan-bahan pameran sahaja. Perkara ini hendaklah diambil kira secara serius mulai daripada sekarang.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 01100, Majlis Amanah Rakyat—satu, di Semenanjung, yang kedua lagi mengenai perdagangan dan perindustrian, menyentuh tentang pengendalian syarikat dan juga pinjaman perniagaan. Saya rangkumlah secara keseluruhannya. Di mana hari ini kita lihat terlalu banyak orang yang menganggur, yang tidak bekerja. Apa salah kalau bentuk pinjaman perniagaan ini diberikan kepada orang-orang yang menganggur ini. Hari ini kita duduk fokus kepada rakyat yang agak dah biasa, dah umum tetapi kalau kita beri kepada mereka yang menganggur, yang mempunyai kelulusan yang tertentu saya rasa baik.

Misal katakan Kerajaan Negeri Terengganu mengadakan satu skim iaitu latihan sambil kerja di mana skim ini diberikan mengikut kategori kelulusan mereka. Ada yang diberikan \$100, ada \$150, ada \$200, ada \$250, ada \$300. Yang SRP itu mungkin dia beri \$150. Kemudian yang SPM itu

\$200. Ini adalah mereka yang menganggur. Jadi di bawah Majlis Amanah Rakyat ini saya kira boleh diambil kira soal-soal ini dengan minta mereka mengadakan kertas kerja yang sesuai ataupun cara-cara yang tertentu dan kita beri gaji bulanan yang tetap, \$150kah ataupun \$200 berdasarkan kelulusan mereka, SRP, SPM dan sebagainya. Dengan cara ini juga dia akan mengurangkan pengangguran serta mengurangkan masalah sosial negara daripada kita duduk labur kepada peminjam-peminjam kecil air batu tepi jalan dan sebagainya. Ini saya kira kadangkala kalau dibandingkan dengan soal mereka yang mempunyai kelulusan yang baik, yang tinggi saya yakin dan percaya, mereka yang bereducated, yang berpelajaran mempunyai sikap dan usaha untuk maju saya kira lebih baik daripada apa yang ada.

Jadi, saya mintalah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ini mengadakan satu skim latihan sambil kerja khusus untuk membasmi pengangguran yang wujud di negara ini yang begitu ketara yang kalau tidak dimainkan sama peranan oleh agensi-agensi tertentu saya kira mungkin Kerajaan tidak berdaya dalam soal-soal ini.

Saya yakin akan dijawab nanti oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahawa skimnya sudah ada, pinjaman perniagaan ada—ada \$5,000 atau \$250,000. Itu saya tidak hendak usik. Yang saya hendak sentuh, yang saya hendak beri pandangan iaitu skim khusus diberi kepada para penganggur yang berada di Malaysia ini. Cara yang saya cadangkan itu iaitu diberi dalam bentuk sumbangan bulanan tetapi dengan syarat mereka menjalankan satu bentuk perniagaan ataupun jalankan satu bentuk pembuatan. Misal katakan dia boleh buat dari segi ternakan ataupun dia boleh buat dari segi tembaga. Atau pun dari segi tanaman, apa sahaja. Itu dibuat

macam satu ketentuan di mana mereka dapat pendapatan bulanan yang tetap. Ini berbeza sedikit dengan pinjaman yang kita beri selonggok \$5,000 atau \$10,000. Tetapi pendapatan itu diberikan secara bentuk bulanan dan dikekalkan dengan syarat projek yang hendak diberi itu adalah viable.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh sedikit mengenai dengan pinjaman perniagaan ini. Kita bukan main lagi iklan, begitu lebih, begitu hebat tetapi bila peniaga-peniaga hendak dapatkan pinjaman begitu sukar. Saya ingat surat rekomen saya untuk peminjam-peminjam ini kepada MARA, bertimbun-timbun tidak berapa laku sangat. Kadang-kadang saya berasa hampa. Begitu juga Wakil Rakyat-Wakil Rakyat yang lain. Kalau Wakil Rakyat DAP macam Kepong itu lagi susahlah. Tetapi yang saya hendak sebut kita ini iaitu yang dinyatakan untuk memberikan surat sokongan dan sebagainya kurang layanan, kurang mendapat perhatian. Ini mungkin berpunca daripada kekurangan ataupun taburan pinjaman yang tidak menentu.

Saya kira sudah sampai masanya pihak Majlis Amanah Rakyat ataupun MARA ini fokus balik berapa banyakkah taburan-taburan yang diberikan di negeri-negeri tertentu. Saya difahamkan kalau di tempat itu banyak, banyak sangat. Kalau kurang, kurang sangat. Ini bukan saya buat secara teka-teka tetapi kajilah balik bentuk pinjaman kawasan mana yang banyak, kawasan mana yang kurang. Ini perlu kerana dalam soal penyusunan dalam soal menaburkan agihan-agihan pendapatan itu perlu kita bersikap lebih hati-hati dan lebih adil sedikit. Walau bagaimanapun saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak MARA yang telah. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tuduhan Yang Berhormat ini agak liar sedikit. Saya ingin bertanya daripada tuduhan tersebut apakah benar terdapat pilih kasih dalam pemberian pinjaman.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuduhan saya tidak liar, tuduhan saya jinak.

Saya mengatakan demikian kerana surat-surat sokongan yang saya beri dan juga Wakil Rakyat yang lain yang beri tidak mendapat tempat dan perhatian, benar. Kalau saudara Yang Berhormat mahu surat-surat itu boleh saya tunjukkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Boleh tidak Yang Berhormat dari Marang menyebut kepada Dewan ini kawasan mana yang dapat lebih dan kawasan mana yang dapat kurang. Adakah Kemaman dapat lebih, Marang dapat kurang ataupun Arau kurang.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Marang dapat kurang. Batu Berendam dapat lebih. Puas hati ya?

Jadi, kita melihat perkara-perkara ini perlulah kita lihat dan semak kembali. Begitu juga saya difahamkan had pinjaman ini. . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Pengerusi, penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.



**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tadi Yang Berhormat kata surat rekomendasi yang dihantar bertimbun-timbun. Jadi, saya ini Ahli Dewan Rakyat dari parti yang belum lagi masuk Barisan Nasional dan saya tak fikir saya sudah rekomen bertimbun-timbun, ada juga yang berjaya. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu, bertimbun-timbun belum berjaya.

Jadi, ertinya seolah-olah baiklah macam saya ini, tidak bertimbun-timbun tetapi berjaya dan tidak macam Yang Berhormat itu dalam BN tetapi tidak berjaya. Bertimbun-timbun sudah. Jadi bagaimana saya cadangkan supaya kurangkan rekomendasi itu supaya nilai, mutu rekomendasi itu lebih tinggi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasankah?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya, penjelasan kepada dialah. Minta dari dia bagaimana, cadangan saya supaya kita semua ahli-ahli Dewan Rakyat ini jangan banyak sangat, kita ini kalau selalu orang tengok, orang sudah bosan. Jadi saya sendiripun, kalau, orang tengok, saya sembunyi sahaja, sekali-sekala sahaja keluar, jadi orang ingin hendak tengok. Kalau selalu sahaja keluar, mungkin orang sudah bosan, jadi tegur pun tidak mahu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okay, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Fasal dia tidak berjaya kerana dia tidak buat kerja. Kalau dia tidak buat kerja, dia hendak rekomen apa? Dia Parti Bebas. Macam saya ini bertimbun-timbun yang tidak berjaya tetapi ada juga yang bertimbun kecil-kecil yang berjaya. Tetapi banyak yang disebutkari ini tidak berjaya. Dia ini

mungkin dia tidak ada recommendation, dia tidak buat sokongan, jadi relekslah, serupa macam DAP juga. DAP tidak ada semua, mereka sudah cabut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan. Bertimbun-timbun itu berapa banyak? 10 helaikah, 20 helaikah, 30 helaikah surat yang dikatakan bertimbun-timbun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jikalau sebut satu, maknanya sa. Kalau beberapa, dua pun beberapa. Kalau timbun satu, kalau dua helai pun timbun, katau saya letakkan tiga empat helaipun bertimbun-timbun. (*Ketawa*) Ini mengikut bahasa. Yang Berhormat dari Pasir Mas ini kurang arif tentang bahasa, (*Ketawa*) dia kena belajar dulu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya kurang puas hati dengan penjetasan dari segi bahasa itu. Mengikut Bahasa Malaysia yang diterima oleh orang di Simunjan, bertimbun ini bukan satu, dua sahaja tetapi berguni-guni, (*Ketawa*) jadi sama juga dengan bahasa yang diterima oleh Ahli dari Pasir Mas. Saya minta penjelasan sekali lagi.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sebab itu dia fail periksa, sebab dia ikut istilah "bertimbun-timbun" ikut istilah Simunjan, tetapi saya, bertimbun-timbun, saya ikut istilah Bahasa Malaysia. Kalau guni itu, dia tidak panggil bertimbun-timbun, dia panggil berguni-guni. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat dari Marang ada kata tadi saya tidak lulus periksa. Ini tuduhan berat. Saya lulus periksa sewaktu saya kena tahanan ISA dahulupun, tahun akhir saya periksa dalam tahananpun, tidak ada pensyarahpun, saya lulus.

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dia lulus periksa ISA.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan dengan ucapan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, dia lulus periksa ISA, tetapi Bahasa Malaysia dia fail.

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, ini tidak betul, ini masuk dalam rekod *Hansard*. Saya lulus Bahasa Malaysia. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Peringkat mana?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dia lulus periksa Bahasa Malaysia peringkat Darjah 6 sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya lihat, jumlah pinjaman. Saya difahamkan jumlah pinjaman diberi suku juta ringgit sahaja. Saya ingin tahu, yang lebih daripada \$100,000 itu berapa? Yang dalam tingkungan suku juta ringgit ini berapa? Yang saya banyak faham, tidak tahulah betul atau tidak. Tetapi betulkah kalau saya salah, iaitu yang boleh dikatakan 70% pinjaman ini di dalam angka \$50,000 ke bawah. Hendak mendapat \$5,000, \$10,000 ke bawah mungkin mudah sahaja, tetapi yang besar-besar ini tidak ada. Kalau kita hendak bercakap tentang satu bentuk perniagaan yang besar, bukan saya hendak suruh bercakap besar, tetapi mesti berjiwa besar, rancangan kita besar, setakat hendak melahirkan peniaga-peniaga menjual air batu, kacang putih, menjual bunga di tengah jalan, kain ela, keropok lekor di tengah jalan, budu, ini saya ingat tidak payah berniaga sangatlah.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Mohd. Ghafar:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit, keropok lekor itu apa dia, saya tidak faham. Itu bukan Bahasa Malaysia, rasa saya.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ini seorang lagi yang tidak lulus Bahasa Malaysia. Keropok lekor itu ialah keropok yang panjang berlekor-lekor. Dalam kamus lengkap susunan Dewan Bahasa dan Pustaka ada perkataan "Lekor—L-e-k-o-r". Kalau tidak percaya, buka halaman 47. Bukan sahaja kita perlu berjiwa besar, rancangan yang besar, tetapi peruntukan itu biarlah lebih. Saya ingat peruntukan MARA ini kena tarik banyak kepada bentuk perniagaan. Hari ini kita tidak mahu bercerita sangat tentang adanya kemudahan infrastruktur, adanya pembangunan, tetapi rakyat miskin, meleset, rakyat di luar bandar susah. Kita ada api, ada elektrik, ada air, ada jalan tar bagus, tetapi makan—kais pagi makan pagi. Ini oleh sebab pinjaman susahlah. Kita tidak mahu melahirkan usahawan-usahawan air batu, kita tidak mahu melahirkan usahawan kacang putih, kalau dia hendak buat airbatu, biar perniagaan airbatu besar, perniagaan kacang putih besar.

Tuan Pengerusi, saya melihat cita-cita kita ini biarlah besar kerana kita sudah sampai ke ambang 1990 di mana tempoh Dasar Ekonomi Baru akan habis. Kalaulah ambang ini kita tidak capai segera, saya ingat peratus kita yang tertinggal baki sebanyak 12% ini tidak bermakna dan saya melihat MARA ini mempunyai fungsi yang sangat jelas dan tegas bahawa ianya merupakan satu agensi yang akan mempercepat, mempertingkatkan, mempergiatkan ekonomi bumiputera selain daripada PERNAS di bawah Yang Berhormat dari Batu Berendam punya pengendalian.

Satu lagi saya hendak komplek ialah proses pinjaman ini memang lambat, mungkin disebabkan tiada komputer, mungkin banyak red-tape, mungkin juga disebabkan ketidak cekapan, mungkin, mungkin, mungkin, tidak tahulah apa juga tiga empat mungkin, tetapi yang ternyata lambat. Kalau beginilah caranya, saya ingat beratlah, sebab kalau proses demi proses yang kita minta ditandang balik, itu balik, ihi balik, ini akan menyusahkan orang ramai. Saya syorkan kepada MARA belilah komputer semua. Anak-anak buah yang tidak pandai komputer, trainlah, hantarlh mereka belajar supaya senang. Orang tidak pakai sistem fail-fail lagi. Saya berterima kasih juga dan bangga penggunaan itu telah dimulakan di MARA, tetapi pengendalian secara menyeluruh ini tidak dibuat lagi.

Saya dengar komplek daripada anak-anak buah MARA, mungkin ada sebahagiannya ada dalam Dewan ini bahawa mereka ini dibebani oleh sistem fail yang lama. MARA ini bagi saya sebuah anak syarikat, sebuah agensi yang mengendalikan soal publik yang begitu besar. Boleh dikatakan orang Melayu yang berniaga ini siapa yang tidak kenal MARA, siapa yang tidak ingat MARA dia bukan orang Melayu lagilah. Yang Berhormat dari Kepong itu memang dia tidak tahu. Cerita-cerita yang seperti ini adalah merupakan cerita-cerita yang kita kena lihat dan sedar daripada sekarang.

Saya dengar juga pihak Pembangkang DAP seperti Yang Berhormat dari Kepong ini dia tidak bersetuju pinjaman diberi kepada orang Melayu ini. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Kepong, kenapa dia tidak bersetuju pinjaman diperbanyakkan sedangkan kita masih lagi ketinggalan dalam penyusunan ekonomi, kita masih lagi jauh kebelakang. Kalau dia bercakap, langsung tidak ada pembelaan kepada

MARAKah, kepada bumiputerakah. Kalau betul Parti DAP ini parti yang betul-betul memperjuangkan semua kaum, saya hendak dengan jawapannya sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat. Jangan jemput begitu.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okay. Saya bukan jemput, kalau dia hendak bangun pun saya tidak beri, tetapi saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi, Butiran 01100—Pengendalian Syarikat dan Pinjaman Perniagaan. Ini memang banyak dan ini saya ucap tahniah dan saya berasa bangga. Tetapi saya juga fikir, kalau kita cuba mencambah dan menghidupkan syarikat-syarikat bumiputera, tetapi syarikat-syarikat ini tidak bolehlah dibiarkan berlangsung atau berjalan berdikari di atas dirinya sendiri. Perlulah pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) ini memberi jurutunjuk-jurutunjuk yang begitu baik, jurutunjuk-jurutunjuk, juruajar-juruajar yang berpengalaman. Kita tidak boleh sama-kannya dengan pengendalian syarikat kita yang baru hendak dikenalkan ini dengan syarikat gergasi seperti Boon Siew ataupun syarikat-syarikat lain yang besar-besar. Syarikat Honda misalnya. Syarikat ini syarikat yang perlu dikendalikan supaya dia berjalan dengan betul. Yang saya lihat kepincangan kita hari ini iaitu syarikat-syarikat itu hanya diberikan dalam bentuk pinjaman sahaja tetapi dari segi pengendalian, trend, cara dan arah ini susah. Saya tertarik apa yang PERNAS buat ini iaitu dia mengendalikan perniagaan kedai runcit di luar-luar bandar, kemudian dihantar pegawai dia, dia datang hari-hari untuk semak, duduk, atur dan saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam ini cekaplah. Memang baguslah dia.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya ingat Yang Berhormat, tidak tahulah sama ada Yang Berhormat ini ahli perniagaan ataupun tidak. Yang dimaksudkan tadi ialah PERNAS Edar bukan?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Adakah mengikut pandangan Yang Berhormat PERNAS berjaya sekarang?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Memang berjaya saudara Yang Berhormat dari Arau tahu atau tidak. Syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh PERNAS Edar ini ada syarikat lain hendak beli kerana berjaya. Yang Berhormat dari Arau ini tidak tahu, dia tahu politik sahaja. Berniaga tidak berapa erti. Jadi, dalam soal melahirkan syarikat-syarikat yang bermutu tinggi kita juga ingin melihat syarikat-syarikat ini dapat berhubung di luar negeri, dapat berdagang di luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya juga merasa terkilan dan sedih sedikit, oleh sebab imbangannya dagangan antara Malaysia dan luar negeri, terutama dengan negeri China. Setiap tahun, imbangannya dagangan kita. . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apa dia?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** On a point of order. Saya rasa Yang Berhormat daripada Marang ini terkeluar daripada tajuk yang patut

kita bincangkan seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah 33A.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Betul, Yang Berhormat. Saya bersetuju.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi bersetuju dan Ahli dari Batu Berendam pun kata begitu. Tetapi ayat saya belum habis lagi, kalau ayat saya habis, Tuan Pengerusi pun bersetuju iaitu perdagangan dengan China. Kita lihat syarikat-syarikat China yang sentiasa lebih dagangan daripada kita setiap tahun meningkat. Apa salahnya anak-anak syarikat MARA ini diberikan peluang untuk berdagang dengan negara-negara ini sama ada dengan China, India ataupun dengan Korea. Soalnya sekarang pengendalian syarikat ini hanya difokuskan, diperuntuk, dipersempitkan di dalam negara ini sahaja—Malaysia sahaja. Setuju atau tidak Ahli dari Batu Berendam? Betul atau tidak?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** On a point of order, 36 (1). Kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, iaitu kita minta tambahan sebanyak \$5 juta untuk pengusaha-pengusaha kecil luar bandar membina chalet atau rumah penginapan untuk disewakan kepada pelancong-pelancong. Itu yang kita bincangkan pada hari ini. Tidak ada kaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Marang, Walau macammana pun, saya hendak ucapkan terima kasih kerana memuji PERNAS tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah terkeluar, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Itu tambahan, saya sudah yakin \$5 juta tetapi dalam butiran 01100, halaman 20 juga ada kaitan dengan jumlah anggaran harga projek yang asal sebanyak \$226.8 juta iaitu dalam anggaran asal.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Untuk pengendalian syarikat dan pinjaman perniagaan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, betul, Masih lagi masuk.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terkeluar daripada tajuk, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kita masuk kepada tajuk. Jadi tajuk yang hendak saya masukkan ini memberi kesimpulan kepada kita bahawa pengendalian syarikat-syarikat yang ada itu perlu difokuskan, ini kita bincangkan dari segi tambahan peruntukan. Tetapi, ini juga kita kena kaitkan. Ia tidak akan berlaku tambahan kalau sekiranya tidak ada peruntukan yang asal. Peruntukan yang asal itu merupakan pokok dalam soal menentukan serta mengendalikan syarikat-syarikat ini. Jadi, kita lihat tambahan ini merupakan yang kecil yang sedikit. Jadi, perkara-perkara yang seperti ini kita kena lihat dan kaji kembali.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada pengendalian syarikat ini, saya kira \$5 juta ini bukan sahaja dalam bentuk pinjaman perlu kita buat tetapi kursus-kursus, khidmat-khidmat nasihat walaupun ada yang dibuat pada hari ini perlulah dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kalau kita tidak mempertingkatkan dari masa ke semasa dari segi kualiti dan sebagainya, kita tertinggal, kerana cabaran dunia perniagaan pada hari ini kita out. Saya hendak ambil perbandingan antara orang Cina dengan orang Melayu. Kita rasa kita sudah baik dan cekap. Adanya berbagai dasar termasuklah MARA tetapi walaupun peratus kita ditingkatkan daripada 4% kepada 18%, orang Cina meningkat kepada 50% lebih daripada 30%. Begitulah juga dalam konteks perdagangan luar. Kita rasa Malaysia sudah naik tetapi sekitar ASEAN sudah naik. Begitu

juga kalau kita rasakan pertambahan ekonomi kita daripada 3% pada tahun 1985 dahulu kepada 6%. Hari ini kita lihat sekitar negara kita naik. Contohnya Thailand, sudah naik menjadi 11%. Berbalik kepada butiran ini kalau kita pandang dan kita kaji dalam butiran yang ada ini maka kita sedarlah satu perubahan perlu kita buat. Kita tidak mahu dalam membicarakan soal-soal pinjaman perniagaan ini orang kita masih lagi kais pagi, makan pagi, merempat di tepi jalan, hanya laku di kaki-kaki lima, hendak jumpa benda-benda macam ini di Chow Kit sahaja. Yang besar-besar lain tidak dapat kita kendalikan dan tidak sempurna perjalannya. Kalau hendak buat kaki lima, tidak apa. . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong hendak meminta penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, Ahli dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya nampak butiran ini mengenai chalet sahaja dan rumah penginapan untuk disewakan kepada pelancong-pelancong. Baik Yang Berhormat dari Marang pergi ke chalet untuk beristirehat sebelum mari ke sini untuk merambang-rambang, mumbuta tuli dan sebagainya. Itususahlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ahli dari Kepong tidak sabar. Saya belum masuk lagi kepada chalet. Baru saya hendak masuk, dia sudah tanya. Lain kali sabarlah dahulu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masuk sekarang, Yang Berhormat. Lambat sangat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, saya masuk sekarang.

Jadi, mengenai dengan chalet, saya difahamkan bahawa MARA memberi pinjaman untuk pembinaan chalet-chalet iaitu sebanyak \$8 ribu pada peringkat awal. Lepas bincang balik jadi \$7 ribu. Jadi, pinjaman ini saya kira perlulah dibesarkan, sebab sekarang ini kita pelbagai pihak telah melancarkan pelbagai pakej pelancongan. Saya sendiri jaga nelayan dan melihat nelayan di seluruh negara ini. Kita perlu nelayan-nelayan ini berubah sikap. Nelayan-nelayan hari ini bukan lagi digalakkan menangkap ikan tetapi juga digalakkan untuk mengadakan pakej-pakej pelancongan, antaranya termasuklah buat kedai ikan bakar, permainan tradisi, kebudayaan, termasuk ikan salai, termasuk juga pembinaan chalet-chalet. Kita galakkan chalet-chalet dibuat oleh nelayan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang Berhormat ini menarik perhatian saya, kerana Yang Berhormat inilah di antara yang paling kerap mengatakan adil dan saksama tetapi dari segi berucap ini nampaknya Yang Berhormat ini tidak adil dan saksama, kerana banyak sangat pergi sana, pergi sini dan masa yang digunakan itu banyak.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apa penjelasan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jadi, hendak penjelasan. Adakah Yang Berhormat ini mencadangkan dari segi menggunakan masa ini adil dan saksama juga sebagaimana yang pernah dilaungkan oleh Yang Berhormat sendiri? Sila. Perike-manusiaan dipohon.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Macam dia itu Speaker. Kalau jadi Tuan Pengerusi, Speaker tidak apa. Ini dia mempersoalkan kewibawaan Tuan Pengerusi, marah sedikit Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, berbalik kepada chalet tadi, chalet yang berharga \$7 ribu. Cuba Tuan Pengerusi dan juga Ahli Dewan bandingkan dengan projek kos rumah murah. Kos rumah murah yang paling murah—\$16 ribu. Lazimnya \$20 ribu ataupun \$25 ribu. Tidak percaya, tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Betul tak?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan soal-menyoa di sini.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hendak tanya, bukan hendak cabar. Minta maaf, Tuan Pengerusi. Jadi, berbalik kepada soal ini. Kita minta supaya peruntukan yang dikeluarkan oleh MARA—\$7 ribu sebuah chalet ini perlu dipertingkatkan, kerana hari ini kaum-kaum nelayan di seluruh negara memang indah, cantik dan menawan. Dengan bayunya yang bertiup, berhembus, dengan batubatan yang disusun atur oleh Allah s.w.t. itu, dengan pantainya yang bertiup-tiupan dengan angin sepoi-sepoi bahasa, cantik dan menawan tetapi tidak tersusun, tidak cantik. Jadi, kalaulah kita hendak buat satu chalet dengan \$7 ribu, saya ingat memanglah tidak cukup. Buat jamban pun sudah \$2 ribu. Mat Salleh, dia tidak mahu berak jamban yang berharga \$500. Pelancong-pelancong ini tidak tertarik dengan itu. Jadi, kita mahulah satu bentuk benda yang standard. Biarlah pinjaman itu bukan dalam bentuk sekadar melepaskan batuk ditangga tetapi kesungguhan. Ini Yang Berhormat dari Arau, dia duduk dalam MARA, dia kena cerita benda-benda seperti ini. Dia kena sensitif dan peka kepada masalah pinjaman.

Jadi, berbalik kepada chalet . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** (*Bangun*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Arau ini kurang peka terhadap perkara-perkara Yang Berhormat timbulkan tadi itu?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Lebih kurang begitulah! Dia tidak berapa peka sangatlah kepada masalah nelayan ini, dia suka berentap dengan DAP sahaja!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pekalah, jangan cakap pakai rambang sahaja; jamban yang macam mana harga \$2,000? Saya hendak tanya jamban yang macam mana, malah di Grand Continental Yang Berhormat duduk itu, jamban yang Yang Berhormat duduk itu tidak sampai \$2,000; harganya \$250 sahaja, tempat Yang Berhormat duduk itu. Jamban yang macam mana yang berharga \$2,000 ini, ada emas agaknya?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau Yang Berhormat dari Arau baca akhbar *The New Straits Times*, bukan baca majalah Gila-gila ataupun kartun, jamban yang standard berharga US\$7,000; kali dengan 2.7-\$18,000, itu jamban yang standard.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan, saya baca tetapi dia bukan sebut "jamban", dia kata "bilik air"; bilik air termasuk tempat mandi dan sebagainya. Ini "jamban" ialah tempat

kita menguruskan perkara tersebut. Mana ada jamban berharga \$2,000 di Malaysia ini, saya hendak tanya dekat mana? Di rumah Perdana Menteri pun tidak sampai \$2,000, tempat Perdana Menteri duduk itu. Ini kita hendak beri chalet \$2,000 ini, macam mana?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, dalam *The New Straits Times* memang dia tidak sebut "jamban", dia sebut "toilet"—fasal *Straits Times*. "Toilet" ini ertinya jambanlah dalam Bahasa Melayu, bilik air, tandas dan sebagainya.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya terkeliru sedikit, Kertas Perintah 33A Tahun 1989, mukasurat 11-tambahan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar membina chalet, penginapan. \$5 juta atau \$5 ribu, macam mana ini, yang mana dirujukkan ini? Saya ini pening sedikit.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya mintalah. . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dia pening nanti saya beri ubat, Tuan Pengerusi, tidak usah bimbang. Takkanlah chalet tidak ada jamban, cari dalam dunia ini mana ada chalet tidak ada jamban, semua chalet ada jamban. Jamban itu termasuklah bilik mandi, bilik air, tak tahulah kalau di Simunjan ada chalet tidak ada jamban.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat cubalah . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak, saya jelaskan . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk sekejap, cuba . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ada chalet di Pulau Tioman yang saya pergi tidak ada jamban, jambannya jauh di sana, dia share, di tempat itu tidak ada jamban.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah, Yang Berhormat! Saya rasa sudahlah topik ini, bolehkah kita masuk kepada topik yang selaras dengan maruah Dewan ini.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sedang berada dalam Butiran (Projek) 01100 Majlis Amanah Rakyat dan juga 01 Kertas Perintah 33A Tahun 1989. Yang \$5,000,000 ini didahului daripada Simpanan Luar Jangka [B (14.00) 202/5/5-11]. Saya tidak terkeluar daripada apa yang saya cakup, Tuan Pengerusi.

Saya menjelaskan tadi bahawa chalet ini perlu ditingkat dan dibesarkan pinjaman. Daripada \$5,000,000 ini memanglah kita hendak beri kepada banyak tempat tetapi kalau terlalu banyak tempat sangat kita lihat kemudian kita tengok dan kemudian kita hendak beri kepada semua orang, saya takut yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Jadi, rungutan demi rungutan, kita adakan sahaja benda itu tetapi tidak ada kesan. Kita ini kadang-kadang macam orang berniaga, semua hendak itu, hendak ini. tidak ada yang spesifik, tidak ada penumpuan yang sebenarnya kepada sesuatu topik. Jadi, perkara yang seperti ini kita tidak mahulah berlaku.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya menyanjung penuh apa yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tetapi saya ingin mengesyorkan supaya peruntukan pinjaman kepada pembinaan chalet ataupun

rumah penginapan ini dibesarkan terutama di kawasan-kawasan nelayan yang saya sebutkan tadi mempunyai keindahan, kecantikan alam semula jadi dan kita syorkan supaya pembinaan chalet ini ditingkatkan menjadi \$20,000 sekurang-kurangnya, barulah benda itu munasabah, barulah boleh berfungsi dengan cara yang baik. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau.

5.16 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim(Arau):** Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama dengan kawan-kawan untuk membincang mengenai P.54 tetapi sebelum itu saya cuma kesallah sedikit sebab tadi dibincangkan dengan secara panjang lebar perkara-perkara yang tidak berhubung dengan P.54—P.54 hanya chalet sahaja, tidak ada fasal burung puyuh, tidak ada fasal imbalan perdagangan tetapi dibenarkan oleh Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingat saya terpaksa dibenarkan bersama untuk membincangkan perkara yang tidak termasuk dalam Jawatankuasa sebab Cokmar sekarang berada di tingkat bawah, kita tidak boleh bincang fasal dasar. Sekarang saya ingat saya akan bincang cuma kepada tajuk ini dan sedikit perkara lain kerana orang lain dibenarkan, saya rasa saya juga mendapat hak untuk berucap.

**Tuan Pengerusi:** Kalau orang lain buat salah, kita pun hendak buat salah juga! (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, tadi semua orang bercakap macam itu, jadi tidak apalah. Walau bagaimanapun saya akan cuba hadkan kepada perkara ini.

Saya hendak sentuh satu sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu tambahan ini dipohon sebanyak \$5,000,000 untuk



membina chalet, jangan kita bincang lain daripada perkara tersebut, sampai ke jamban dan sebagainya. Jadi, saya hendak sentuh yang pertamanya, tiap-tiap pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA tidak payah memakai cagaran, dia cuma menggunakan penjamin dan penjamin pula dimestikan mempunyai pendapatan tertentu dan sebagainya.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin hendak peringatkan kepada MARA kalau hal ini berterusan, saya rasa ramailah Wakil-wakil Rakyat, mungkin juga Tuan Pengerusi, mungkin juga semua pihak, yang akan terlibat menjadi penjamin dan selepas itu menanggung hutang. Hampir semua, sampai Wakil Rakyat berhenti pun dia masih lagi menanggung hutang kerana menjadi penjamin dan adalah menjadi tradisi MARA dan juga banyak pihak lain mencari penjamin dahulu, bukan dia cari orang yang membuat pinjaman. Walaupun orang yang meminjamkan wang itu mempunyai tanah dan sebagainya, tetapi apabila dia tidak boleh bayar, penjamin yang dicari. Kalau penjamin itu ada "Y.B." sedikit di depan, itu yang dicari dan semua Yang Berhormat ini takut kena declare bankruptcy dan sebagainya, terpaksa-lah mencari di sana sini untuk membayar hutang yang berkenaan.

Kalau perkara ini berterusan saya rasa kurang elok. Cara yang paling tepat untuk menjadi penjamin-penjamin ini diteruskan, sebab ini bagus, tetapi jangan disyaratkan pendapatan itu. Mungkin dilihat orang yang menjamin itu mempunyai harta dan sebagainya yang boleh kita benarkan dia menjadi penjamin. Kalau pakai penjamin mengikut pendapatan sahaja, jadi kita akan kesusahan, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, ramai yang sudah menjamin, jamin biasiswalah dan juga jamin untuk pinjaman bukan sahaja chalet dan juga lain-lain pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA.

Carilah jalan yang membolehkan supaya kita jangan meletakkan penjamin itu mempunyai pendapatan tetap yang selalu dibuat. Mungkin kalau sekiranya dia mempunyai tanah, dia sendiri ada harta yang boleh menjadi sokongan, kita benarkan dia menjamin, bukan beri syarat orang yang ada pendapatan sahaja. Dan kalau boleh, pihak MARA mengenakan juga, mungkin boleh mengeluarkan peraturan supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak dibenarkan menjamin, itu lebih baik, sebab kita ini adalah terlibat dalam menggubal polisi dan sebagainya, kalau sekiranya kita juga terlibat di dalam jaminan, dia akan berat sedikit. Kalau MARA tidak keluarkan peraturan, kita terpaksa mengikut kehendak pengundi-pengundi kita yang meminta kita menjamin kalau tidak ada orang lain yang menjamin dan dengan itu kita akan terlibat dengan hutang sampailah kita berhenti kerja nanti.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pembinaan chalet, saya rasa tumpuan hanya diberi kepada pulau-pulau yang menarik seperti Pulau Tioman, Pulau Perhentian, Pulau Langkawi dan sebagainya. Saya hendak cadangkan di sini supaya pembinaan chalet ini dibenarkan juga di tempat-tempat lain yang menarik, yang boleh menarik perhatian orang. Contohnya, tidak perlu di pulau, di kawasan-kawasan sungai, di kawasan-kawasan pergunungan yang boleh diberi pertimbangan untuk membina chalet. Kita lihat anak-anak muda kita sekarang ini dan juga pelancong-pelancong luar negeri yang amat gemar dengan bentuk rekreasi yang dianjurkan oleh kelab-kelab dan sebagainya di negara kita.

Contohnya bagi peminat-peminat yang mendaki gunung dan sebagainya, dan yang menghadapi masalah apabila pergi ke tempat-tempat yang mereka perlu bermalam dahulu sebelum

mereka memanjat, jadi eloklah chalet itu bukan sahaja dibenarkan di pulau-pulau tetapi dibenarkan juga di tempat-tempat lain di kawasan yang elok seperti di kawasan sungai, pergunungan dan sebagainya.

Itu saya setuju, satu sahaja daripada Yang Berhormat dari Marang tadi, yang lain sebab dia, bercakap di luar tajuk, iaitu hendak membuat projek ini memang mudah tetapi hendak mendapat pinjaman itu agak susah sedikit. Cubalah, kalau boleh janganlah orang yang memohon pinjaman itu sudah "fed-up", dengan izin, baharulah kita memberi pertimbangan. Sebab dalam perniagaan ini kadang-kadang benda itu memang diperlukan segera untuk menjamin pertandingan dan lain-lain lagi dari segi pasaran, kalau sekiranya selepas itu pinjaman kita memberi kelulusan pinjaman, perkara itu mungkin sudah basi, mungkin orang yang hendak meminjam sudah tidak berminat lagi, bila tidak berminat, jika dia buat chalet, chalet itu menjadi tempat persinggahan dia sendiri.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya percaya diantara kriteria yang dibenarkan membina chalet ini, kalau mengikut laporan yang saya dapati di sini sekarang ini mungkin telah menurun sehingga \$5,000. Jadi, saya setuju, walaupun \$7,000 memang tidak mencukupi untuk membina chalet. Saya bukan sahaja mementingkan bangunan itu, tetapi hiasan dalam chalet itu sendiri, dan ini amat penting untuk menarik pelancong-pelancong supaya dia dapat merasa yang sebenarnya di masuk ke tempat yang bernama chalet, bukannya pondok, ran ataupun lain-lain lagi. Jadi, saya setuju dengan kawasan saya tadi, iaitu elok sekali pinjaman ini ditinggikan sedikit sekurang-kurangnya \$10,000, walaupun dia cadangkan tadi \$20,000, supaya dia boleh membina chalet dan juga sedikit

peralatan dalam untuk menarik perhatian pelancong-pelancong. Saya mohon mencadangkan dan meminta supaya perkara-perkara yang saya sebutkan termasuk penjamin, tempat-tempat membina chalet dan lain-lain lagi supaya diberi pertimbangan, dan akhir sekali saya setuju supaya tambahan peruntukan ini bukannya \$5 juta, tetapi sepatutnya ditambah lebih lagi untuk membolehkan banyak peniaga-peniaga kita dapat membina chalet dan juga dapat mencari alternatives, dengan izin, kepada pembinaan hotel-hotel yang besar. Kita ada hotel Pelangi di Langkawi, sekurang-sekurangnya siapa yang sanggup duduk di bangunan yang berharga \$170.00 sebilik, tentulah kita lebih suka duduk di tempat yang berharga \$30.00 ataupun \$40.00 sebilik. Sekurang-kurangnya boleh memberi gantian kepada tempat tinggal sekiranya kita melawat pulau-pulau dan lain-lain tempat perancangan di negara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.23 *ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang bangkit untuk berucap di dalam permohonan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mendapatkan tambahan peruntukan sebanyak \$5 juta di bawah Maksud P.54.

Bagaimanapun sebelum saya menerangkan satu persatu, saya ingin memberitahu bahawa peruntukan ini di bawah butiran yang dinyatakan adalah dipohon semata-mata untuk membiayai pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil luar bandar

membina chalet ataupun rumah penginapan-until disewakan kepada pelancong-pelancong. Jadi, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut dan Matang saya fikir adalah terkeluar daripada maksud ini. Bagaimana pun Kementerian akan mengambil ingatan, dan saya tidak bercadang untuk menyentuhnya pada petang ini.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan sama ada tujuan kita memohon tambahan untuk membina chalet adalah bercanggah dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina hotel-hotel yang besar. Kami kira ini tidaklah bercanggah kerana sasaran yang kami tujukan ialah kepada bumiputera luar bandar yang mempunyai tanah dan tanah-tanah mereka berada di kawasan pelancongan. Kita juga ingin menggalakan bumiputera yang tidak berkemampuan untuk membina hotel besar untuk turut serta di dalam bidang perindustrian pelancongan. Berkenaan dengan kajian yang ditanyakan oleh Yang Berhormat berkenaan juga, didapati bahawa dengan adanya chalet yang akan di bina oleh pengusaha-pengusaha itu, anggaran pendapatan yang akan diperolehi adalah antara \$1,600—\$2,000, sedangkan bayaran kembali bagi pinjaman yang dilanggarkan sebanyak \$21,000 itu adalah hanya sekadar \$387 sebulan. Dengan itu kita anggapkan bahawa setiap pinjaman yang akan dipohon oleh pengusaha itu akan dapat dibayar balik sekiranya mereka betul-betul dapat mengusahakan industri pelancongan yang telah diberikan pinjaman itu. Perkara yang dibangkitkan . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** \$10,000 kah atau \$7,000?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tiap-tiap satu chalet berharga \$7,000, setiap pemohon diberikan 3 chalet jumlahnya \$21,000. Saya belum sampai ke situ, sebenarnya. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas yang bertanya berapa banyakkah chalet yang akan di bina dan di mana, untuk pengetahuan Yang Berhormat, di dalam perancangan telah ada 714 chalet yang sedang kami rancang dan sudah dilaksanakan ialah 51 buah—21 di Pulau Tioman dan 30 di Pulau Langkawi. Yang Berhormat dari Muar telah bertanya kriteria-kriteria yang di perlukan untuk mendapatkan pinjaman ini. Antara kriteria-kriteria ialah mereka mempunyai tanah dan tanah itu berada di dalam kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan pelancongan sedangkan syarat-syarat pinjaman ialah . . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Beliau baharu menyebutkan bahawa jumlah chalet yang dirancangkan ialah 714, kalau tidak silap saya yang disebutkan tadi, dan yang telah dibina 51 buah, nampaknya perbezaan diantara 714 unit yang dirancangkan dan dibandingkan dengan yang dibina, ini jauh sekali, bermakna 600 unit lebih yang belum dibina. Mengapa kelewatan ini berlaku?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, itu yang dibina seperti yang dipohon tetapi "in the pipeline", dengan izin, masih banyak lagi seperti di Kedah pada hari ini yang masih di dalam permohonan baharu 36 buah, tidak termasuk yang ada di Langkawi.

Tuan Pengerusi, antara kriteria-kriteria pinjaman yang akan dikenakan ialah faedah yang akan dikenakan 4% dengan bayaran balik selama 60 bulan. Berkenaan penjamin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau, disebabkan salah satu daripada kriteria-kriteria pemohon pinjaman ialah bahawa seseorang itu mesti mempunyai tanah, maka kita harap bahawa tidak ada jaminan yang akan dikenakan atau pun meminta penjamin, cuma ada "loan agreement" iaitu surat perjanjian untuk membayar balik pinjaman ini. Berkemungkinan juga kita akan menyemak sama ada tanah itu sendiri boleh dijadikan sebagai collateral untuk pinjaman itu.

Sama ada chalet-chalet ini boleh dibina di pergunungan ataupun di sungai-sungai, kita akan mengenal pasti perkara ini kerana setakat ini kita hanya mengenal pasti di Pulau Tioman dan di Pulau Langkawi. Sekiranya ada kawasan-kawasan yang boleh kita bangukan untuk membina chalet dan ia menepati target sasaran untuk pelancong-pelancong low budget, dengan izin, melancong, bolehlah kita fikirkan dan timbangkan perkara ini. Sama ada . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit penjelasan, saya kurang faham tadi. Yang Berhormat sebut tadi penjamin tidak perlu dan kita cuma mungkin akan jadikan tanah-tanah itu sebagai collateral, dengan izin. Saya kurang pasti mungkin akan jadikan, adakah sekarang ini, macam mana cara yang dibuat.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Setakat ini belum lagi kita jadikan tanah sebagai collateral, cuma setakat Loan Agreement sahaja yang kita buat.

Kemungkinan itu ada tetapi sehingga ini belum lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, dengan itu saya cadangkan kita pakai perjanjian biasa, tidak payah berikan tanah dijadikan collateral. Tidak payah, saya tidak cadang yang itu, saya hendak cadang supaya penjamin tadi.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Memang penjamin tidak ada. Cuma ada Loan Agreement sahaja. Berkenaan dengan sama ada pinjaman ini ditingkatkan daripada \$7,000 memanglah yang kita anggarkan maksimum bagi satu buah chalet ialah hanya \$7,000 sahaja dan kita rasakan bahawa seperti chalet-chalet yang kita lihat di Pulau Tioman itu setakat \$7,000 adalah memadai bagi kita membina satu chalet, tambahan pula setiap orang pengusaha yang memohon untuk mendapatkan chalet itu diberikan 3 chalet bermakna setiap orang mendapat pinjaman sebanyak \$21,000. Jadi, Kementerian tidak berhasrat untuk menambahkan jumlah pinjaman yang diberi untuk membina chalet ini. Sama ada pinjaman ini menepati matlamat ataupun tidak, Kementerian merasakan bahawa dengan adanya pinjaman ini kita dapat memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha bumiputera yang ingin berkecimpung di dalam bidang industri pelancongan ini dan dengan ini saya rasa . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya pohon daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat telah memberikan jawapan secara tidak tolak ansur tadi, Kementerian tidak berhasrat untuk menambahkan \$7,000. Saya percaya Yang Berhormat tidak pernah berpengalaman duduk dalam chalet.

Saya ini sebagai pelancong kelas rendah ini selalu tidur di chalet. Saya tahu sangat bahawa \$7,000 memang tidak mencukupi. Dato' Abdul Kadir pun pernah pergi ke Pulau Tioman, dia seorang peminat pulau, dia pun mengetahui bahawa chalet \$7,000 ini memang tidak mencukupi untuk membiayai sebuah chalet yang lengkap.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, saya pernah pergi melihat chalet di Pulau Tioman. Apa yang saya katakan daripada permohonan yang telah kita belanjakan setakat hari ini kita belum lagi berhasrat untuk menaikkan jumlah pinjaman yang akan dibuat. Jadi, kita akan menetapkan bahawa sebuah chalet yang akan dibina akan memenuhi syarat pinjaman sebanyak \$7,000 tetapi sekiranya seseorang pengusaha itu ingin membina lebih dari itu maka dia terpaksa menambah daripada sumber dia sendiri. Jadi, seperti yang saya sebutkan tadi sama ada pinjaman ini akan memenuhi objektif . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan. Adakah kawalan \$5,000 pinjaman ini.

**Tuan Pengerusi:** \$7,000.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Daripada \$7,000 harganya adakah kawalan ini disebabkan berasaskan kepada kemampuan pengusaha chalet ini untuk membayar balik kepada institusi yang dipinjamkan ataupun memang kita sengajakan supaya had maksima pinjaman ini hanya \$7,000 walaupun project paper, dengan izin, yang dibentangkan oleh peminjam mampu untuk membayar lebih

daripada yang diberi oleh pihak peminjam.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, ini adalah had yang diberikan oleh Kementerian iaitu \$7,000 bagi satu chalet. Tuan Pengerusi . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan. Beberapa kali Yang Berhormat telah menekankan bahawa itu adalah had maksima yang diberikan oleh Kementerian tetapi memandangkan bahawa kemungkinan besar harga chalet ini mungkin lebih daripada \$7,000 dan jawapan Yang Berhormat beriklan tadi iaitu kalau lebih bermakna pengusaha kena tambah duit sendiri. Saya rasa kalau betul-betul MARA hendak membantu usahawan-usahawan bumiputera ataupun hendak mewujudkan usahawan bumiputera dari segi perniagaan chalet ini kita kena benar-benar tolong. Oleh kerana itulah saya bersetuju dengan pandangan kawan saya tadi iaitu naikkan sekurang-kurangnya \$10,000 kalau tidak \$20,000. Jadi, adalah dia punya tolak ansurnya itu, katau kita hendak, dengan izin, firm dengan angka \$7,000 dan tidak boleh ditambah, saya rasa ini kurang sihat sedikit, dan minta kalau boleh MARA janganlah terlampau ketat sangat dengan ruling seperti ini kerana sekarang harga barang telah mula naik balik. Dahulu \$7,000 boleh sebab dahulu kontraktor tidak ada kerja, sekarang ini kerja cari kontraktor maknanya it is contractor's market, dengan izin. Jadi, kalau boleh dipertimbangkan semula angka \$7,000 ini sekurang-kurangnya \$10,000 kalau tidak ada \$15,000.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, kalau banyak rayuan daripada Yang Berhormat kita akan fikirkan. Tetapi apa yang saya ingin jelaskan bahawa kalau kita kumpulkan 3 chalet bagi satu orang jumlahnya juga adalah \$21,000. Jadi kalau kita naikkan

setiap satu chalet \$10,000 jumlahnya juga akan naik kepada \$30,000 dan ini akan berkemungkinan untuk kita menilai balik dari segi kemampuan mereka membayar balik pinjaman-pinjaman itu. Bagaimanapun kita mengambil ingatan di atas . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Pengerusi . . .

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak berucap apa Yang Berhormat hendak tanya itu.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Ini ada kaitan dengan apa yang diucapkan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tahulah, tetapi dia hendak sambung tadi, biarkan dia sambung. Yang Berhormat SetiausahaParlimen.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Kalau difikirkan bahawa dari segi keselesaan dan kemampuan yang mendesak kita akan mengkaji dari segi kemampuan mereka untuk membayar balik apabila peruntukan ataupun pinjaman ini ditambah.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Dari segi kemampuan yang Yang Berhormat khawatirkan sama ada pengusaha itu kalau sekiranya diberi pinjaman lebih daripada \$7,000 itu mungkin tidak mampu, saya rasa boleh dicari jalan yang lain iaitu faedah yang dikenakan tadi 4%, itu saya rasa memang berpatutan tetapi pembayaran balik 60 bulan ataupun 5 tahun, kalau boleh ini disambungkan sedangkan sekarang bank-bank kalau beh pinjaman

perumahan harga murah kepada pembeli-pembeli maksimum sekarang ini ialah 30 tahun, jadi kalau pinjaman ini pembayaran balik pinjaman \$7,000 ataupun \$10,000 yang kita cadangkan tadi itu dipanjangkan tempoh pembayaran balik maka mampulah pengusaha itu bayar kepadanya melainkan kalau MARA hendak ketatkan juga kalau \$10,000 pembayaran 5 tahun atau 60 bulan memanglah pembayaran balik itu tinggi dan tidak mampu. Jadi, ini saya rasa ada jalannya boleh diselesaikan.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, baiklah kalau banyak daripada Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi menyarankan supaya untuk keselesaan pelancong-pelancong kita terpaksa menaikkan jumlah pinjaman, Kementerian akan melihat dari segi kesesuaian yang dipohon oleh Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Marang, tidak puas hati lagi?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tidak puas hati lagi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak puas hati lagi, silakan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tadi, yang pertama itu saya puas hati, dia akan naikan.

**Tuan Pengerusi:** Dia bukan kata hendak naikan, dia kata akan timbang hendak naikan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Dia kata akan naik. Dia tidak kata timbang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Akan memandangkan apa, macam mana dia kata.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Akan naik, bukan timbang. Timbang lain, akan naik. Yang saya tertarik hati itu katanya, yang naik itu saya setuju, yang 3 itu kenapa 3, kenapa tak 5 atau 10 sedangkan hari ini boleh dikatakan chalet-chalet yang ada dalam Malaysia hari ini boleh dikatakan penuh—full house, tak cukup. Jadi katau dapat 5 ataupun 10, pendapatan dia mungkin lebih banyak, ini 3 chalet cukup-cukup hendak bayar kos overhead. Jadi perkara-perkara yang seperti ini bukan sahaja saya hendak minta dinaikkan dari segi pinjaman satu-satu chalet tetapi banyak chalet itu, jangan dihadkan kepada 3 dan skim pembayaran itu kalau banyak, dipanjangkan lagi, dibesarkan lagi, ini dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sambungan, Tuan Pengerusi. Kalau dihadkan kepada 3 apakah MARA ada membuat satu peraturan, setelah habis bayar 3 chalet ini baru diberi pinjaman yang baru ataupun adakah satu peraturan setelah beberapa peratus, umpamanya 70% bayaran dijelaskan, pihak pengusaha boleh membuat permohonan untuk 3 chalet yang baru dengan pinjaman yang maksima yang telah diberi bagi pinjaman yang pertama.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, kalau kita menetapkan 3, orang ada bertanya mengapa 3? Kalau ditetapkan 5 pun akan ada orang bertanya mengapa 5, tetapi . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat beri jalankah?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan sedikit berkenaan dengan . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya bangun dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Saya habiskan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Boleh berkemungkinan bahawa target kita ialah pengusaha-pengusaha bumi-putera yang dari segi mempunyai tanah yang sedikit untuk dimajukan membina chalet. Jadi ada kalanya bahawa tanah-tanah ini muat 3 ataupun lebih daripada itu, tetapi pada hari ini kita hanya memberikan setakat 3 chalet tetapi ini bukan bermakna mereka tidak boleh mengembangkan daripada satu masa ke satu masa, adalah terpulang kepada prestasi yang akan dicapai oleh tiap-tiap pengusaha itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Marang dahulu.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, adakah maksud Yang Berhormat tadi bahawa setelah prestasi yang ditunjukkan dari segi pembayaran 3 itu baik akan dipertimbangkan untuk raendapatkan pinjaman ataupun bagaimana?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Kalau tanah mereka masih ada ruang untuk membina bangunan tambahan, berkemungkinan dan prestasi yang baik akan diberikan sokongan untuk mereka mengembangkan perniagaan di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kedua, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya memang lojik pada masa yang dia buat 3 chalet itu tidak cukup, kemudian dia hendak tambah lagi 2, 3 ataupun lebih ataupun sebagainya, bolehkah dipertimbangkan walaupun bayaran kepada 3 itu belum selesai?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Kalau mereka telah beroperasi, iaitu mereka telah menjalankan perniagaan dan kita dapati prestasinya baik, boleh dipertimbangkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, sekiranya dari segi kajian projek didapati bahawa adalah elok kalau sekiranya seseorang pengusaha itu membina, katakan 5 buah, oleh kerana tanah ada, buat 5 buah chalet kerana kalau dibuat 3, kemudian macam sepertimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan tadi selepas didapati prestasi 3 buah chalet ini baik, maka 4, 5 tahun kemudian itu diberi pinjaman, mungkin pada masa itu harga itu sudah berlainan, bukan \$7,000, bukan \$10,000, mungkin lebih daripada itu. Saya bukan ahli ekonomi, tetapi dari segi economy of scale, dengan izin, saya rasa kalau sekiranya seseorang pengusaha itu mempunyai satu bidang tanah yang luas yang boleh muat 5,6,7 atau 10 misal katakan, ini kalau sekiranya dari segi kajian hari ini harga pembinaan itu boleh menjimatkan pembinaan harga kalau dibina pada masa akan datang adalah rasa saya lebih logik sekiranya diberi peluang kepada pertimbangan yang wajar kepada seseorang pengusaha itu untuk mendirikan lebih daripada 3, tak usah kita tetapkan yang 3 ini, kita kena flexible sedikit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, hasrat kita menetapkan 3 ialah supaya kita dapat memberikan peluang kepada berapa ramai orang yang akan menyertai di dalam bidang industri pelancongan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung bahawa memanglah objektif seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Muar tadi sama ada pinjaman ini akhirnya akan mencapai matlamatnya, bahawa tujuan kita mengadakan pinjaman ini ialah untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kecil bumiputera untuk

turut serta di dalam bidang perindustrian pelancongan ini dan dengan adanya pinjaman ini saya kira kita dapat menggalakkan mereka turut serta melabur ataupun mendirikan bangunan-bangunan yang diperlukan untuk pelancong-pelancong datang melancong di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan pelancongan.

Jadi, saya kira itu sahajalah perkara-perkara yang telah disentuh. Berkenaan dengan perkara-perkara lain sama ada permohonan untuk mendapatkan pinjaman ini sukar ataupun tidak, kita akan cuba bahawa segala kesukaran yang telah kita alami selama ini akan kita dapat mearaskan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pemohon-pemohon. Seperti yang saya katakan tadi, perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan yang keluar dari tajuk ini kita akan ambil ingatan untuk . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bagan Serai.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya memandang bahawa projek ini walaupun sedikit diberi pinjaman adalah baik, tetapi apa yang merisaukan saya ialah sejauh mana MARA mengadakan satu kerjasama yang berterusan, umpamanya promotion yang dilakukan oleh syarikat-syarikat sendirian berhad yang memakan perbelanjaan yang begitu banyak. Dalam ini saya meminta supaya MARA membuat promotion bersama-sama dengan Kementerian Kebudayaan dan Peiancongan supaya perbelanjaan promotion ini tidak ditanggung oleh pengusaha-pengusaha chalet yang kecil ini. Adakah MARA sudah merancang ataupun akan menolong mengadakan promotion ini dengan badan-badan



lain ataupun dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan di negara kita.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Pulau Langkawi dengan Pulau Tioman ini sudahpun terkenal disebabkan adanya iklan-iklan yang sedang berjalan pada masa ini. Jadi chalet yang akan kita bina ini adalah hanya menampung keperluan yang begitu banyak oleh pelancong-pelancong yang tertumpu akibab adanya iklan-iklan yang wujud pada hari ini. Bagaimanapun, sekiranya perkara ini diperlukan, saya kira tidak keberatan bagi MARA untuk turut serta menyumbangkan untuk mengiklankan bidang pelancongan di pulau-pulau yang dikenalpasti ini.

Buat akhirnya, itulah sahaja yang saya dapat jawab dari segi soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh keenam-enam Yang Berhormat tadi. Seperti yang saya katakan, bagi bidang-bidang lain Kementerian akan mengambil ingatan dan mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 54 dalam anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi Tahun 1989 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 1 hingga 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

**Tuan Pengerusi:** Masaihnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2) telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$125,681,240 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$125,681,240 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Keat):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang dan Sukat 1972 telah digubal dengan objektif untuk mengadakan unit-unit sukatan dan piawai-piawai

jisim dan sukatan berdasarkan sistem unit antarabangsa di samping mengadakan peruntukan-peruntukan yang membolehkan kawalseliaan dibuat ke atas pembuatan, pembaikan, penjualan dan penggunaan timbang atau sukat atau alat-alat timbang atau sukat kegunaan untuk perdagangan. Sungguhpun Akta Timbang dan Sukat 1972 ini telah diluluskan dalam tahun 1972 lagi, pelaksanaan pentadbiran dan penguatkuasaannya hanya bermula secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1981 bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat dan orang awam faham dan dapat menyesuaikan diri dengan sistem unit antarabangsa atau (SI Unit) atau lebih dikenali dengan sistem metrik. Dalam jangka masa 10 tahun tersebut iaitu daripada tahun 1972 hingga 1981, orang ramai telah diperkenalkan dengan amalan sistem unit antarabangsa SI Unit melalui pelbagai aktiviti dan program diseminasi dan pendidikan termasuk penerbitan dan penyebaran risalah dan buku-buku panduan. Pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dilaksanakan dengan sepenuhnya mulai tahun 1984 dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas urusan pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini.

Pencapaian pelaksanaan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan perundangan subsidiary yang dibuat di bawahnya adalah memuaskan, baik dari segi penerimaan orang ramai terhadap sistem unit antarabangsa mahupun dari segi pembanterasannya berhubung dengan timbangan dan sukatan di dalam perdagangan. Di sepanjang tahun 1988, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membuat pengesahan dan penandaan dengan cop ke atas 246,731 unit timbang sukat atau alat timbang atau sukat dengan pungutan

fee sejumlah \$3,100,066 berbanding dengan 24,892 unit dengan pungutan fee sejumlah \$341,352.25 sahaja dalam tahun 1984. Dalam tahun 1989 iaitu sehingga akhir bulan September, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membuat pengesahan dan penandaan dengan cop ke atas 212,780 unit timbang sukat atau alat timbang atau sukat dengan pungutan fee sejumlah \$2,736,716.50. Timbang atau sukat atau alat-alat timbang atau sukat yang disahkan dan ditandakan dengan cop oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini adalah timbang sukat atau alat-alat timbang atau sukat dalam unit metrik yang menepati spesifikasi yang ditentukan oleh penyimpan atau custodian untuk kegunaan perdagangan.

Berhubung dengan tindakan membanteras penyelewengan timbangan dan sukat dalam perdagangan pula, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dan perundangan subsidiary yang dibuat di bawahnya ke atas 1,967 peniaga dalam tahun 1988 berbanding dengan 553 peniaga dalam tahun 1984.

Dalam tahun 1989 iaitu sehingga bulan September tahun ini, tindakan undang-undang telah diambil ke atas 2,744 peniaga di bawah Akta ini. Perangkaan di atas menunjukkan pencapaian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam menguruskan pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972. Kejayaan ini adalah kerana wujudnya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak dan penerimaan baik orang ramai terhadap perubahan kepada sistem unit antarabangsa ini. Walau bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan yang dikenalpasti perlu diatasi melalui pindaan kepada Akta Timbang dan Sukat 1972. Dengan demikian, Rang Undang-undang Akta Timbang dan

Sukat (Pindaan) 1989 untuk meminda Akta Timbang Dan Sukat 1972 ini dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989 ini ialah untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 bagi meluaskan serta memperkemaskan beberapa peruntukan yang sedia ada dan mewujudkan beberapa peruntukan baru supaya Akta tersebut lebih lengkap dan sempurna dari sudut perlindungan pengguna dan dari sudut memudahkan pihak-pihak yang terlibat bemrusan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, skop pemakaian Akta Timbang dan Sukat 1972 adalah terhad kepada timbang dan sukat atau alat timbang atau sukat kegunaan untuk perdagangan sahaja. Kerajaan berpendapat skop pemakaian Akta ini perlu diperluaskan supaya kawalseliaan boleh dibuat ke atas timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat awam termasuk yang digunakan untuk menentukan upah yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa kerja atau perkhidmatan yang diberikan.

Pindaan kepada tajuk panjang Akta adalah untuk membolehkan skop pemakaian Akta ini diperluaskan dan pindaan kepada Seksyen 11 Akta adalah untuk meluaskan takrifan perbahasan kegunaan untuk perdagangan supaya meliputi segala rupa bentuk transaksi yang menggunakan alat timbang dan sukat bagi membolehkan kawalseliaan dibuat ke atas timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan bagi menentukan upah yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa kerja atau perkhidmatan yang diberikan.

Pindaan kepada Seksyen 2 Akta pula adalah untuk memperuntukkan takrifan khusus kepada beberapa perbahasan seperti "alat timbang dan

sukat" atau "alat timbang dan sukat awam" dan "cap penentuan" di samping mengadakan takrifan baru kepada perkataan "premis" yang digunakan dalam Akta untuk memudahkan pelaksanaan dan pemahamannya.

Seksyen 14 Akta adalah peruntukan berhubung dengan penandaan dan penentuan serta perakuan-perakuan penentuan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat. Peruntukan ini juga menggariskan prosedur pelaksanaannya. Pindaan kepada Seksyen 14 ini dan penwujudan seksyen baru iaitu Seksyen 14A adalah bertujuan untuk memperkemaskan dan mempermudah prosedur penandaan dan pengesahan serta perakuan-perakuan penentuan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat supaya tugas-tugas ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan sempurna serta tidak membebankan pihak-pihak yang berurusan. Dengan pindaan dan pengwujudan peruntukan baru ini juga, timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang bukan kegunaan untuk perdagangan boleh diperiksa dan ditentukan dan ditandakan dengan cap atau disahkan atas permintaan pemiliknya. Apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan untuk perdagangan yang telah ditentukan dan ditanda dengan cap atau disahkan perlu disahkan semula jika ianya dibuka dan dipasang semula sama ada di tempat yang sama ataupun di tempat lain. Kuasa untuk menentukan masa dan tempat di mana pengujian atau penandaan dan pendandaan dengan cap atau pengesahan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat dijalankan, dipindahkan kepada Ketua Inspektor. Pada masa ini kuasa ini terletak kepada Menteri.

Kerajaan juga berpendapat bahawa kawalseliaan perlu dibuat ke atas alat timbang dan sukat awam iaitu alat timbang atau sukat yang diadakan

untuk kegunaan orang ramai dan yang penggunaannya suatu bayaran dikenakan. Justeru itu, peruntukan baru iaitu seksyen 14B dan 14C diwujudkan. Dengan adanya peruntukan baru ini, tiada sesiapa jua boleh mengelolakan apa-apa penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang atau sukat awam, melainkan ia memegang satu perakuan daripada mana-mana Timbalan Ketua Inspektor yang memperakui bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi pelaksanaan tugas-tugasnya dengan sempurna.

Sebagai langkah mencegah daripada berlakunya penyelewengan atau pemalsuan berhubung dengan penandaan cap, penentuan pada timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat, satu peruntukan baru iaitu Seksyen 20A diwujudkan. Peruntukan ini melarang mana-mana orang yang bukan Inspektor Timbang dan Sukat daripada melakukan perbuatan-perbuatan berhubung dengan penandaan ke atas timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak melarang pembuat ataupun pembaik timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang berlesen daripada melakukan apa-apa pindaan berhubung dengan penandaan cap semasa menjalankan kerja-kerja penyesuaian atau pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pemusnahan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dirampas di bawah kuasa Akta Timbang dan Sukat 1972 adalah mandatori, iaitu mengikut Seksyen 23 Akta. Kerajaan berpendapat peruntukan ini adalah terlalu ketat dan merugikan kerana dari pengalaman terdapat alat timbang dan sukat yang dirampas di bawah kuasa Akta ini adalah dari jenis yang bermutu dan tinggi harganya dan masih boleh dibaiki. Justeru itu, Seksyen 23 dimahsuhkan dan satu peruntukan baru iaitu

Seksyen 28A diwujudkan. Seksyen baru yang diwujudkan ini memperuntukkan secara terperinci prosedur berhubung dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil ke atas timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang disita. Peruntukan ini juga meletakkan kuasa pelupusan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dirampas ke atas Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan pemusnahan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dirampas tidak lagi mandatori.

Pindaan kepada Seksyen 28 dan perwujudan peruntukan-peruntukan baru iaitu Seksyen 27A dan 28A adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang memberi kuasa yang memadai kepada Inspektor Timbang dan Sukat bagi membolehkan penguatkuasaan Akta ini dan perundangan subsidiary yang dibuat di bawahnya dilaksanakan dengan lebih efektif. Ini adalah perlu memandangkan kuasa-kuasa yang ada, yang terkandung dalam Seksyen 28 Akta adalah tidak memadai.

Untuk melindungi Inspektor Timbang dan Sukat dan Pegawai-pegawai Polis yang melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini daripada apa-apa ligitasi niat jagat satu peruntukan baru iaitu Seksyen 28B diwujudkan. Perwujudan Seksyen baru iaitu 34A pula adalah untuk memberi kuasa kepada Ketua Inspektor Timbang dan Sukat untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu yang berbentuk teknikal, Peruntukan kuasa mengkompaun ini adalah untuk menjimatkan masa dan kos.

Pindaan kepada Seksyen 29 adalah bertujuan untuk memperluaskan kuasa-kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan khususnya kuasa menghadkan maksud-maksud dan transaksi-transaksi yang baginya sesuatu timbang atau sukat atau alat

timbang atau sukat boleh digunakan. Menetapkan kelas, ketepatan bagi timbang atau sukat tertentu yang akan digunakan untuk perdagangan, melarang penggunaan alat timbang atau sukat tertentu sama ada secara mutlak atau kecuali dengan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh peraturan-peraturan. Membuat peruntukan bagi pendaftaran dan pemeriksaan berkala akan alat timbang atau sukat awam dan menetapkan procedure berhubung dengan permohonan ujian dan pemeriksaan yang hendak diambil bagi pengeluaran perakuan untuk mengelolakan apa-apa alat timbang atau sukat awam.

Pindaan kepada Seksyen 3 Akta pula adalah untuk memperluaskan kuasa Menteri supaya meliputi kuasa untuk meminda Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga Akta. Pada masa ini kuasa Menteri berhubung dengan pindaan kepada jadual-jadual kepada Akta adalah terhad kepada kuasa untuk meminda Bahagian II dan III Jadual Pertama Akta sahaja. Pindaan-pindaan lainnya adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang berbangkit dan untuk memperbetulkan ralat tipografi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.14 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

membahaskan pindaan ke atas Akta Timbang dan Sukat 1972. Pada dasarnya pindaan dibuat bagi mengemas rapikan lagi Akta itu untuk menambah kuasa Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta pegawai Kementerian.

Sebenarnya, pengetatan undang-undang yang melindungi kepentingan pengguna memanglah patut, lebih-lebih lagi dengan peningkatan dalam harga barangan pengguna pada masa kini, termasuk barangan utama seperti makanan sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan pada 5-10-89, Indeks Harga Pengguna telah naik sebanyak 3.1% bagi lapan bulan pertama tahun ini bila dibandingkan dengan tingkat indeks dalam tempoh yang sama tahun yang lepas.

Indeks telah naik daripada 129.2% ke 133.2%. Satu barangan utama yang menyumbang kepada kenaikan indeks ialah bahan makanan yang meningkat sebanyak 4.2%.

Tuan Yang di-Pertua, hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu sebahagiannya adalah wajar kerana menyentuh mengenai menstandardkan sistem metrik atau S.I. Unit untuk menyelaras dan mempopularkan sistem S.I. itu di negara ini. Ini satu usaha yang saya harap dapat dipertingkatkan lagi supaya sistem yang dijalankan ini dapat meningkat kepada paras yang sempurna.

Namun demikian, pada masa yang sama kami juga perlu melindungi hak penjaja dan peniaga daripada penyalahgunaan kuasa oleh pihak pegawai Kementerian.

Sesungguhnya Seksyen 14B mengandungi peruntukan bagi mengambil tindakan terhadap orang yang diperakui untuk mengelolakan penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang atau sukat awam. Misalan membuat penimbangan atau penyukatan yang

tidak tepat, gagal menyerah kepada orang yang meminta penimbangan atau penyukatan atau pernyataan bertulis akan berat atau lain-lain sukatan. Menyerahkan pernyataan palsu akan berat atau sukatan atau melakukan, dengan izin, fraud dalam penimbangan dan penyukatan.

Akan tetapi, sekatan terhadap kekuasaan Inspektor Kementerian adalah tidak jelas. Di bawah Fasal 12 yang meminda Seksyen 28 Akta itu, Inspektor Kementerian boleh menyita atau menahan apa-apa barang, rekod atau dokumen yang beliau mempunyai sebab untuk mempercayai, dikehendaki dikemukakan sebagai keterangan dalam prosiding di bawah Akta.

Tuan Yang di-Pertua, perihal penyitaan barang-barang khususnya yang melibatkan permata berharga dan mutiara tidak disebutkan langsung sama ada sebarang senarai atau perakuan dalam hitam-putih yang Inspektor berkenaan telah menyita barangan, rekod mahupun dokumen serta nilai berat atau harga barangan yang disita kepada orang yang dikenakan tindakan. Apakah jaminan diperuntukkan di bawah Akta yang barang-barang, rekod mahupun dokumen yang disita atau ditahan akan dijaga dengan sebaik-baiknya, terutama sekali yang melibatkan permata berharga dan mutiara. Adakah insurans akan diambil untuk melindungi tuan pemunya barangan daripada risiko kehilangan dalam kes-kes penyitaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan hendaklah diadakan untuk melindungi tuan pemunya barangan daripada risiko kehilangan kerana kalau risiko ini tidak dikurangkan maka kejayaan penguatkuasaan akan terjejas. Setakat ini pengumuman yang dibuat oleh pihak Kementerian terhadap penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat tersangat terhad.

Setahu kita dalam tempoh masa Januari hingga Jun, 1989, Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Cawangan Selangor telah mengendalikan sebanyak 285 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat dengan jumlah penyitaan neraca penimbang dan pita ukur, dengan izin, weighing scales and measuring tapes yang bernilai \$89,337.00. Akan tetapi dengan pindaan kepada Akta ini, barang-barang penjaja atau peniaga yang dikenakan tindakan juga akan disita. Perkara menjamin barang-barang berharga yang disita akan selamat dalam simpanan Kementerian amatlah mustahak sekali bagi menenangkan fikiran tuan pemunya barang-barang itu dan jauh lebih penting lagi mengelak pihak Kementerian daripada digoda tamak haloba. Satu sistem yang lebih berkesan hendaklah diadakan untuk memelihara penjaja atau peniaga yang dikenakan tindakan dan barang-barang itu dirampas.

Perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah hak yang diberi kepada Inspektor Kementerian untuk memeriksa apa-apa perakuan dokumen atau kertas termasuk buku laporan, rekod, bil perkapalan dan bil muatan ataupun apa-apa data dalam simpanan orang yang dikenakan tindakan. Kekuasaan ini diperuntukkan di bawah subseksyen (1) (e), seksyen 28 yang baru. Kita tidak menafikan keperluan mendapatkan maklumat yang mencukupi sebagai bukti dalam tindakan pembicaraan yang dibuat ke atas pesalah di bawah Akta ini. Namun demikian kita harus sentiasa menjaga juga hak syarikat yang dikenakan tindakan untuk merahsiakan setengah-setengah maklumat perdagangan. Subseksyen (1) (e) gagal mempertahankan hak ini kerana syarat "jika ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia mengandungi maklumat yang relevant kepada penguatkuasaan Akta ini atau mana-mana peraturan di

bawahnya" adalah terlalu meluas definisinya. Sebaik-baiknya orang yang dikenakan tindakan berhak menerima garispanduan-garispanduan kasar yang teliti mengenai apakah di antara maklumat yang ditanggap relevant oleh Kementerian dan oleh berhak diperiksa oleh pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, garispanduan seperti ini juga boleh membantu pegawai mengendalikannya kerja siasatan beliau. Sekiranya permintaan maklumat tidak digariskan di dalam senarai, tetapi benar-benar diperlukan oleh pihak Kementerian, maka orang yang dikenakan tindakan berhak diberitahu sebab-sebab mengapa maklumat berkenaan diminta tanpa menjejaskan pengendalian kes siasatan oleh Kerajaan. Perkara atasan yang munasabah ini tidak harus dirahsiakan atau samar-samar dikuatkuasakan mengikut sesuka hati pegawai Kementerian yang mungkin berniat buruk, mengacau-ngacau sahaja peniaga untuk mendapat ganjaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sebutkan mengenai segelintir kecil penguatkuasa yang berdosa sahaja. Disebabkan seksyen 28B yang baru melindungi Inspektor daripada tindakan atau pendakwaan terhadapnya, orang umum kurang tekad hati dalam perkara melapor perbuatan rasuah kepada Badan Pencegah Rasuah, maka secara tidak semena-mena bahagian Akta ini telah membantu pegawai-pegawai Kerajaan yang berlaku curang. Lagipun, tanpa subseksyen (1) (e) ini, pihak Kementerian telah berjaya menjalankan tindakan undang-undang ke atas mereka yang melanggar Akta Timbang dan Sukat.

Merujuk semula kepada usaha Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Cawangan Selangor dalam tempoh

masa Januari hingga Jun 1989 daripada 285 kes yang dikendalikan itu, kira-kira 62.46% atau 178 kes berjaya dibawa ke mahkamah dan seterusnya denda sebanyak \$15,710 dikutip. Apakah niat sebenarnya di belakang pengetatan bahagian Akta ini? Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan sebaik-baiknya dengan maklumat yang lebih terperinci atau statistik yang dapat menyokong tindakan Kerajaan ini mengenai:

- (i) perlindungan kepentingan orang ramai supaya timbang dan sukat yang digunakan oleh para peniaga adalah mengikut standard yang ditetapkan dan jangan berlaku penipuan dan sebagainya; dan
- (ii) kuasa yang lebih besar telah diberi kepada pihak penguatkuasa untuk mengambil tindakan terhadap para peniaga yang disyaki menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah sentiasa berwaspada supaya para peniaga mempunyai ethic dan memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai. Saya bersetuju bukan semua peniaga adalah malaikat, ada yang melakukan penyelewengan dan pelbagai kesilapan dan penipuan kepada pelanggan dan orang ramai. Walau bagaimanapun, kita mendesak supaya pihak Kementerian mengadakan kawalseliaan yang lebih berkesan ke atas setengah-setengah pegawai yang menyeleweng. Dengan kuasa yang lebih besar, maka penyelewengan yang lebih besar mudah berlaku. Penyelewengan berbentuk rasuah mungkin akan meningkat seolah-olah pengetatan undang-undang dapat memberi lebih peluang kepada para penyeleweng untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan rakyat. Saya berharap dengan adanya Rang



Undang-undang yang ketat dan kawal-seliaan yang berkesan ke atas penyalahgunaan kuasa, bilangan penyelewengan sama ada di kalangan penguatkuasa ataupun di kalangan peniaga dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat. Esok kita sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*